

KESEMBILAN
Ninth
PERTAMA
First

Jilid 1 Bil. 38 Hari Isnin 6hb November, 1995

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996 (Ruangan 43)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1996 (Ruangan 43)

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 117)

Oktober, 1995.

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Pertama

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)

- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol .(B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 6hb. November, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TANAH DI KAWASAN LEMBAH KLANG -
KAJIAN MENGENAI BENTUK DAN KOMPOSISI**

1. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada terdapat kajian-kajian yang dibuat mengenai bentuk dan komposisi tanah di kawasan Lembah Klang, memandangkan berlakunya kejadian tanah tenggelam ataupun berlubang seperti di Jalan Ampang dan tempat lain baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Penyiasatan Kajibumi, di bawah Kementerian Perusahaan Utama, ada menjalankan kerja-kerja pemetaan geologi di kawasan Lembah Klang sejak tahun 1976. Peta-peta geologi berskala 1:63,360 yang menunjukkan jenis-jenis batuan dasar di kawasan berkenaan telah dikeluarkan. Peta geologi yang lebih terperinci (skala 1:25,000) yang meliputi sebahagian kawasan Kuala Lumpur juga telah disediakan dalam tahun 1993.

Kajian khusus mengenai bentuk dan komposisi tanah bukan terletak di bawah bidang kuasa jabatan berkenaan. Kajian seumpama itu biasanya adalah merupakan sebahagian daripada kajian penyiasatan tapak yang dijalankan oleh pihak pemaju sebelum sesuatu projek pembangunan dijalankan.

Namun demikian, pada masa ini Jabatan Penyiasatan Kajibumi, sebagai tindakan proaktif, sedang berusaha mengumpul pelbagai maklumat berkenaan jenis, kekuatan dan kandungan tanah serta aras air bawah tanah di kawasan Lembah Klang dan sekitarnya. Ini dilakukan dengan menjalankan beberapa siasatan dan mengumpul maklumat daripada laporan-laporan siasatan tapak/tanah yang dijalankan oleh pihak swasta dan lain-lain agensi kerajaan. Maklumat ini kelak akan menyumbang kepada pembentukan pangkalan data yang lengkap tentang geologi, geoteknikal dan kewujudan “geohazard” di kawasan berkenaan.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah jika ada dikaji bumi, mengapakah masih berlakunya banyak tanah tenggelam dan runtuh di kawasan-kawasan di Kuala Lumpur, khasnya Jalan Puchong di mana jalan runtuh ke bawah sejauh 100 kaki dan dua kali berlakunya dalam tempoh satu bulan di Jalan Ampang, berdepan Ming Court Hotel. Adakah kejadian di Jalan Ampang itu berkait dengan kerja-kerja pembinaan PETRONAS Twin Tower? Apakah keputusan kaji bumi selepas berlakunya tanah runtuh di hadapan Ming Court Hotel? Adakah disebabkan oleh kerja pembinaan Twin Tower itu atau sebab yang lain?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kejadian tanah tenggelam di Jalan Ampang dan juga baru-baru ini pada bulan September di Jalan Lidcol off Jalan Yap Kwan Seng yang sebenarnya ialah di bawah kajian dan penyiasatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan mereka telah pun melantik sebuah jururunding profesional untuk menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan-cadangan serta langkah-langkah yang perlu diambil dan bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian saya.

GURU MENGAJAR DI BANDAR - ELAUN PERUMAHAN

2. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-
- (a) adakah kerajaan bercadang untuk memberikan elaun perumahan bagi guru yang mengajar di bandar kerana ramai di antara mereka terpaksa

menyewa rumah sewa yang langsung tidak sesuai bagi menempatkan diri. Ini adalah kerana rumah sewa yang sederhana tarafnya adalah terlalu tinggi kadar sewa;

- (b) berapakah peruntukan bagi membaik pulih bangunan sekolah rendah dan menengah di Sarawak bagi tahun 1994/1995 dan berapakah yang telah siap; dan
- (c) berapakah bangunan sekolah rendah dan menengah di kawasan Selangau telah dibaik pulih pada 1994/95 dan berapakah kosnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat ini kerajaan belum bercadang untuk memberikan elaun perumahan bagi guru-guru yang mengajar di bandar. Masalah kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar bukan sahaja dialami oleh para guru, bahkan juga oleh semua golongan kakitangan yang bertugas di bandar.
- (b) Jumlah peruntukan membaik pulih bangunan di sekolah rendah dan menengah di Sarawak bagi tahun 1994/1995 adalah sebanyak RM94.6 juta.
- (c) Sebanyak 2 buah sekolah menengah dan 25 buah sekolah rendah di kawasan Selangau telah dibaik pulih di bawah peruntukan pembangunan khas dengan kos berjumlah RM1.52 juta dan 18 sekolah rendah lagi telah dibaiki di bawah peruntukan mengurus dengan kos sebanyak RM96,000. Ini bermakna keseluruhan kos membaik pulih sekolah di kawasan Selangau ialah sebanyak RM1.62 juta.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyak rungutan daripada pihak sekolah bahawa peruntukan bagi membaik pulih bagi sekolah tidak berapa memuaskan kerana ditender kepada pihak kontraktor yang tidak bertanggungjawab. Adakah kerajaan bercadang supaya kerja-kerja pembaikan persekolahan itu diberi kepada PIBG atau pihak Jabatan Pendidikan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita telah kaji perkara ini dan kita akan membuat perubahan.

MAS - MENGURANGKAN TENAGA KERJA

3. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) benarkah Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengambil langkah mengurangkan tenaga kerjanya bagi menjamin keuntungan; dan
- (b) benarkah pengurusan MAS sekarang akan terus mengambil langkah menjual harta, perkhidmatannya dan sebagainya bagi mengatasi masalah kewangan syarikat itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengurangkan pengambilan tenaga pekerja bagi menjamin keuntungannya. Sebaliknya MAS masih meneruskan pengambil tenaga pekerja seperti biasa untuk memenuhi kehendak operasi syarikat.
- (b) Adalah tidak benar MAS akan menjual harta, perkhidmatan dan sebagainya bagi mengatasi masalah kewangan, memandangkan kedudukan kewangannya yang kukuh bagi membolehkan ia bersaing dengan lain-lain syarikat penerbangan di rantau ini. Keadaan ini dapat dilihat daripada rancangan jangka panjang MAS akan membeli pesawat baru bagi memenuhi keperluannya dan juga cadangan pembinaan operasinya yang baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di Sepang yang kini dalam pembinaan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mencapai keuntungan yang lebih bagi MAS, ada ura-ura MAS ingin menaikkan kadar tambang penerbangan domestik termasuk dari Sabah dan Sarawak. Apakah kerajaan telah mengkaji akan implikasi terhadap para penduduk Sabah/Sarawak kepada peniaga dan pelabur, pelancong dan juga integrasi nasional?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar MAS mengenai penerbangan dalam rantau ini senantiasanya mengambil berat tentang harga-harga tambang tiket di antara Malaysia dan juga di negara lain sama ada dalam penerbangan domestik ataupun antarabangsa.

Khususnya bagi penerbangan domestik, memang Yang Berhormat telah membangkitkan iaitu tambang di antara Kuala Lumpur dan negeri-negeri seperti Sabah/Sarawak adalah tinggi tetapi pada keseluruhannya selepas kajian yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan didapati harga yang sedia ada adalah munasabah dan saya percaya dari segi integrasi rakyat di seluruh negara tidak akan terjejas.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, dahulu MAS selalu memenangi anugerah sama ada anugerah perkhidmatan yang terbaik, anugerah keselamatan penerbangan, anugerah layanan yang termanis dan terbaik dan sebagainya. Jadi, akhir-akhir ini kita jarang sekali mendengar MAS memenangi anugerah-anugerah ini. Adakah ini menunjukkan bahawa prestasi MAS menurun dan adakah MAS menggunakan sistem vendor kepada bumiputera yang ingin berurusniaga dengan pihak MAS pada ketika ini setelah ia di'privatise'kan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Yan, sebenarnya saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Yan masih ketinggalan dari segi informasi. *[Ketawa]* Kalau saya tidak silap, mengikut satu majalah ataupun satu agensi antarabangsa yang membuat bancian, mengikut bancian yang terdapat, pada tahun 1994 MAS telah mendapat kedudukan yang kedua dari segi perkhidmatan in-flight ataupun in-flight services.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Keempat. *[Ketawa]*

Tuan Chor Chee Heung: Kedua atau keempat pun memang dalam dunia ini kita top.

Yang kedua, dari segi vendor service, Tuan Yang di-Pertua, memang MAS oleh kerana ingin memberi kesempatan dan peluang kepada pihak-pihak bumiputera khususnya syarikat-syarikat bumiputera adalah biasa supaya vendor system ini dapat dijayakan tetapi walau bagaimanapun, mutu perkhidmatan sama ada dari MAS ataupun dari segi vendor system, ianya akan dijamin.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN - BILANGAN DITANDATANGANI ANTARA PELABUR TEMPATAN DENGAN PELABUR CHINA

4. **Dr. Yap Yit Thong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapa banyakkah MoU (Memorandum Persefahaman) telah ditandatangani di antara pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur China telah berjaya menjadi kenyataan dalam perniagaan tersebut sejak lawatan Perdana Menteri ke negeri China pada tahun 1993.

7.11.95

31. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) bilangan “Memorandum of Understanding” (MoU) yang telah ditandatangani pada keseluruhan lawatan Perdana Menteri bersama-sama ahli-ahli perniagaan negara ini ke luar negara bagi tahun 1994 sehingga September 1995;
- (b) berapakah bilangan yang telah berjaya diimplementasikan;
- (c) berapakah bilangan yang gagal diimplementasikan dan apakah sebab kegagalan tersebut; dan
- (d) apakah tindakan susulan kerajaan mengenai kegagalan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam bertarikh 7hb. November 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 41 Memorandum Persefahaman (MoU), dengan izin, dan perjanjian usahasama telah ditandatangani oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia semasa lawatan Perdana Menteri ke luar negara pada tahun 1994 hingga September 1995. Ianya meliputi negara-negara Afrika Selatan, Filipina, Laos, Kemboja, Perancis, Turki dan Jordan. Daripada jumlah tersebut, 8 MoU telah dilaksanakan dan selebihnya adalah di peringkat perancangan dan rundingan.

Di samping itu, semasa lawatan rasmi Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada 13hb. Jun hingga 22hb. Jun 1993, sebanyak 36 MoU dan perjanjian usahasama antara 26 syarikat-syarikat Malaysia dan syarikat-syarikat Republik Rakyat China yang melibatkan pelaburan berjumlah RM8,224 juta telah ditandatangani.

Di antara 36 MoU dan perjanjian usahasama tersebut, 7 projek telah dilaksanakan dan beroperasi. 15 projek sedang dan dalam peringkat pelaksanaan, 7 projek di dalam peringkat perundingan, 4 projek dalam peringkat kajian kemungkinan dan 3 projek telah dibatalkan. Antara faktor-faktor yang menyebabkan pembatalan sesuatu MoU ialah kelewatan yang berpunca dari amalan birokrasi di negara-negara asing yang ketat, masalah di dalam pengambilan tanah untuk sesuatu projek, kurang pemahaman mengenai undang-undang yang berkaitan dan projek didapati tidak berdaya maju (viable), dengan izin, setelah kajian kemungkinan dijalankan.

Tambahan pula MoU bukanlah merupakan suatu instrument perjanjian yang mengikat kedua-dua pihak dari segi undang-undang sebaliknya MoU merupakan instrument yang menandakan hasrat bagi kedua-dua pihak untuk mengadakan sesuatu projek. Dengan itu, kedua-dua pihak mempunyai pilihan sama ada untuk melaksana atau membatalkan hasrat yang telah dipersetujui bergantung kepada kemampuan dan komitmen masing-masing.

Kegagalan melaksanakan MoU adalah timbul daripada perkara-perkara yang di luar kawalan pihak-pihak berkenaan. Dalam hubungan ini, bagi memastikan MoU yang ditandatangani tidak menghadapi kegagalan, kementerian ini akan membuat pengesanan yang berterusan yang memastikan supaya syarikat-syarikat yang menandatangani MoU benar-benar komited untuk melaksanakan sebarang projek yang telah mereka persetujui.

Di samping itu, kementerian sentiasa mengingatkan syarikat-syarikat Malaysia yang ingin melabur ke luar negeri supaya terlebih dahulu membuat kajian terperinci mengenai

sektor-sektor yang akan diceburi dan juga memahami undang-undang dan peraturan-peraturan di negara-negara berkenaan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, halangan-halangan yang dihadapi daripada MoU yang telah ditandatangani kerap-kali ia ada ejekan dari beberapa pihak di Malaysia sendiri, sebenarnya bukan MoU yang ditandatangani yang bermaksud ‘Memorandum of Understanding’, dengan izin, tetapi ‘Memorandum of Misunderstanding’ yang menyebabkan secara purata, saya ingin tahu dari Yang Berhormat, berapa lamakah penandatanganan MoU kepada perjanjian sebenarnya dan pelaksanaan projek berkenaan? Jadi, saya hendak tahu.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok tertakluk kepada keadaan dan suasana hubungan di antara syarikat tempatan dan juga syarikat-syarikat yang ingin menandatangani persetujuan dengan syarikat-syarikat asing. Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok pun sedia tahu bahawa di negeri China mengambil masa yang begitu lambat, syarikat yang Ahli Yang Berhormat terlibat pun mengambil masa selama 2 tahun untuk memastikan ianya wujud sebagai satu kontrak yang rasmi. Tetapi ini tidak bermakna bahawa perkara ini wujud hanya untuk syarikat-syarikat tempatan di Malaysia sahaja. Dari kajian dalam *News Week* baru-baru ini saya ingin membaca (to quote), ini mengenai hubungan di antara Amerika Syarikat dengan negara China, dengan izin:-

“Most of the 6 billion worth of business deals that Commerce Secretary, Ryan Brown landed for US companies during a visit to China last year are not yet of the ground because of delays in the Chinese bureaucracy”.

Bermakna selain daripada masalah-masalah birokrasi, ianya tertakluk juga dengan hubungan di antara kedua-dua pihak sama ada persetujuan itu adalah ‘Memorandum of Understanding’ atau ‘Misunderstanding’, terserahlah kepada kedua-dua pihak.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah penglibatan pelabur-pelabur bumiputera daripada pelaburan di negeri China dan bolehkah diberitahu peratusan ataupun jumlah penglibatan pelabur bumiputera daripadanya?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kementerian tidak membuat kajian terperinci mengenai pelabur-pelabur bumiputera yang telah menandatangani persetujuan dengan syarikat-syarikat dari negeri China setakat ini.

Tuan yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis.

[Soalan No. 5 - Y.B. Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis tidak hadir]

SAMAN OLEH POLIS TRAFIK - JUMLAH HASIL

6. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak polis trafik melancarkan perkhidmatan komputer untuk menyelesaikan saman dan kompaun, berapakah jumlah saman dan kutipan wang yang dipungut dari perkhidmatan ini dan apakah masalah yang timbul dari sistem ini seperti tiada penyelarasan antara negeri bagi menerima bayaran kompaun serta pihak pemilik baru terpaksa membayar kompaun sebelum kenderaan dapat ditukar nama sedangkan kesalahan itu dilakukan oleh pemilik/pemandu terdahulu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah saman yang didaftarkan bagi tempoh Januari hingga Oktober 1995 ialah sebanyak 1,445,979 dan jumlah kutipan kompaun ialah sebanyak RM78,379,971.

Melalui sistem trafik COPS (Compound Online Payment System), bayaran kompaun telah diseragamkan mengikut jenis kesalahan dan tidak sepatutnya timbul apa-apa masalah antara negeri.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa satu pengumuman yang dibuat oleh pihak polis trafik, lebih kurang sebulan sebelum pilihanraya umum yang lepas mengatakan bahawa pihak polis akan bekerjasama dengan JPJ supaya tidak membenarkan pemilik-pemilik kereta yang tidak menjelaskan kompaun mereka yang berjumlah lebih

kurang RM1.5 juta untuk membaharui cukai jalan mereka, dan dua minggu ekoran daripadanya, satu jaminan diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA bahawa tindakan ini tidak akan berlaku. Mengapakah selepas pilihanraya umum, tindakan diambil semula dan bukannya ini merupakan satu kegagalan untuk menunaikan janjinya oleh seorang Menteri dan bukannya ia juga merupakan satu motif politik....?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai:....semata-mata untuk memancing undi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....Cheras....Cheras....

Tuan Tan Kok Wai:untuk Barisan Nasional?

Tuan Yang di-Pertua: Cheras, cukuplah!

Tuan Tan Kok Wai: Kalau ini bukan sebabnya, apakah sebab yang sebenar?

[Disampuk]

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan itulah yang bermotif politik!

[Disampuk][Tepuk] Sebab apa, apa kaitannya Presiden MCA dengan saman trafik ini? Saya ingat Yang Berhormat dari DAP jangan berdialoglah! *[Beberapa Ahli: Boo]* Ikut aturan sikit!

Tuan Tan Kok Wai: *[Menyampuk]*

Tuan Ong Ka Ting: Saya memang meneliti apa yang telah berlaku. Sebenarnya ada satu cadangan oleh pihak polis pada masa itu. Selepas dikaji oleh pihak Kementerian Pengangkutan, maka Menteri Pengangkutan merasa itu tidak penting. Maka beliau sebagai Menteri Pengangkutan telah memberi jaminan dan ini adalah satu jaminan yang bertanggungjawab dan munasabah.

Sebenarnya apa yang berlaku pada hari ini bukan ada mana-mana pihak yang tidak menunaikan janji. Amalan sekarang ialah apabila pihak polis sudah tidak dapat mengesan siapa sebenarnya yang sepatutnya menerima saman itu, maka pihak polis bergantung kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mencari rekodnya. Tengok atas nama siapa pendaftaran kereta itu di dalam rekodnya ataupun siapa pemandu itu.

Jadi, daripada rekod itu, JPJ terpaksa memastikan semua pengangkutan itu kalau sudah dijual ataupun sudah dipindahmilik, dia akan memastikan bahawa tuan punya yang dahulu dan tuan punya sekarang mesti menyelesaikan semua masalah rekod itu supaya orang yang betul-betul itu akan dikenakan saman. Ini adalah satu penyelarasan, ini tidak ada kaitan dengan pilihanraya atau apa, jadi soalan itu yang bermotif politik. *[Tepuk]*

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Petua, soalan tambahan. Daripada jumlah yang dikenakan, adakah kesalahan-kesalahan ini dapat dikurangkan ataupun sebaliknya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau tidak ada denda dan tidak ada hukuman, sesiapa pun boleh menjangka bahawa kemalangan jalanraya akan meningkat, beberapa nyawa lagi akan hilang dan sebagainya. Dengan adanya kompaun ini, ianya akan menjadi satu deterrent dan saya rasa itu adalah sesuai pada masa kini.

KONSORTIUM SYARIKAT BAS KUALA LUMPUR - MANFAAT

7. **Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bagaimanakah perkembangan program penggabungan lapan buah syarikat bas di Kuala Lumpur kepada dua konsortium supaya memberi perkhidmatan yang lebih baik pada orang ramai.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan penggabungan lapan buah bas berhenti-henti di Kuala Lumpur kepada

dua buah konsortium telah berjalan dengan lancar. Konsortium-konsortium itu adalah seperti berikut:

- (a) sebuah konsortium di bawah Park May Berhad melalui anak syarikatnya City Liner Sdn. Bhd. telah pun mengambilalih 100% syarikat Kuala Lumpur-Klang Omnibus Berhad. dan Lan Chiu Omnibus Berhad.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap yang mana satu? Yang tadi, Tuan Lim Siang Chai itu, dia tak ada.

Tuan Lim Siang Chai: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak bangun.

Tuan Lim Siang Chai: Ada, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, ada ya?

Tuan Idris bin Jusoh: Ada Yang di-Pertua? Boleh saya sambung? Boleh sambung atau kena mulakan semula?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila sambung ya.

Tuan Idris bin Jusoh: Syarikat itu juga telah mengambil alih laluan-laluan bas bandar yang jaraknya laluan tersebut ialah 15 kilometer daripada pusat bandar Kuala Lumpur daripada Lene Bus Berhad, Selangor Omnibus Berhad dan Foh Hup Omnibus Berhad.

- (b) Sebuah lagi konsortium iaitu Diversifield Resources Berhad (DRB) melalui syarikatnya Intrakota Komposit Sdn. Bhd. telah

pun mengambil alih 100% syarikat Sri Jaya Sdn. Bhd. dan 55% syarikat Tong Foong Omnibus Sdn. Bhd.

Hanya sebuah syarikat sahaja iaitu Len Seng Omnibus Berhad yang masih belum menyertai salah satu daripada dua konsortium di atas.

- (i) City Liner Sdn. Bhd., anak syarikat Park May Berhad telah pun memperolehi 59 buah bas baru sehingga 16 Oktober 1995. Sebanyak 237 buah lagi akan ditambah menjadikan 294 buah bas baru kesemuanya menjelang 31 Disember 1995.
- (ii) Intrakota Komposit Sdn. Bhd., anak syarikat DRB telah memperolehi 18 buah bas. Mereka akan menambah 12 lagi bas baru sehingga 31hb. Disember 1995. Bas baru kepunyaan syarikat ini adalah jenis lantai rendah, pintu besar, berhawa dingin dan mempunyai mesin tiket.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan penggabungan syarikat-syarikat bas di bawah konsortium, saya ingin tahu apakah yang terjadi kepada pengusaha-pengusaha bas mini? Adakah pihak bas mini juga lama-kelamaan diphase-out, dengan izin?

Yang keduanya, bagaimanakah proses penggabungan bas-bas ekspres? Adakah pihak konsultan yang berwibawa diambil untuk menasihati sistem dan operasi penggabungan bas-bas ekspres?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya jawab soalan tentang penggabungan. Sebenarnya, bas mini ia tidak termasuk di bawah soal penggabungan. Ini penggabungan lapan buah syarikat besar tadi. Untuk bas mini, Intrakota telah mengeluarkan

796 buah bas kesemuanya di Kuala Lumpur sehingga Mac 1997 dan bas mini diberi alternatif sama ada tawaran permit-permit yang lain ataupun diberi peluang untuk berkhidmat di bandar-bandar yang lain mengikut tawaran yang diberi kepada mereka oleh kementerian.

Berkenaan dengan bas ekspres, kita masih belum lagi membuat satu keputusan yang tetap tentang kedudukan mereka.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan tentang bayaran tiket oleh penumpang-penumpang selepas penggabungan syarikat-syarikat bas?

Tuan Idris bin Jusoh: Ada bas-bas yang telah menggunakan ticketing system yang lebih baik dengan menggunakan kad dan sebagainya dan diharap sistem itu akan dapat memberi kesenangan kepada pengguna-pengguna.

KENDERAAN PASANG SIAP - DASAR PENGIMPORAN

8. **Tuan Hoo Seong Chang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bila kementerian akan mengkaji semula dasar menyekat import kenderaan siap pasang sepenuhnya (CBU). Apakah kesannya yang akan dihadapi oleh industri kereta dalam negara kita setelah dasar ini diubah.

14.11.95

2. **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan rancangan masa depan bagi mewujudkan peluang-peluang perniagaan mengimport kereta terpakai kerana tiada sebarang AP baru akan dikeluarkan kepada usahawan terbabit.

29.11.95

2. **Tuan Yunus bin Rahmat** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah syarikat dan orang perseorangan yang telah diberikan permit kelulusan (AP) kereta bagi tempoh 3 tahun yang lepas (1992 - 1995) dan menyatakan berapakah di antara syarikat yang aktif, adakah terdapat kes-kes penyewaan AP serta menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas penyelewengan yang berlaku.

11.12.95

4. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bilangan kenderaan yang diimport dari luar negeri sepanjang tahun 1993, 1994 dan 1995 dan dari negara mana. Adakah pengimport ini memberi persaingan kepada

kenderaan yang dipasang dalam negeri. Sejauh manakah rancangan kerajaan untuk membenarkan pengimportan kenderaan berkuasa kuda rendah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

[Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Mersing bertarikh 14hb. November 1995, Yang Berhormat dari Jelebu bertarikh 29hb. November, 1995 dan Yang Berhormat dari Cheras bertarikh 11hb. Disember 1995 oleh kerana soalan-soalan tersebut ada persamaan dan berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang membuat kajian yang menyeluruh mengenai dasar pengimportan kenderaan pasang siap, dengan izin, completely built-up (CBU). Kerajaan akan mengambil kira supaya apa-apa langkah yang diambil mengenai dasar pengimportan kenderaan CBU akan membantu ke arah pertumbuhan industri pembuatan kenderaan tempatan.

Berasaskan dasar semasa, kementerian boleh menimbang permohonan dari mana-mana pemegang franchise bumiputera yang memenuhi syarat untuk mengimport kereta dan/atau kenderaan dua guna baru, new dual-purpose vehicles, dengan izin. Syarikat-syarikat berkenaan hanya dibenarkan untuk mengimport jenis-jenis kenderaan yang tidak dipasang di dalam negeri termasuk juga kenderaan berkuasakuda rendah. Oleh itu peluang masih terbuka bagi mana-mana syarikat bumiputera yang mendapat franchise dari syarikat pengeluar kereta di luar negeri untuk memohon kepada kementerian bagi mendapatkan kelulusan lesen import.

Bagi kenderaan terpakai pula, tidak ada kelulusan lesen import Approved Permit (AP), dengan izin, yang diberi kepada syarikat-syarikat baru sejak tahun 1988. Pada masa ini terdapat sebanyak 63 buah syarikat bumiputera sebagai pemegang kuota untuk mengimport

kereta terpakai. Ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada industri pembuatan kenderaan tempatan. Oleh itu bagi usahawan-usahawan baru, mereka bolehlah melibatkan diri dalam perniagaan kenderaan terpakai tempatan.

Sehingga sekarang kementerian tidak mempunyai sebarang bukti terdapatnya mana-mana syarikat yang telah menyalahgunakan atau menyewakan lesen import yang diberikan. Sekiranya terdapat bukti, kementerian akan menarik balik lesen-lesen yang telah diberi kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Sukacita juga dimaklumkan bahawa rakyat Malaysia secara individu diberikan kemudahan mendapat AP untuk kenderaan sendiri, dengan syarat:-

- (i) pemohon mestilah menetap secara terus-menerus di luar negeri bagi tempoh tidak kurang daripada setahun;
- (ii) pemohon mestilah mendaftar kenderaan yang hendak diimport atas nama pemohon di luar negeri bagi tempoh tidak kurang 6 bulan dari tarikh kembali ke Malaysia;
- (iii) pemohon dapat membuktikan penggunaan kenderaan tersebut di luar negeri dengan mengemukakan sijil perlindungan insuran kereta (atas nama pemohon) bagi tempoh tidak kurang 6 bulan dari tarikh pemohon kembali ke Malaysia;
- (iv) pemohon mempunyai lesen memandu yang sah; dan
- (v) invois pembelian kenderaan atas nama pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kereta terpakai untuk tujuan perdagangan diimport dari Jepun dan United Kingdom. Bagi pengimportan oleh orang perseorangan pula, kebanyakannya dari United Kingdom.

Pada tahun 1992, kementerian meluluskan 6,434 AP kenderaan persendirian terpakai bagi tujuan perdagangan dan 1,054 AP kepada orang perseorangan (warganegara Malaysia

yang bekerja atau belajar di luar negeri). Bagi tahun 1993 pula, 8,548 AP untuk tujuan perdagangan dan 1,251 AP dikeluarkan kepada orang perseorangan. Untuk tahun 1994, kementerian meluluskan 8,745 AP bagi tujuan perdagangan dan 1,075 AP kepada orang perseorangan. Bagi lapan bulan pertama 1995 (Januari - Ogos) kementerian mengeluarkan sebanyak 5,735 AP untuk tujuan perdagangan dan 702 AP kepada orang perseorangan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa menjawab soalan tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa salah satu daripada tujuan kerajaan menyekat import kenderaan pasang siap ini adalah untuk memberi perlindungan kepada industri kenderaan tempatan.

Jadi, saya ingin tahu mengapakah kebelakangan ini harga kereta-kereta nasional naik dengan begitu cepat dan mendadak sekali dan begitu juga dengan keadaan tempahan untuk menempah kereta-kereta terutamanya kereta nasional Proton, mengambil masa yang terlalu lama untuk pembeli-pembeli membuat tempahan?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang begitu baik sekali. Jelas bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut tidak ketinggalan mengenai isu-isu semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar untuk mendapat manfaat yang besar seperti menjadi sebagai sebuah negara pengeluar kereta di peringkat awal tentunya memerlukan pengorbanan yang melibatkan kos. Di antara kos yang terpaksa ditanggung termasuklah perlindungan pasaran. Sebagai contoh sekatan import ke atas kereta completely built-up (CBU), dengan izin, melalui kawalan kelulusan permit import. Tetapi sekiranya kita meninjau kesan-kesan atau manfaat-manfaat lain dari segi aspek jangka panjang, ia jelas menguntungkan negara sekiranya dibandingkan dalam jangka masa yang pendek.

Pertamanya, kemajuan telah dicapai di dalam pengembangan dan peningkatan aktiviti industri komponen kenderaan tempatan. Ianya telah membuka lebih banyak peluang kepada

usahawan-usahawan tempatan untuk melibatkan diri secara langsung dalam industri kenderaan.

Keduanya, melalui pembangunan industri ini ianya telah berjaya menyediakan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia dan akhir sekali melalui pembangunan industri ini ia telah berjaya mempertingkatkan tahap kemajuan industri serta proses pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat tempatan. Sebagai contoh, bagi Proton, paras kandungan tempatan ialah melebihi 80%. Bagi Satria melebihi 55%, manakala bagi Perodua telah melebihi 45%. Usaha-usaha kerajaan ini amat membanggakan.

Mengenai isu-isu jangka pendek, sememangnya kerajaan bersama-sama dengan syarikat Proton, Perodua, USPD begitu peka dan prihatin atas fakta-fakta yang menyebabkan kenaikan harga kereta-kereta Proton dan juga masa tempahan untuk kereta-kereta tersebut. Salah satu faktanya melibatkan kenaikan mata wang asing yang di luar dugaan kerajaan. Tetapi usaha sedang dibuat. Pertamanya untuk menambah bilangan komponen tempatan dan juga untuk menerokai dan menambah sumber komponen daripada negara-negara jiran yang berdaya saing iaitu, multi-sourcing, dengan izin supaya perkara ini tidak wujud lagi.

DOKTOR WANITA DALAM PERBIDANAN & SAKIT PUAN - BILANGAN

9. **Tuan Mohd. Amar bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor wanita dalam bidang perbidanan dan sakit puan di seluruh negara, dan adakah jumlah ini mencukupi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Oktober 1995 terdapat 42 pakar perubatan dan sakit puan dari golongan wanita yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pakar perbidanan dan sakit puan adalah 303 orang. Dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, kerajaan berpendapat bahawa perkhidmatan kepakaran yang berkualiti perlu diutamakan tanpa mengira jantina.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sepertimana yang kita sedia maklum, masalah dari segi pakar-pakar yang bekerja dengan kerajaan yang pindah ke sektor swasta iaitu turn over, dengan izin, yang tinggi sekali. Adakah masalah doktor wanita dalam bidang perbidanan ini juga terlibat dalam masalah ini dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasinya?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, keperluan negara mengikut nisbah, satu Pakar Perbidanan dan Sakit Puan untuk 90,000 penduduk pada tahun 1990 ialah 244 orang. Setakat ini kita ada 303 orang. Nisbah ini akan diubah pada masa akan datang sejajar dengan matlamat ke arah Wawasan 2020.

PENGANGGUR DI SABAH - BILANGAN

10. **Datuk Joseph Pairin Kitingan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa ramaikah bilangan penganggur di Sabah, berapa peratusan pengangguran dalam konteks Sabah, dan berapa ramaikah bilangan pengangguran warganegara Malaysia dan bilangan penganggur rakyat asing di Sabah.

24. **Datuk Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah peratusan rakyat Sabah yang masih menganggur. Dari jumlah ini berapakah yang berdaftar dengan Jabatan Buruh (Sumber Manusia) dan berapakah pula yang sudah memperolehi pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Beaufort bertarikh hari ini juga yang disenaraikan No. 24 kerana ianya adalah hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan tenaga buruh bagi tahun 1993 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mencatatkan kadar pengangguran di Sabah pada tahap 7.1% iaitu bersamaan dengan 52,400 orang daripada jumlah tenaga buruh rakyat Sabah. Walau bagaimanapun, bilangan penganggur di kalangan rakyat asing yang berada di Sabah tidak dapat dipastikan.

Sepanjang tahun 1994, seramai 12,980 orang telah berdaftar dan mencari kerja dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia di Sabah. Daripada jumlah ini seramai 3,103 orang atau 23.9% telah berjaya mendapat pekerjaan. Kadar tersebut adalah berpatutan dan boleh digunakan sebagai ukuran keberkesanan Jabatan Tenaga Rakyat mendapat pekerjaan untuk mereka. Di samping itu, ramai pendaftar tersebut mendapat pekerjaan melalui usaha sendiri dan perkara ini tidak dimaklumkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat. Ini terbukti dari bilangan pendaftar aktif mencari kerja pada akhir bulan Disember 1994 yang berjumlah hanya 3,181 orang sahaja. Golongan ini adalah mereka yang telah berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, tetapi selepas tiga bulan telah kembali untuk berdaftar semula kerana masih belum mendapat pekerjaan.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, apakah perangkaan orang-orang yang tidak bekerja di Sabah pada 1995 ini dan mengapakah tidak ada perangkaan ataupun siasatan terhadap orang-orang asing yang ada di negeri Sabah yang tidak ada pekerjaan?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya berminat untuk memberi pekerjaan kepada rakyat kita. Rakyat asing tidak berhak untuk bekerja di negara ini kecuali mereka datang dengan cara sah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk membuka pendaftaran ataupun mengadakan pendaftaran seluruh negara terhadap mereka yang benar-benar tidak bekerja termasuk di luar bandar supaya perancangan dapat dibuat secara menyeluruh?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, pendaftaran terakhir yang telah pun dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Statistic Department) adalah pada tahun 1993. Jadi, kita tidak boleh mengadakan pendaftaran seperti ini tiap-tiap tahun, mungkin dalam tiga, empat tahun sekali.

BANK HAJI - PENUBUHAN

11. **Tuan Hamzah bin Ramli** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Bank Haji yang berfungsi seperti bank-bank komersial yang lain di mana dana terkumpul boleh digunakan sebaik mungkin dengan secara yang lebih meluas dan bukan setakat tempat untuk menyimpan wang/deposit semata-mata.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:

Tuan Yang Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan sebuah Bank Haji yang berfungsi sebagai bank komersil seperti yang dicadangkan itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yan. Hendak tanya apa itu?*[Ketawa]*.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, fasal Bank Haji ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kita tahulah!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebab kita banyak pak haji di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kerajaan tidak mahu buat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya. Saya mentafsirkan Bank Haji ini yang diperkatakan adalah sebagai instrumen kewangan Islam yang dijalankan secara perbankan. Kalaulah bank ini boleh ditubuhkan, saya berpendapat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh membuat andaian di dalam soalan. Buat soalan sahaja.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalannya, apakah instrumen-instrumen itu dan bagaimanakah sambutan masyarakat terhadap Bank Islam ini? Adakah kerajaan telah mengambil pandangan daripada masyarakat keseluruhannya tentang penubuhan Bank Haji ini, buat kajian ataupun menggunakan Tabung Haji untuk kita buat kajian? Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang cukup bernas. *[Ketawa]*

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu cukup bernas dan kerajaan sedang membuat kajian mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, instrumen-instrumen perbankan tanpa faedah mulai 1993 sebanyak 21 produk yang telah dibentuk dan seperti mana saya katakan dahulu, misalnya akaun semasa (al-wadiah fi-al-dhommah), akaun pelaburan am (al-mudharabah), pelaburan kerajaan (al-qardul-hasan), pelaburan dalam saham (al-wakala), pinjaman kewangan perumahan (Bai Bithaman Ajil), pinjaman kewangan kenderaan (al-ijarah), kewangan projek (al-musyarakah), gerenti perkapalan (al-kafalah) dan saya rasa kerajaan memberi alternatif kepada orang ramai mengenai perbankan ini

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Bank Haji, sedangkan masa telah memerlukan kerajaan menubuhkan satu lagi bank Islam yang bernama Bank Haji sedangkan bank lain kita lihat dalam negara kita ini tumbuh seperti cendawan? Ini menggambarkan kerajaan tidak begitu serius mahukan kepada Islam. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payah jawab soalan itu kerana dalam perkara ini tidak boleh ada perbincangan di dalam soal jawab. *[Tepuk]*

Kita pergi kepada soalan No.12. Yang Berhormat Tuan Yunus bin Rahmat.

[Soalan No.12 - Y. B. Tuan Yunus bin Rahmat tidak hadir]

POLISI INFORMASI KEBANGSAAN - DRAF

13. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Penerangan menyatakan sebab bagi kegagalan beliau menunaikan janjinya untuk memuktamadkan Polisi Informasi Kebangsaan di tahun 1992; sila nyatakan garis rangka ciri-ciri utama draf Polisi Informasi Kebangsaan yang dicadangkan oleh jawatankuasa Tan Sri Samad Ismail; mengapakah beliau tidak berpuas hati dengan draf berkenaan dan sama ada beliau akan membentangkan draf tersebut untuk perbincangan penuh di Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Penerangan Kebangsaan atau Polisi Informasi

Kebangsaan tidak dapat disiapkan pada tarikh yang ditetapkan kerana perkembangan teknologi maklumat atau Information Technology (IT) masa kini yang pesat memerlukan panel yang dipengerusikan oleh Tan Sri Samad Ismail menimbangkan kemasukan perkara-perkara baru ke dalam rangka awal dasar yang digubal. Ini termasuklah aspek information superhighway, cyber-space dan keperluan mewujudkan sebuah badan yang akan dikenali sebagai Media Council untuk menyelaras segala kegiatan media di negara ini. Draf Dasar Penerangan Kebangsaan ini dijangka akan dapat disiapkan tidak lama lagi dengan mengemaskini dan memasukkan segala elemen terbaru tersebut. Ciri-ciri utama draf dasar tersebut hanya akan dapat disediakan selepas draf ini disiapkan sepenuhnya.

Mengenai sama ada draf ini akan dibahaskan sepenuhnya di Parlimen, akan diputuskan kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dengan cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Penerangan semalam mencadang bahawa mengharamkan majalan asing oleh kerana ada liputan berita mengenai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sungguhpun sumbernya ialah daripada ahli-ahli UMNO termasuk pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. *[Disampuk]* Adakah Dasar Penerangan Nasional ini bertujuan untuk menyekat kebebasan akhbar apabila sebenarnya masalah sekarang ialah masalah akhbar menghadapi terlalu banyak sekatan. Bolehkah kerajaan memberi satu terms of reference yang spesifik kepada jawatankuasa ini supaya Dasar Penerangan Nasional ialah untuk mencapai liberalisasi dalam akhbar (press freedom) supaya ada lebih press freedom khasnya sama ada printed atau electronic media dan bukan untuk memberi lebih banyak sekatan semacam mahu mengharamkan majalah-majalah asing? *[Disampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, tohmahan yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong adalah tidak benar.

Adalah menjadi hasrat dan matlamat dasar ini untuk melahirkan masyarakat yang bersatupadu agar mereka ini dapat menyumbangkan ke arah pembangunan negara, dan dengan melalui sistem nilai-nilai murni yang kita hasratkan bukan seperti apa yang diutarakan

oleh Yang Berhormat dari Tanjong, kita hendak sekat media massa ataupun majalah-majalah lain, yang mana sengaja hendak memesongkan pemikiran masyarakat yang ada. Di samping itu juga adalah menjadi matlamat kita untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat dan sentiasa berfikiran positif, bertanggungjawab dalam bertindak secara rasional selaras dengan Wawasan negara.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian sama ada dalam menggubal dasar penerangan kita, dengan perkembangan yang terbaru iaitu mengenai teknologi maklumat, pihak kementerian akan menjemput pakar-pakar teknologi maklumat untuk sama-sama duduk dan menasihati di dalam penggubalan dasar tersebut.

Yang keduanya adakah pihak kementerian.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, satu sahaja Yang Berhormat.

[Ketawa]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Baik, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya jawatankuasa telah pun kita wujudkan pada tahun 1992, dicadangkan oleh Menteri Penerangan terdahulu daripada ini dan keanggotaannya adalah seramai 34 orang. Dalam keanggotaan seramai 34 orang merangkumi beberapa orang dari pihak swasta yang ada berkemahiran atau kepakaran mereka yang terlibat secara langsung dalam sistem komunikasi. Jadi, apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong telah pun kita ambil tindakan.

PERMIT LORI - PELONGGARAN PERATURAN

14. Tuan Tiong Thai King minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian beliau dapat mempertimbangkan Pelonggaran Peraturan bagi membolehkan pemilik lori mendapat permit melalui pemeriksaan kenderaan (lori) hanya setahun sekali

sahaja dan bukannya dua kali setahun sebagaimana yang dipraktikkan pada masa sekarang ke atas kenderaan (lori) yang mana umurnya tidak melebihi lima (5) tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak dapat mempertimbangkan permohonan untuk melonggarkan syarat supaya kenderaan perdagangan diperiksa setahun sekali bagi kenderaan perdagangan yang berumur kurang dari 5 tahun. Ini adalah memandangkan bahawa pemeriksaan dua kali setahun adalah perlu untuk menentukan supaya kenderaan perdagangan tersebut berada di dalam keadaan mekanikal yang baik dan selamat untuk digunakan di atas jalan raya ataupun dalam keadaan lain road worthy.

**STADIUM MERDEKA DAN STADIUM NEGARA - RANCANGAN
MEMANSUHKAN**

15. **Dr. Tan Kee Kwong** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengenai rancangan untuk memansuhkan Stadium Merdeka dan Stadium Negara.

- (a) mempertimbangkan cara pembayaran ganti rugi yang lain kepada pemaju kampung sukan di Bukit Jalil; dan
- (b) mengekalkan keseluruhan Stadium Merdeka selaras dengan kenyataan bahawa pada 1957, upacara kemerdekaan diadakan di sini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti

Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suka saya maklumkan di sini bahawa kerajaan telah memutuskan supaya Projek Kompleks Sukan Negara (KSN) di Bukit Jalil dilaksanakan secara penswastan dan dibuat mengikut konsep built transfer, dengan izin, melalui sistem pertukaran harta (asset exchange). Syarikat United Engineers Malaysia (UEM) telah ditawarkan kontrak ini. Salah satu pakej tanah yang terlibat dalam pertukaran ini ialah

tanah-tanah kawasan Stadium Merdeka, Stadium Negara dan Changkat Pavillion seluas 32.3 ekar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk mengubah cara pembayaran kepada pihak UEM bagi maksud projek ini. Tambahan pula perkara ini telah pun dipersetujui bersama di antara kerajaan dan pihak UEM melalui Perjanjian Penswastan Kompleks Sukan Negara yang ditandatangani pada 6hb September, 1994 yang lalu.

- (b) Kompleks Sukan Negara dibina untuk menggantikan Stadium Merdeka dan Stadium Negara kerana kedua-dua stadium tersebut sudah tidak lagi mampu menawarkan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian untuk menganjurkan acara-acara sukan mahupun acara-acara sosial yang lain secocok dengan keperluan semasa.

Pembangunan negara khususnya di Banda Raya Kuala Lumpur semakin hari semakin rancak berlangsung. Di samping itu permintaan rakyat terhadap perkhidmatan serta kemudahan awam yang lebih terkini semakin mendesak.

Sehubungan dengan itu, amat wajar sekali tapak kedua-dua stadium berkenaan dibangunkan bagi maksud yang lain. Tambahan pula lokasi kedua-duanya tidak lagi bersesuaian ekoran daripada berkembang pesatnya Bandar Raya Kuala Lumpur.

Kerajaan sememangnya sedar dan akur akan historical significant, dengan izin Stadium Merdeka. Ianya berkait rapat dengan soal kemerdekaan negara kita. Atas kesedaran inilah maka kerajaan

telah meminta pihak UEM supaya mengadakan satu tugu bagi memperingati peristiwa bersejarah tersebut.

Pihak UEM akan melaksanakan projek komersilnya iaitu Plaza Merdeka di tapak berkenaan. Salah satu komponen Plaza Merdeka ialah Warisan Plaza yang akan dibangunkan di tapak asal di mana pengisytiharan kemerdekaan telah dilakukan. Ianya akan mengandungi kemudahan seperti galeri luar, pentas persembahan berkomputer dengan struktur half dome.

TOL LEBUHRAYA UTARA-SELATAN - PURATA KUTIPAN

16. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah 'average' kutipan tol Lebuhraya Utara-Selatan sejak dibuka sepenuhnya sehingga 31 Ogos 1995.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata kutipan tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan semenjak ia dibuka sepenuhnya pada bulan Febrauri, 1994 sehingga 31hb Ogos, 1995 ialah dalam lingkungan RM47.9 juta sebulan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu perbandingan antara kutipan sekarang dengan anggaran atau fokus yang dibuat selepas persetujuan dimentrai di antara kerajaan dan UEM, apa yang didapati setakat ini oleh kerana pada masa itu ada fokus mengenai kadar-kadar tol yang dikutip sekarang?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu, walaupun ada juga kaitan dengan soalan ini, tetapi saya tidak ada butir-butir oleh kerana perkara ini saya kena rujuk balik kepada beberapa siasatan dan perjanjian yang telah berlaku di antara kerajaan pada masa dahulu. Walau bagaimanapun, jikalau saya dapat semua maklumat, saya boleh beri kepada Ahli Yang Berhormat

PRA-UNIVERSITI DAN IJAZAH PERTAMA UNIVERSITI KERAJAAN - STRUKTUR PENDIDIKAN

17. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah struktur pendidikan pra-universiti dan peringkat ijazah pertama universiti kerajaan yang akan diubahsuai memandangkan keperluan sumber manusia yang besar daripada sektor-sektor industri dan perdagangan kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam usaha memenuhi keperluan guna tenaga negara. Pertama dalam sektor perindustrian dan perdagangan, Kementerian Pendidikan telah meminta semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) memberi penekanan kepada kursus-kursus dalam bidang sains dan teknologi serta pengurusan.

IPT juga digalakkan untuk mengadakan kerjasama akademik dan penyelidikan serta pembangunan dengan sektor industri. Di samping itu kerjasama dengan pihak swasta dapat membantu IPT merangka dan mengkaji semula kurikulum pengajiannya supaya selaras dengan keperluan semasa.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pendidikan ada rancangannya untuk menubuhkan junior college jika diizinkan untuk menjalankan tugas pendidikan pra-universiti?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada difikirkan, tetapi masih kita teliti.

DEMAM DENGGI - PENCAPAIAN KERAJAAN MENCEGAH

18. **Tuan Teu Si @ Chang See Ten** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa Kementerian Kesihatan gagal menurunkan kes demam denggi, terutamanya di negeri Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang:

- (a) apakah kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan 'program bebas denggi' yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan; dan
- (b) sejauh manakah pencapaian program pelajaran kesihatan dapat menukarkan sikap rakyat supaya bekerjasama dengan pihak Kementerian

Kesihatan dalam usaha mencegah penyakit bawaan vektor seperti demam denggi, malaria, demam kuning, untut dan hawar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, kejadian demam denggi didapati mula meningkat pada bulan Mei, 1995 bagi negeri-negeri seperti Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pulau Pinang. Di dapati di negeri Selangor dan Pulau Pinang telah menunjukkan penurunan kes denggi mulai bulan Julai hingga sekarang. Walaupun negeri Johor dan Wilayah Persekutuan masih melaporkan bilangan kes denggi yang tinggi, tetapi kejadian denggi adalah terkawal. Usaha-usaha menangani kejadian penyakit tersebut sedang giat dijalankan.

Bagi menjawab soalan -

- (a) Terdapat dua program bebas denggi yang dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan, iaitu Program Bebas Denggi Di Sekolah dan telah pun dilaksanakan di beberapa negeri, seperti Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Johor serta program-program bebas denggi di Kementerian Kesihatan yang sedang dalam proses pelaksanaan.
- (b) Kerjasama orang ramai terhadap usaha kerajaan dalam mencegah penyakit-penyakit bawa vektor adalah memuaskan. Ini dapat dilihat di atas pencapaian berikut:-

Kawalan denggi

- (i) Didapati orang ramai telah mendapat rawatan dengan segera apabila mendapat demam yang berkemungkinan demam denggi.
- (ii) Berlaku penurunan aedes indeks daripada 1.07% pada tahun 1991 kepada 0.79% pada tahun 1994.
- (iii) Orang ramai memberikan kerjasama semasa kajian aedes dan semburan kabus dijalankan.

Kawalan malaria

- (i) Pencapaian aktiviti pengesanan malaria melalui pengambilan contoh darah didapati meningkat.
- (ii) Semua pesakit malaria dapat diberi rawatan dengan sempurna.
- (iii) Bilangan kematian malaria turut menurun.

Demam kuning

- (i) Hanya pengawasan penyakit dan vektor sahaja dilakukan di pintu masuk utama di negara ini, seperti Lapangan Terbang Antarabangsa, pelabuhan dan pintu masuk dataran.

Filariasis -

Kerjasama orang ramai adalah memuaskan dalam melakukan pengambilan contoh darah untuk ujian filariasis, dan pesakit filariasis mematuhi pengubatan yang diberi.

BAJA DAN RACUN SERANGGA SEBAGAI BARANG KAWALAN - CADANGAN KERAJAAN

19. **Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk meletakkan semua jenis baja dan racun serangga sebagai barang kawalan kerana harga barangan tersebut telah dinaikkan hampir 50% dalam tempoh 5 tahun sejak 1990 hingga 1995.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Datuk Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedar bahawa sesetengah harga baja dan racun perosak telah meningkat semenjak dua tahun yang lepas. Pada tahun yang sama harga pasaran bagi beberapa jenis racun dan baja juga telah turun. Walau bagaimanapun bagi mengetahui kesan kenaikan ini kepada petani-petani, Kementerian Pertanian sedang mengkaji secara menyeluruh kesan kenaikan harga input seperti racun perosak dan baja ke atas pendapatan petani. Jika didapati kesan kenaikan menjejaskan pendapatan mereka,

Kementerian Pertanian bersama-sama dengan agensi-agensi berkenaan akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah ini.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kenaikan barang-barang pertanian ini yang seterusnya akan mengakibatkan kenaikan hasil-hasil pertanian juga, maka dengan adanya impaknya kepada inflasi. Jadi, adakah pengawalan yang lebih luas dilakukan oleh pihak kementerian supaya bukan sahaja harga input yang dikawal, tetapi harga keluaran hasil dikawal?

Datuk Abu Bakar bin Taib: Ya, kita memang ada. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Soal Jawab sudah habis.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 12 dan 20 hingga 32 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” [2hb November, 1995]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bandau.

3.35 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan bagi tahun 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun hadapan, iaitu tahun 1996 ini memanglah mempunyai banyak keistimewaan kekuatan dan kelebihan. Namun, ia juga mempunyai kelemahan-kelemahan dan kekurangan. Dalam masa yang singkat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan kepada beberapa perkara yang penting.

Kita sedia maklum bahawa Belanjawan 1996 ini direka dalam suasana ekonomi negara yang membebankan ciri-ciri yang mencabar, termasuk tekanan inflasi, balance of payment deficit, dengan izin, kekurangan buruh, ciri-ciri ekonomi meluap dan sebagainya.

Nampaknya Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengambil kira tekanan-tekanan dan fakta-fakta ini pada dasar tidak sepenuhnya. Saya ingin mengatakan, namun demikian, syabas kepada pihak Kementerian Kewangan, khususnya pada pegawai-pegawai kementerian kerana dilihat dari segi isi kandungan Belanjawan pada kali ini ada peningkatan dari segi macro economy framework, dengan izin, yang digunakan untuk melahirkan strategi-strategi dalam Belanjawan.

Adalah jelas bahawa kepakaran dan kemahiran pegawai-pegawai kementerian adalah di tahap yang tinggi dan sentiasa meningkat dan mampu mengatasi cabaran-cabaran dalam pengurusan ekonomi negara dibandingkan pada tahun-tahun yang lampau.

Dari segi ciri-ciri menarik dalam Belanjawan senarainya adalah banyak. Belanjawan, nampaknya pragmatik, komprehensif dan meliputi hampir semua sektor. Masalah inflasi

diberi perhatian yang nampaknya serius. Perbelanjaan yang excessive dan excess liquidity, dengan izin, dibendungkan, cukai pendapatan dikurangkan dan import duti bagi banyak barang-barang keperluan asas dikurangkan ataupun dimansuhkan. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kelemahan-kelemahan adalah jelas, mahupun dari segi efisiensi atau effectiveness atau equitability, dengan izin, strategi-strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat-matlamat Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing misalnya adalah pada dasarnya diterima dengan baik. Untuk tujuan ini, levi atas pekerja asing adalah dicadangkan supaya dinaikkan 100%. Bagi sektor perkilangan dan pembinaan, levi ke atas pekerja asing tanpa kemahiran akan dinaikkan dari RM420 kepada RM840 setahun. Bagi pekerja separuh mahir, dinaikkan RM600 kepada RM2,100.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat cadangan-cadangan ini adalah memenuhi. Namun, ada beberapa masalah yang harus diatasi untuk mencapai matlamat tersebut. Pertama, haruslah diakui bahawa dengan peningkatan levi 100% ia akan mengakibatkan kenaikan kos buruh bagi syarikat-syarikat yang terlibat. Masalah ini bukan sahaja mengakibatkan kos pengeluaran barang yang tidak kompetitif, tetapi akan mengakibatkan kenaikan inflasi, disebabkan kenaikan harga barang-barang yang dikeluarkan, khasnya bagi barang-barang yang dipasarkan dalam negara Malaysia.

Kedua, adalah diketahui umum bahawa kekurangan buruh tempatan bagi menampung aktiviti perindustrian dan pembuatan ini adalah serius sekali. Maka walaupun tujuan kenaikan levi ini adalah untuk memberi peluang bagi penduduk tempatan digunakan dalam sektor perindustrian, buruh tersebut sebenarnya amat sukar diperolehi. Ini disebabkan pasaran buruh ketat dan pasaran buruh, dengan izin, tidak fluid. Masalah ini akan mengakibatkan masalah pengeluaran bagi syarikat-syarikat pembuatan yang terlibat. Kemungkinan besar syarikat-syarikat pembuatan yang terlibat akan menggunakan buruh asing tanpa izin, khususnya syarikat-syarikat yang kecil, khasnya di kawasan-kawasan di mana pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang oleh pihak Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen ke atas buruh asing ini tidak memuaskan.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang lebih menyeluruh haruslah dilaksanakan termasuklah memastikan supaya kadar gaji adalah menarik bagi buruh tempatan dan kemudahan-kemudahan asas dibekalkan oleh pihak majikan. Seringkali kita dengar bahawa buruh-buruh asing ini dijaga ataupun diberi kemewahan-kemewahan ataupun

kemudahan-kemudahan yang lebih tinggi mutunya daripada buruh-buruh tempatan. Ini akan memastikan, jikalau perhatian diberi kepada pemberian kemudahan-kemudahan asas kepada buruh-buruh tempatan, maka ini akan memastikan supaya bekalan buruh tempatan terjamin dari segi masa panjang daripada bergantung terus kepada buruh asing yang seringkali tidak tetap bekalannya atau supply, dengan izin.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar bagi kerajaan untuk menubuhkan satu skim khas untuk menarik buruh tempatan ke dalam sektor ekonomi yang kurang diceburi oleh mereka setakat ini, khususnya sektor pertanian dengan memastikan supaya kadar gaji adalah menarik dan kemudahan-kemudahan pekerja adalah memuaskan sepertimana saya telah sentuhkan tadi.

Kerajaan juga telah berharap agar kenaikan levi pada jangka yang panjang dengan memaksa pihak syarikat-syarikat pembuatan lebih beralih kepada penggunaan teknologi pengeluaran yang lebih tinggi khasnya automation dan dengan itu mengurangkan penggantungan kepada penggunaan buruh, tetapi pada dasarnya, kita sedia maklum juga untuk melakukan sesuatu pemindahan daripada teknologi yang sekarang ini kepada teknologi yang lebih lagi efficient dari segi penggunaan buruh, Tuan Yang di-Pertua, ini perlu apa yang kita katakan adjustment lack. Ia tidak boleh dicapai dengan begitu cepat, maka dengan itu matlamat yang ingin dicapai dengan memaksa syarikat-syarikat memindah teknologi pengeluarannya kepada yang lebih efektif, dengan izin, lebih efficient dengan menggunakan penggunaan buruh yang lebih rendah. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, amat sukar sekali di capai.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah bercadang untuk menaikkan caruman KWSP bagi pihak pekerja kepada 11% mulai Januari 1996. Caruman bagi pihak majikan pula tidak akan dinaikkan. Walaupun cadangan ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan pihak pekerja yang akan membebaskan pihak pencarum khasnya mereka yang berpendapatan rendah dan

mempunyai tanggungan keluarga yang besar sebab gaji bersih atau nett income, dengan izin, akan berkurangan. Dengan kadar inflasi yang dijangkakan akan terus meningkat, golongan berpendapatan rendah menghadapi keadaan taraf hidup yang menurun iaitu dengan izin, lower standard of living. Kerajaan juga harus menaikkan kadar caruman pihak majikan kepada KWSP selaras dengan kenaikan kadar bagi pekerja. Ini akan meningkatkan kesejahteraan masa depan pihak pekerja dan juga akan meningkatkan agregat tabungan serta mengurangkan liquidity, dengan izin, di peringkat pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah bercadang mengurangkan kadar maksimum cukai pendapatan dari 32% kepada 30%. Bagi kumpulan lainnya, kadar cukai akan diturunkan di antara 1 atau 2 mata peratus. Walaupun penurunan kadar cukai bagi mereka yang berpendapatan rendah akan mengakibatkan seramai 525,000 pembayar cukai ataupun 37% daripada semua pembayar cukai tidak lagi dikenakan cukai, namun, Tuan Yang di-Pertua, kadar penurunan cukai tersebut adalah tidak equitable kerana penurunan cukai adalah memihak kepada mereka yang berpendapatan tinggi. Pihak kita mencadangkan supaya kadar cukai bagi mereka yang berpendapatan rendah yang masih dikenakan cukai diturunkan dengan 2 mata peratus iaitu sama dengan penurunan kadar maksimum cukai pendapatan. Akibatnya kepada kutipan hasil negara adalah minimum manakala golongan berpendapatan rendah akan menikmati manfaat yang lebih luas dan besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung inflasi ialah dengan mengurangkan perbelanjaan yang boros. Untuk tujuan ini kerajaan bercadang mengurangkan kemudahan kredit dengan menaikkan bayaran minima kad kredit kepada 15% daripada baki bulanan. Pada masa yang sama kerajaan bercadang menaikkan kadar cukai jalan raya bagi kereta berkapasiti melebihi 2,000 c.c. sebanyak 25% iaitu di antara 20 sen sehingga 90 sen setiap c.c. Langkah ini, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan yang berlebihan, excessive, dengan izin, yang

mengakibatkan kenaikan inflasi. Memandangkan bilangan kad kredit yang besar iaitu 1.6 juta setakat Jun ini dengan baki hutang kira-kira 2.5 bilion, maka kadar kenaikan bayaran minimum sejumlah 15% itu adalah amat rendah sekali. Kadar kenaikan sekurang-kurangnya 25% adalah wajar untuk mengurangkan kemudahan kredit yang senang didapati serta membebaskan pemegang-pemegang kad kredit daripada ikatan hutang piutang.

Bagi kenaikan cukai jalan bagi kereta yang melebihi kapasiti 2,000 c.c, Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tersebut adalah wajar bagi Semenanjung Malaysia, tetapi tidak wajar bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak. Ini kerana di Semenanjung, kereta yang berkapasiti besar adalah bukti kemewahan tetapi di Sabah dan Sarawak, kereta-kereta besar khasnya kereta, dengan izin, 4X4 wheel drive adalah keperluan asas. Di Semenanjung, kita boleh menggunakan kereta biasa untuk perjalanan memasuki semua tempat termasuk di desa-desa, kerana jalan raya yang besar, baik, dibubuh tar dan sebagainya. Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kerana satu bulan yang lalu saya juga menyewa satu kereta dan saya memakainya sampailah saya sampai ke Sitiawan dan saya melihat dari segi perbandingan taraf dan kualiti jalan raya yang sedia ada, tetapi bagi negeri-negeri di sebelah Timur, Tuan Yang di-Pertua, kira-kira jauh 10 km. pun dari Bandar Kota Kinabalu, kita terpaksa menggunakan kereta 4-wheel drive kerana keadaan jalan yang teruk sekali.

Berdasarkan kepada fakta ini, maka adalah diharapkan supaya negeri Sabah dan Sarawak dikecualikan daripada cadangan kenaikan cukai jalan raya bagi kereta berkapasiti melebihi 2,000 c.c untuk mengurangkan beban perbelanjaan rakyat biasa. Jika kenaikan cukai jalan dinaikkan ia akan mengakibatkan penurunan standard of living, dengan izin, bagi rakyat Sabah dan Sarawak yang mana pada masa kini masih menghadapi keadaan ekonomi yang mundur dan kos hidup yang amat tinggi jika dibandingkan dengan keadaan negeri-negeri di Semenanjung dan kenaikan cukai jalan raya bagi kereta yang berkapasiti melebihi 2,000 c.c. juga ini, pembangunan industri-industri kecil dan sederhana serta industri kayu-

kayan yang masih dalam keadaan, pioneering, dengan izin, akan juga terjejas, Tuan Yang di-Pertua, dan tidak akan menguntungkan kepada usaha kerajaan membangunkan sektor-sektor tersebut kerana industri-industri ini amat terikat kepada penggunaan kereta-kereta 4-wheel drive dan kereta-kereta ini biasanya lebih daripada 2,000 c.c.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang juga untuk melonggarkan kriteria pinjaman di bawah tabung makanan dengan menurunkan kadar faedah serta jumlah pinjaman minimum. Petani kecil juga dikecualikan menyediakan cagaran sekiranya mereka mendapatkan sokongan daripada Persatuan Peladang. Adalah diketahui umum, Tuan Yang di-Pertua, bahawa misalnya di negeri Sabah, pinjaman di bawah Tabung Makanan ini amat sukar diperolehi oleh rakyat biasa khasnya di luar bandar kerana kekurangan maklumat mengenainya dan pelarasan yang tidak efektif oleh agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan tersebut. Maka banyak petani yang sama sekali tidak mendapat kemudahan tersebut. Pada masa kini, pinjaman daripada Tabung Makanan hanya dapat diperolehi bagi syarikat-syarikat yang ingin melaburi pada pertama kali dalam aktiviti pengeluaran makanan. Syarikat-syarikat yang sudah terlibat dalam bidang tersebut tidak layak untuk mendapatkan pinjaman dari tabung ini walaupun untuk tujuan memperluaskan skop operasi. Maka ini adalah limiting factor, dengan izin, yang harus diubahsuai supaya membolehkan syarikat-syarikat yang sudah terlibat dalam aktiviti pengeluaran makanan untuk mempertingkatkan pelaburan mereka sesuai dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan import bahan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk memperluaskan elaun pelaburan semula untuk meliputi aktiviti pengeluaran bahan makanan penting seperti penanaman padi, jagung, buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan haiwan dan hidupan air adalah dialukan. Kita berharap kemudahan ini bukan sahaja diberi kepada ladang-ladang besar supaya turut terlibat dengan pengeluaran makanan tetapi juga kepada syarikat-syarikat yang pertama

kali melabur di dalam aktiviti pengeluaran makanan. Langkah seperti ini akan menarik lebih banyak pelabur memasuki sektor pengeluaran makanan dan membantu dalam dasar kerajaan mengurangkan penggantungan negara kepada import bahan-bahan makanan yang boleh dikeluarkan sebenarnya dengan secara efficient dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1996 sejumlah RM6.11 bilion telah diagihkan bagi pembangunan desa. Sejumlah RM408.3 juta adalah untuk jalan-jalan kampung. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, yang tiada jalan dibuat jalan, yang rosak diperbaiki, yang berlubang ditampali, yang lama diperbaharui, jumlahnya 2,102 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah ratusan kampung-kampung memerlukan jalan raya. Jalan yang rosak kelihatan di sini sana, yang berlubang hampir semua jalan, termasuk jalan di kawasan Kota Kinabalu dan kebanyakan jalan ada yang lama dan yang tua pun yang dibuat oleh pihak British lagi seperti jalan raya Kota Kinabalu ke Kudat iaitu melintasi kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini perlu diperbaharui, kalau tidak diperbaharui dia mempunyai banyak lubang untuk ditampali.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat, ini bukan sahaja di kawasan pihak kami sahaja, pembangkang. Baru-baru ini saya ke kawasan Intilibun, kawasan Kinabatangan dan saya nampak juga di sana lubang-lubang yang banyak dan termasuk juga jalan raya ke Sandakan melintasi kawasan Libaran dekat Sungai Sibugah pun banyak juga lubang-lubang yang perlu ditampali. Jadi, harapan rakyat besar sekali, Tuan Yang di-Pertua, supaya yang tiada jalan betul-betul dibuat jalan, yang rosak diperbaiki, yang berlubang ditampali, yang lama diperbaharui sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ini bukan sekadar menanam tebu dibibir kerana beliau telah membuat jaminan dan

‘undertaking’, dengan izin, yang amat tinggi sekali dan saya percaya rakyat negara kita pada tahun hadapan ini akan menanti-nanti supaya kata-kata yang indah sekali itu akan ditunaikan 100%.

Kerajaan Barisan Nasional khususnya di negeri Sabah telah berjanji membina jalan bertar sejumlah 2,000 kilometer pada tahun 2000 nanti. Jumlah panjang jalan raya bertar di seluruh negeri setakat ini semenjak penjajahan British lagi adalah hanya kira-kira 1,200 kilometer sahaja, maka tugas yang amat tinggi dan besar kerana perbezaan jurang yang begitu luas adalah mencerminkan tugas yang perlu dilaksanakan. Rakyat masih menunggu penunaian janji ini dengan harapan yang tinggi.

Jumlah peruntukan bagi seluruh negara di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar misalnya bagi tahun 1996 untuk jalan kampung ialah hanya RM40 juta. Kita berharap sejumlah besar daripada peruntukan ini adalah bagi negeri Sabah untuk menunaikan janji-janji pilihanraya 1994 bagi pembinaan 2,000 kilometer jalan raya yang bertar ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bekalan elektrik pula, RM129.8 juta adalah diperuntukkan untuk elektrik luar bandar terutamanya di Sabah dan di Sarawak. Kita mengatakan terima kasih kepada kerajaan, mengikut anggaran perbelanjaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar sejumlah RM45 juta adalah diperuntukkan kepada negeri Sabah. Sememangnya kita berterima kasih, namun jumlah ini tidak mencukupi memandangkan hanya sekadar kira-kira 35% daripada rakyat di luar bandar negeri Sabah yang menikmati sepertimana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan katakan ‘api dalam kaca, petik ditepi tengah menyala’. Di dalam kebanyakan kawasan di luar bandar tidak ada yang untuk dipetik, Tuan Yang di-Pertua, yang dipetik hanya pucuk-pucuk daun ubi ataupun kalau ada yang dipetik hanya mancis sahaja. Kerajaan telah memberi jaminan yang besar sekali, Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya telah berjanji dalam pilihanraya negeri tahun lalu, supaya 80% daripada rakyat di luar bandar akan dibekal dengan ‘api dalam kaca ini, petik ditepi tengah menyala’ -

mudah-mudahan harapan rakyat untuk menikmati penunaian janji tersebut tidak akan hampa belaka.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dari segi bekalan air dalam besi ini, di mana rakyat negeri Sabah dan Sarawak dan saya percaya beberapa lagi tempat di Semenanjung masih hanya menikmati 'air dalam sungai' atau 'air dalam buluh' atau air hujan yang tidak bersih dan tidak sihat datang turun hanya mengikut keadaan sahaja. Bagi tahun 1996, kerajaan membekal RM114.7 juta bagi bekalan air luar bandar, daripada jumlah ini hanya RM12 juta sahaja akan diperuntukkan bagi negeri Sabah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekali lagi peruntukan ini tidak mencukupi memandangkan Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai matlamat yang amat tinggi sekali dan kita puji begitu berjanji membekal 80% daripada penduduk luar bandar di Sabah dengan 'air dalam besi' pada tahun 2000 ini. Tentulah usaha yang lebih besar perlulah diperlihatkan oleh kerajaan supaya janji-janji pembangunan ini yang ditunggukan oleh rakyat ditunaikan supaya harapan mereka kepada pemimpin-pemimpin kerajaan tidak dihampakan sesuai dengan tujuan kerajaan untuk membentuk masyarakat yang jujur serta bermoral iaitu antara sifat-sifat masyarakat yang madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya antara sifat-sifat masyarakat madani adalah masyarakat yang percaya kepada janji-janji dan di antara sifat-sifat kerajaan yang madani adalah turut kepada janji dan menunaikan apa yang dijanjikan kerana ini sesuai dengan apa yang kita katakan 'civilised society'.

Tuan Yang di-Pertua, janji-janji haruslah bukan sekadar untuk mempengaruhi rakyat untuk mendapatkan sokongan dan selepas itu ditinggalkan. Dari segi pembangunan ekonomi negara, tumpuan hendaklah diberi kepada negeri-negeri yang terpencil, yang mana disebabkan jauhnya mereka daripada pusat ekonomi negara, tumpuan khas hendaklah diberi

dari segi usaha pemulihan ekonomi, transformasi, bekalan infrastruktur asas dan penyediaan-penyediaan insentif-insentif pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi tidak boleh dipisahkan dari segi tugas kerajaan untuk membawa pembangunan sosial khasnya keperluan-keperluan asas masyarakat. Masalah pengeluaran kad pengenalan di Sabah telah banyak disentuh di dalam Dewan yang mulia ini. Kita berterima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat atas tindakan-tindakan yang sedang dijalankan ke atas mereka yang terlibat dalam sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu. Setakat ini seorang lagi yang telah ditangkap pada dua hari yang lalu membawa jumlah kepada kira-kira 35 orang. Kita berharap kerajaan terus mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang terlibat. Pada setakat ini, mereka yang telah ditangkap ialah dipercayai hanya orang-orang bawahan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dijelaskan oleh pihak keselamatan sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita berharap kerajaan tidak akan berlengah-lengah mengambil tindakan kepada ketua-ketua sindiket tersebut, tidak mengira pangkat dan kedudukan mereka. Perbuatan dan pengedaran kad pengenalan palsu adalah suatu penderhakaan kepada negara kita dan tindakan tegas hendaklah diambil kepada mereka yang terlibat untuk menjamin keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengeluaran kad pengenalan pula kepada rakyat Malaysia yang tulen khasnya mereka yang berada di luar bandar, kita minta sekali lagi supaya pihak kerajaan memberi perhatian yang khusus kepada mereka yang tidak mempunyai sijil kelahiran, tidak mampu membayar yuran pendaftaran dan gambar dan jauh daripada kawasan bandar. Mereka ini khususnya ialah dalam negeri Sabah dan negeri Sarawak. Perlonggaran syarat harus diberi kepada mereka yang tidak ada sijil kelahiran asal, asalkan ada bukti mereka lahir di negara ini supaya pemprosesan permohonan mereka dapat dipercepatkan.

Bagi mereka yang tidak mampu membayar yuran pendaftaran dan membayar gambar atau membayar yuran penukaran kad pengenalan, pihak Kementerian Dalam Negeri harus memberi pengecualian yuran atau amnesty bagi satu tempoh yang ditetapkan.

Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, dua tahun di mana kita ajak rakyat di luar bandar mengambil peluang masa di dalam dua tahun itu untuk memohon kad pengenalan, untuk mengurus ketiadaan sijil kelahiran. Dalam masa begitu, supaya semua penduduk yang terlibat dalam masalah ini boleh mengambil langkah untuk mendapatkan kad pengenalan mereka.

Bagi penduduk-penduduk yang tinggal jauh di luar bandar, yang tidak mampu hadir ke Pejabat Pendaftaran di kota, lawatan-lawatan ke luar bandar oleh pihak kakitangan Jabatan Pendaftaran haruslah dijalankan dengan lebih kerap lagi.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, amat mengecewakan, bahawa orang-orang asing yang tidak layak tinggal dan datang ke negara kita ini mendapatkan kad pengenalan dengan senang sekali seperti mana yang dibuktikan melalui penangkapan-penangkapan ini. Tetapi rakyat Malaysia kita, ibu bapa mereka lahir di negara kita ini masih lagi belum mempunyai kad pengenalan.

Saya merayu, Tuan Yang di-Pertua, melalui Belanjawan 1996 ini supaya satu pengkhususan diberi untuk menyelesaikan masalah rakyat khususnya di negeri Sabah dan Sarawak dari segi memilik kad pengenalan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan ekonomi negara di mana-mana negara pun, kestabilan politik dan kerjasama semua pihak adalah penting. Namun demikian, kerajaan hendaklah sentiasa peka kepada kritikan yang objektif daripada golongan yang ingin menegur kerajaan mahupun dari segi dasar kerajaan ataupun pelaksanaan program-program pembangunan.

Sifat-sifat angkuh yang tidak memberi ruang kepada kritikan rakyat atau tidak menerima teguran daripada pihak pembangkang, saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan di Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak perlukan pihak pembangkang. Sifat-sifat seperti ini tidak menguntungkan negara. Sebenarnya pandangan-pandangan seperti itu adalah bertentangan dengan sifat-sifat masyarakat madani yang ingin dibentuk oleh negara kita.

Memandangkan faktor-faktor kestabilan politik adalah penting bagi

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Libaran bangun.

Dr. Maximua Johnity Ongkili: Ini kawan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ada beberapa minit dan kalau dapat, saya akan beri peluang di penghujung ucapan saya nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau tidak sempat, teruskan sahaja.

Dr. Maximum Johnity Ongkili: Memandangkan faktor-faktor kestabilan politik adalah penting bagi pembangunan ekonomi negara, maka kestabilan politik di negeri Sabah haruslah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan Pusat.

Keputusan Kerajaan Pusat untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri akan menimbulkan ketidakstabilan politik di negeri tersebut. Pembangunan akan terjejas, pelaburan akan terganggu, sistem pentadbiran akan kucar-kacir dan politicking akan mengganggu pelaksanaan dasar dan perubahan pembangunan. Ia juga adalah bertentangan dengan semangat peruntukan di dalam Perlembagaan Negeri Sabah mengenai perlantikan jawatan Ketua Menteri.

Atas sebab-sebab inilah, pihak Parti Bersatu Sabah telah membantah cadangan menggilirkan jawatan Ketua Menteri negeri Sabah dari awal lagi kerana pada jangka panjang

langkah ini tidak akan menguntungkan rakyat dan mana-mana pihak kecuali mereka yang hanya ingin mendapatkan jawatan dan menjadi kaya melalui jawatan tersebut ataupun oleh kerajaan pemimpin-pemimpin yang akan terlibat nanti.

Pendirian Parti Bersatu Sabah, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini tidak semestinya mencerminkan kita menyokong pihak UMNO untuk terus menerajui jawatan Ketua Menteri. Sebenarnya kita menuntut supaya pilihanraya umum diadakan untuk menyelesaikan perkara ini dan menghormati permintaan umum untuk membentuk kerajaan yang betul-betul mempunyai mandat dari rakyat jelata negeri Sabah.

Saya beri jalan untuk Yang Berhormat Libaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okay, saya tutup, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa, Yang Berhormat, sudah habis berucap.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit.

4.05 ptg.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan Belanjawan 1996 yang telah mempamerkan satu perancangan pengurusan ekonomi yang amat dinamis dan memberangsangkan.

Peruntukan-peruntukan yang dihitug dan diagih dengan bijak dan teliti sekali dan dijuruskan kepada pelbagai bidang pengurusan dan pembangunan negara mencerminkan hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk menjamin kehidupan yang berkualiti bagi rakyat dalam semua lapisan masyarakat.

Tahniah saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah berusaha memperkenalkan sebegitu banyak istilah dan ungkapan-ungkapan terkini dalam Bahasa Melayu khususnya dalam ucapan Belanjawan beliau yang sekaligus memperkayakan khazanah kosa kata Bahasa Melayu.

Ini merupakan manifestasi hasrat pemimpin-pemimpin negara untuk mendaulatkan Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan kita. Dakwaan Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang di Dewan yang mulia ini tempoh hari bahawa kononnya kerajaan kini lebih yakin kepada bahasa Inggeris dari Bahasa Melayu dalam segenap bidang dan aktiviti negara adalah satu sangkaan yang nyata amat terpesong daripada lunas-lunas kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia memeterai komitmen beliau kepada Bahasa Melayu dalam satu ucapan yang berbunyi, “Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Malaysia harus dimajukan serentak dengan kemajuan bangsa kita. Bahasa Melayu mempunyai peranannya dan harus diletak setaraf dengan kelompok bahasa-bahasa yang telah berjaya pada peringkat antarabangsa”.

Begitu juga dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim yang menegaskan keyakinan beliau terhadap keupayaan Bahasa Melayu dengan berkata, “Kita yakin Bahasa Melayu akan menjadi bahasa perantaraan, bahasa ilmu dan bahasa yang dituturkan oleh banyak lapisan penduduk dunia dalam waktu yang dekat ini”.

Perhatian dan penumpuan kerajaan terhadap memelihara martabat Bahasa Melayu tidak harus dipertikaikan. Justeru itu, semua kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam memupuk, membangun, dan memperkembangkan Bahasa Melayu haruslah mempergiatkan lagi usaha ke arah mencapai aspirasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah ditubuhkan pada tahun 1956 menjunjung amanah bangsa untuk mengembang dan memartabatkan Bahasa Melayu.

Tugas dan tanggungjawab ini telah dilaksanakan dengan bijak dan teratur, namun masih banyak lagi ruang yang belum dipenuhi untuk mempertingkatkan taraf dan kedudukan Bahasa Melayu itu sendiri.

Saya ucapkan tahniah kepada pihak pengurusan Dewan Bahasa dan Pustaka yang merangka satu perancangan 5 tahun yang dinamakan “Sasaran Kerja Utama Bagi Tahun 1995 Hingga Tahun 2000”. Namun, saya harap perancangan ini janganlah jadi perhiasan kosmetik sahaja. Kelemahan dan kelalaian yang silam patut dijadikan teladan dalam mengharungi tahun-tahun hadapan.

Pengurusan aktiviti Dewan Bahasa dan Pustaka harus dikaji semula dan harus ada keberanian dan nekad dalam menyisirkan yang kurang perlu demi keunggulan yang perlu. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan dan penerbitan bahan-bahan ilmiah harus diutamakan. Kenapa perlu Bahagian Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka berfungsi sebagai penerbit buku-buku sekolah pada hal bahan-bahan ilmiah patut didahulukan?

Para penulis dalam pelbagai bidang akademik misalnya, amat rungging dengan kelewatan Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan buku-buku mereka lantas ini melembabkan lagi dorongan dan minat mereka dalam menghasilkan bahan-bahan ilmiah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini, agar Dewan Bahasa dan Pustaka memberhentikan penerbitan buku-buku sekolah walaupun ini mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Biarlah penerbit-penerbit bumiputera khususnya usahawan-usahawan yang mahu mencuba untuk bergiat dalam bidang penerbitan menceburkan diri dalam bidang ini. Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah menumpukan 100% kegiatan penerbitan terhadap penerbitan buku ilmiah termasuk penulisan-penulisan dalam bidang kesusasteraan dan lain-lain.

Ini sajalah yang boleh menjadi pendorong utama bagi penulis-penulis ilmiah dalam bahasa Melayu. Memang, mana-mana penerbitan pun secara keseluruhannya tidak berminat menerbitkan buku-buku ilmiah yang pasarannya agak terhad. Jadi, Dewan Bahasa dan Pustaka sahajalah yang boleh menjadi penyelamat.

Saya percaya, kalau ada jaminan bahawa buku-buku ilmiah dapat diterbitkan dengan agak cepat, sekurang-kurangnya sebelum fakta dan data sudah ketinggalan masa, lebih banyak karya akan dapat dihasilkan dan justeru itu, lebih pesatlah perkembangan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui umum, bahan-bahan bacaan begitu banyak dalam bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris. Buku-buku ini perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu demi kepentingan pembaca dan bahasa Melayu itu sendiri. Tetapi malangnya, judul-judul buku yang diterjemahkan tidak mencerminkan aktiviti penterjemahan yang dinamik dalam sesebuah negara yang membangun. Dewan Bahasa dan Pustaka itu sendiri tidak berupaya mengesan dengan tepat jumlah karya-karya yang pernah diterjemahkan mengikut bidang sejak tahun 1956. Institut Terjemahan Negara pula hanya menterjemahkan buku-buku ataupun karya-karya dalam bidang teknikal.

Jadi saya harap, usaha-usaha menterjemahkan karya harus dilipatgandakan dan ini memerlukan penggemblengan tenaga dan usaha dari semua pihak, termasuk penerbit-penerbit swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar tiap-tiap penerbit swasta ataupun kerajaan diwajibkan menerbitkan sekurang-kurangnya 10 buah judul yang diterjemahkan secara berkualiti dalam setahun. Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, mungkin jumlah ini lebih baik dipertingkatkan lagi. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, insya-Allah, bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu akan bertambah dengan mendadak.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang penterjemahan, saya harap semua pihak akan bekerjasama untuk menjamin kualiti penterjemahan dan alihbahasa, khususnya di televisyen dan layar perak. Terjemahan bahasa Melayu daripada cerita berbahasa Inggeris amat mendukacitakan.

Kita tontonilah sahaja mana-mana cerita di panggung wayang, nescaya kita akan berhadapan, bukan sahaja dengan penterjemahan yang salah dari segi fakta, mood atau suasana, bahkan struktur ayat dan pemakaian kosa katanya pun janggal dan sumbang. Terjemahan di televisyen pula tidak dijalankan dengan serius. Penuturan yang panjang dipendekkan dan kadangkala maksud ayat itu tidak langsung diterjemahkan. Saya harap pihak pengurusan TV dan panggung wayang akan memberi perhatian yang wajar terhadap hasil-hasil terjemahan ke dalam bahasa Melayu yang dipaparkan oleh media mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah menyatakan pendiriannya yang positif dalam mendokong hak wanita dalam konteks agama dan kebudayaan Asia. Rancangan kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang teknikal dan pengurusan dengan mewujudkan satu program latihan keusahawanan dan pengurusan amat dialu-alukan. Namun, istilah pentadbiran dalam konteks jawatan pentadbir bagi wanita dalam sesebuah organisasi, sama ada awam ataupun swasta harus juga diberi tumpuan.

Rasa-rasa, penyertaan wanita dalam bidang pentadbiran sektor awam dan swasta amat kurang sekali. Justeru itu, program latihan ini juga perlu menempatkan perancangan yang berkaitan dengan pentadbiran, sementara jurang nisbah di antara pentadbir dan pembuat dasar mengikut jantina harus dirapatkan.

Saya tidak berhasrat untuk memperkatakan isu ini dengan panjang-lebar kerana isu-isu berkaitan dengan status dan penyertaan wanita dalam pembangunan sering diperkatakan. Namun, saya ingin memberi ingatan bahawa selagi penyelesaian terhadap isu-isu ini tidak

menampakkan hasil yang positif dan mendadak, ianya akan terus diperkatakan bagi dekad-dekad yang akan datang. Sebagai contoh, terdapat kekurangan yang amat ketara sekali dalam penyertaan wanita dalam pelbagai peringkat pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 30 Oktober 1995, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebuah jawatankuasa pakar di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil yang berfungsi membantu kerajaan menyediakan draf pindaan dan cadangan bagi maksud memperkemaskan dan menyelaraskan undang-undang di tiap-tiap negeri di seluruh negara.

Saya difahamkan bahawa Jawatankuasa ini telah ditubuhkan sejak tahun 1988 lagi dengan keanggotaan 3 pakar dalam perundangan sivil dan 3 orang pakar dalam perundangan syarak. Malangnya, tidak seorang pun wanita yang menganggotai Jawatankuasa ini, walhal secara logiknya, enakmen-enakmen syariah di negeri ini secara umumnya ada berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan, yakni perkahwinan, penceraian dan pewarisan.

Ini memerlukan perspektif dan pandangan wanita memandangkan wanita merupakan komponen penting dalam institusi keluarga. Adalah janggal kalau kerajaan mahu menyelaraskan perundangan Islam tanpa penglibatan dan pandangan secara langsung daripada pakar wanita dalam bidang berkaitan. Sebagai satu analogi, adalah agak janggal kalau negara ini hendak memperkemaskan undang-undang Islam dan hanya dipanggil pakar-pakar daripada negara-negara Islam, misalnya kita panggil Syeikh daripada Universiti Al-Azhar ataupun para intelek dan pemikir atau ahli falsafah daripada negara-negara Islam yang terkenal di peringkat antarabangsa, sedangkan dalam Jawatankuasa, untuk mengubal undang-undang yang hendak dipakai dan dipraktikkan di negeri ini tidak memasukkan keanggotaan orang-orang dari Malaysia itu sendiri. Jadi, ini sebagai satu

anologi betapa pentingnya wanita itu dimasukkan di dalam barisan Jawatankuasa ini kerana wanita juga terlibat secara langsung dalam pelaksanaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada pendapat yang mengatakan bahawa nasib wanita di Mahkamah Syariah tidak begitu terbela kerana terdapat masalah dalam pelaksanaan undang-undang syariah. Seorang peguam syarie telah dipetik sebagai berkata; dan saya petik,

“Penalti yang ada sudah cukup memberi pengajaran, tetapi yang sering berlaku ialah, seolah-olah satu bentuk diskriminasi dari pihak Hakim itu sendiri. Sebilangan Hakim disifatkan sebagai tidak profesional, tidak rasional dan konservatif.”

Seorang lagi intelek dalam bidang syariah juga menyatakan bahawa keadaan malang wanita dalam hal keluarga Islam di Malaysia boleh dikaitkan dengan kelemahan pentadbiran Mahkamah Syariah. Justeru itu, saya ingin mencadangkan bahawa satu program yang menjurus kepada penambahan beberapa pegawai dan pentadbiran dalam sistem kehakiman syariah harus diwujudkan. Peluang harus diberi secara adil kepada orang-orang yang berkecuali tanpa mengira jantina.

Tuan Yang di-Pertua, Imam Shafie dan Tabari dalam tafsirannya ada menyatakan bahawa wanita boleh menjadi kadi, cuma dalam menjadi ketua keseluruhan umat Islam seperti Khalifah, tidak dibolehkan kerana Imammah, termasuk menjadi Imam dalam sembahyang. Mungkin ada juga tafsiran lain yang bercanggah dengan pendapat ini, tetapi saya harap, oleh sebab ada dua pendapat yang bercanggah ini, Jabatan Perdana Menteri hendaklah cuba membuat satu kajian yang konklusif dan definitif untuk mencari jalan ataupun untuk membuat dasar tentang hal ini, sama ada wanita boleh atau tidak menjadi kadi. Saya harap, sekiranya kajian ini dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri akan menampakkan satu perubahan yang positif kepada kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada Jawatankuasa Perundangan Wanita tadi. Telah saya katakan bahawa mengikut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, di dalam keanggotaan pakar-pakar yang hendak memperkemaskan dan juga menyelaraskan undang-undang di tiap-tiap negeri di seluruh negara ini, tidak ada anggota dari wanita. Yang ada hanyalah wanita yang duduk di dalam barisan perbincangan sahaja.

Saya rasa ini perlu diperbetulkan dan saya rasa di dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang lain pun perlu juga ada keanggotaan dari kaum wanita. Misalannya, dalam Majlis Agama Islam negeri-negeri, dahulu ada satu ataupun dua buah negeri yang memasukkan anggota wanita untuk menduduki Majlis Agama ini. Tetapi sekarang kita tidak dapat lihat wanita menduduki dalam Majlis Agama Islam negeri. Begitu juga dengan Majlis Ulama Malaysia, tidak terdapat seorang pun anggota daripada kalangan wanita. Padahal dari segi akal fikiran, wanita telah dibuktikan secara saintifik bahawa mereka ini sama tandingnya dengan orang-orang lelaki.

Wanita Islam dari zaman awal lagi telah mempunyai peranan penting di dalam kehidupan orang-orang dahulu. Seperti ada diriwayatkan bahawa Nafisah binti Hassan seorang ahlul bait yang diakui oleh Imam Ghazali sebagai guru beliau. Imam Ghazali sering berulang-alik ke Mesir untuk menuntut ilmu daripadanya. Malah apabila jatuh sakit, Imam Ghazali meminta seseorang menemui Nafisah dan meminta doanya. Demikianlah kedudukan wanita yang telah mendapat pengiktirafan pada zaman awal lagi. Jadi, dakwaan sesetengah pihak bahawa wanita tidak berminat dan tidak layak memainkan peranan yang penting dalam perundangan Islam merupakan alasan yang berbau emosional dan prejudis semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM408.3 juta untuk meningkatkan martabat masyarakat desa dan golongan miskin amat dialu-alukan. Harapan saya ialah kerajaan akan

memberi perhatian yang serius kepada semua aspek kehidupan penduduk luar bandar khususnya mereka yang tergolong dalam lingkungan rakyat termiskin. Pada 1hb. November 1995, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menceritakan pada Dewan yang mulia ini mengenai banjir kilat yang melanda kawasan beliau dan memusnahkan alat-alat seperti televisyen, sofa, piano serta kereta-kereta jenis Proton, Toyota, Volvo dan Mercedes. Saya bersimpati dengan penduduk-penduduk Bukit Mertajam. Tetapi saya lebih bersimpati dengan mangsa-mangsa banjir kilat di kawasan saya iaitu di Parit Enam, Layang-layang Kiri, Parit.

Setiap kali banjir melanda Tuan Yang di-Pertua, jagung menjadi busuk, koko habis berlapuk, ubi pula menjadi jeruk, ayam mati bergelimpangan, itik hilang dari pandangan, kambing menggigil kesejukan. Bayangkanlah, apabila banjir melanda semua penduduk ini terpinga-pinga tanpa sumber pendapatan alternatif. Kerana rata-rata mereka ini petani. Dengarlah rintihan petani-petani ini. Bantuan dari Jabatan Pertanian berupa benih, baja dan racun adalah tidak mencukupi. Perut perlu diisi sebelum tanaman baru boleh dituai. Keperluan asas perlu dilayani. Di mana hendak cari duit? Urusan anak bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin merayu agar kerajaan merangka satu rupa bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa banjir yang betul-betul miskin yang menumpang makan pada bumi, menghadapi karenah alam semula jadi. Bantuan kecemasan janganlah diberi secara terhad seperti yang dibuat sekarang ini. Harus diperluaskan kepada petani-petani miskin yang disahkan kecelakaan yang menimpa nasib mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat kawasan Parit, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah menukarkan taraf Kampus Universiti Sains Cawangan Perak yang terletak di kawasan saya kepada Institut Teknologi Petronas yang bertaraf universiti. Saya harap satu peralihan yang licin dan rapi dapat dilaksanakan. Lebih-lebih lagi sekiranya dapat dilaksanakan penyerapan kakitangan sedia ada ke dalam

pasukan pengurusan institut. Selain daripada memanfaatkan pegawai dan kakitangan, ini juga akan mempercepatkan lagi urusan pengkajian dan pembelajaran ilmiah.

Selain itu, saya berharap program pengajian akan mengutamakan bidang-bidang kajian yang berkaitan dengan negeri Perak, seperti pengkajian batu kapur, seramik, bijih timah dan lain-lain lagi yang boleh memberi kesan yang tinggi terhadap perkembangan ekonomi dan sumber tenaga manusia di persekitaran kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM593.6 juta untuk kesihatan awam termasuk peralatan pusat kesihatan, klinik desa dan klinik bidan. Tetapi dalam memperkatakan golongan yang kurang bernasib baik dari segi kesihatan ini, satu kelemahan menonjol harus kita ketengahkan. Saya ingin menyentuh mengenai golongan mereka yang cacat anggota yang selama ini kurang diberi perhatian. Jumlah rakyat Malaysia yang cacat anggota yang berdaftar ialah 18,091 orang iaitu sehingga bulan Mei 1995. Yang tidak mendaftar mungkin besar juga bilangannya. Kita hairan mana gerangnya 18,091 orang ini? Berapa kerat sangat kerusi roda yang berpusingan di persekitaran bandar dan desa kita? Kalau kita lihat di negeri-negeri Barat seperti di Amerika Syarikat dan di United Kingdom, kita sering bersua dengan pengguna-pengguna kerusi roda malahan mereka juga boleh memandu kereta mereka sendiri yang telah diubahsuai. Mereka selesa mengambil angin bahkan juga membeli-belah tanpa bantuan. Tetapi di Malaysia, senario ini boleh dikatakan sifar. Fenomena ini berlaku kerana kita tidak peka akan keperluan pengguna-pengguna kerusi roda.

Saya harap kerajaan akan mengambil berat tentang hal ini. Wajibkan setiap pasar raya, gedung-gedung membeli-belah, tempat-tempat persiaran, perhentian bas, kereta api, feri, bot, tandas awam dan lain-lain untuk menyediakan kemudahan bagi rakan-rakan kita yang kurang bernasib baik. Sinarkan cahaya di tengah-tengah kegelapan hidup mereka. Bawalah merkahan bibir lesu yang rindukan senyuman itu kepada satu senyuman yang

melebar. Sediakan kemudahan bagi mereka. Biarlah warga-warga cacat anggota ini bergesel siku dengan kita dan sama-sama menikmati keindahan dan kemakmuran negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, membanteras inflasi merupakan salah satu agenda bagi negara kita. Kita diingatkan supaya jangan boros dan sebaliknya kita digalakkan supaya rajin menabung. Saya sokong saranan ini. Cuma ada satu amalan yang ingin saya utarakan di sini. Ini melibatkan peranan penjual dalam menolong membanteras inflasi di samping melindungi hak pengguna.

Amalan ini ialah berkaitan dengan kemudahan memulangkan barang-barang yang telah dibeli. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini barang-barang yang sudah dibeli tidak boleh dipulangkan. Malah kalau hendak ditukarkan dengan barang yang serupa pun jarang-jarang kita dibenarkan. Bahkan barang-barang seperti coklat, kicap dan lain-lain yang didapati berulat atau mengandungi benda asing yang tidak sepatutnya berada di dalamnya dan sebagainya tidak boleh, tidak dibenarkan kita mendapatkan wang kembali; hanya diberi ganti rugi yang berupa barangan jenis yang sama. Sedangkan kadangkala kalau kita mempunyai pengalaman hampir makan coklat yang berulat misalannya, kita sudah tidak mempunyai selera untuk memakan coklat lagi mungkin untuk seumur hidup. Penjual-penjual memang bermaharajalela. Dalam hal ini, pembeli terpaksa mengikut telunjuk mereka. Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini perlu dibetulkan. Saya ingin mencadangkan agar undang-undang digubal untuk membolehkan seseorang pembeli barang yang tidak mudah rosak iaitu dengan izin, non-perishable goods, memulangkan barang itu sekiranya didapati barang-barang itu tidak memenuhi keperluan pembeli.

Untuk maksud ini sipembeli hendaklah dibenarkan menuntut wang harga barang itu kembali sekiranya itu yang dimahukan oleh pembeli.

Selain daripada itu pihak penjual hendaklah membenarkan pembeli-pembeli menukar barang yang sudah dibawa balik ke rumah dengan syarat ada resit atau bukti pembelian. Amalan ini bukanlah amalan yang janggal bahkan amalan ini menjadi perkara biasa di setengah-setengah negara maju. Kenapa kita di Malaysia terlalu menghadkan kemudahan ini dalam kontek jual-beli. Amalan ini pada pendapat saya harus menjadi satu amalan yang dibenarkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja ucapan saya, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ipoh Timor.

4.31 ptg.

Tuan Chan Kon You [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-Undang Perbekalan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara terus berkembang dengan pesat dalam tempoh 8 tahun kebelakangan ini. Prestasi ekonomi yang cemerlang ini adalah akibat daripada kestabilan politik, keharmonian sosial, persefahaman kaum, liberalisasi dan reorganisasi dasar Kerajaan Barisan Nasional.

Secara ringkas petanda-tanda yang menunjukkan pencapaian ekonomi yang baik adalah seperti berikut:

- (1) Kadar pertumbuhan KDNK sebenar telah melebihi 8% untuk 8 tahun lepas yang berturut-turut. Kadar tersebut melonjak kepada 9.6% tahun ini.
- (2) Kadar inflasi turun daripada 3.7% tahun lalu kepada 3.4% tahun ini.
- (3) Kadar pengangguran turun pada paras yang rendah iaitu 2.8%.
- (4) Nisbah khidmat hutang (debt service) ratio sekarang hanya 5% dan sekarang kita tidak perlu meminjam lagi daripada negara-negara lain.
- (5) Eksport negara telah meningkat 22% menduduki tempat yang ke-19 di arena perdagangan dunia.

- (6) Taraf kredit telah naik. Contohnya Woodies Investors Services telah meningkat taraf kredit Malaysia daripada A2 ke-A1.
- (7) Pendapatan per kapita rakyat sekarang ialah sebanyak RM10,068. Kalau mengikut purchasing power parity (PPP), pendapatan per kapita rakyat Malaysia sekarang ialah RM11,328.
- (8) Kadar kemiskinan berkurangan daripada 4% kepada 2.2%.
- (9) Kemasukan modal asing jangka panjang sekarang berjumlah sebanyak RM20 bilion berbanding RM16 bilion tahun lepas.

Demikianlah angka-angka positif yang nyata menunjukkan kewibawaan dan kecekapan kaedah pengurusan ekonomi di bawah pengurusan Kerajaan Barisan Nasional. Rakyat Malaysia telah dapat menikmati taraf hidup yang semakin tinggi. Model Barisan Nasional yang berjaya sebagai satu model pemerintahan telah menjadi teladan kepada negara-negara lain khususnya negara yang sedang membangun dan yang berbilang kaum.

Kejayaan model Kerajaan Barisan Nasional ialah sebab mengapa Barisan Nasional telah mendapat majoriti kemenangan terbesar kali ini. Barisan Nasional telah menang dalam kawasan yang selama ini dianggap sebagai kubu kuat pembangkang DAP. Misalnya di kawasan saya, kawasan Ipoh Timor yang mempunyai majoriti pengundi Cina sebanyak 86% kali ini Barisan Nasional telah menewaskan DAP dalam pilihan raya yang baru berlangsung pada bulan April lalu.

Selain daripada kawasan saya, kawasan-kawasan lain seperti Batu Gajah, Ipoh Barat dan juga Kampar juga dimenangi oleh Barisan Nasional. Pihak pembangkang khususnya DAP sama sekali tidak menyangka bahawa kawasan-kawasan tersebut yang mempunyai pengundi-pengundi Cina yang melebihi 70% boleh dimenangi oleh Barisan Nasional. Mereka selalu angkuh bahawa pengundi Cina tetap akan menyokong mereka. Tetapi kali ini

DAP telah salah. Pengundi Cina telah menolak secara tegas pihak pembangkang yang terdiri daripada DAP, PAS, Semangat 46 dan PBS kerana pembangkang mengamalkan falsafah dan dasar politik yang sempit yang mirip kepada fanatisme agama, berbau perkauman, bercorak oportunis, berbentuk diktatorial, tiada akauntabiliti dan juga mengkhianati janji-janji yang mereka telah buat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Barisan Nasional telah menang dengan majoriti yang besar tetapi Barisan Nasional tetap tidak angkuh atau sombong kerana Barisan Nasional tahu, dengan izin, "humanity is the greatest virtue of all". Walaupun ekonomi negara telah berkembang dengan pesat, kita akui bahawa kita masih mempunyai masalah dan masalah memang wujud di mana-mana pun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meninjau Belanjawan 1996, kita dapati bahawa di antara tujuan lain ia mahu menangani masalah defisit akaun semasa. Sekiranya pihak pembangkang mahu mencari kesempatan untuk mengkritik secara negatif tentang defisit akaun semasa sebagaimana tindakan sabotaj yang dibuat oleh media massa kuasa asing, maka ini akan sekali lagi menunjukkan bahawa pihak pembangkang hanya bersifat destructive dan opportunist.

Tuan Yang di-Pertua, defisit akaun semasa ialah sebanyak RM18.1 bilion iaitu 9% daripada KDNK. Sebab-sebabnya ialah:

- (1) Import barangan modal dan perantaraan yang melebihi 86% jumlah import negara.
- (2) Aliran wang keluar dalam sektor perkhidmatan seperti freak charge, insurans dan perkhidmatan profesional.

Satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah mempertingkatkan produktiviti sektor perkhidmatan yang masih lembab. Dalam Belanjawan 1996, langkah-langkah telah diatur untuk memperbaiki sektor ini, seperti menubuhkan Consortium of Insurance dan pemberian

insentif yang berkenaan. Saya berpendapat bahawa untuk mengurangkan import barangan modal yang terlalu banyak, kerajaan boleh menjadualkan pelancaran mega projek secara rata atau uniform dan tidak terkelompok sekali dalam tempoh yang pendek. Dalam hubungan ini projek-projek seperti KLIA, Pembesaran Pelabuhan Bakun dan Putrajaya memang tidak boleh dilewatkan kerana keperluan yang mendesak. Akan tetapi mega projek yang tidak ada urgency, dengan izin, haruslah dijadualkan supaya ekonomi negara tidak menjadi over-heating.

Satu masalah untuk ekonomi yang over-heating ialah keengganan modal asing masuk ke negara kita. Pada tahun ini kemasukan modal asing jangka panjang ialah RM20 bilion berbanding dengan RM16 bilion tahun lalu. Kerajaan harus mengawal over-heating ekonomi untuk menarik masuk lebih lagi modal asing pada masa akan datang dan mengurangkan defisit akaun semasa kepada sekurang-kurangnya 7.5% daripada KNK pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa bersaing (competitive position) negara kita telah turun daripada kedudukan yang ke-17 pada tahun 1994 iaitu tahun yang lalu kepada 21 tahun ini. Negara Taiwan, Belgium, Luxembourg dan Finland telah mendahului kita. Ini tidak bermakna negara kita ini adalah kurang berdaya saing, tetapi negara seperti Taiwan dan Belgium telah maju dengan lebih cepat dalam daya saingan mereka.

Sehubungan dengan ini, bidang Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) mestilah dipergiatkan. Dalam Belanjawan 1996, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menyebut bahawa kerajaan akan memperkenalkan sistem penyelidikan secara kontrak. Institute Standard dan Penyelidikan Perindustrian, Institut Mikro-Elektronik Malaysia akan diperbadankan pada tahun 1996. Selain daripada ini universiti-universiti tempatan juga diiktiraf sebagai institut penyelidikan. Mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti P&P di institut penyelidikan tersebut akan diberi potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan P&P.

Saya ingin membuat cadangan bahawa syarikat-syarikat sendiri perlu digalakkan untuk mendirikan bahagian ataupun pusat P&P sendiri bagi industri besar ataupun Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Kita tidak boleh sentiasa bergantung kepada hasil P&P dari negara lain, kita perlu mempertingkatkan sistem pengurusan perniagaan, teknik pengeluaran, pengawalan mutu barangan, kaedah pemasaran kita supaya memperkukuhkan kuasa saing kita. Ini amat penting memandangkan bahawa Amerika Syarikat iaitu United States akan menarik balik GSP (Sistem Keutamaan Am) bagi Malaysia pada tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastaaan merupakan dasar utama kerajaan untuk membolehkan pihak swasta memainkan peranan lebih penting dan positif kepada negara, akan tetapi penswastaaan harus dijalankan dengan tidak membebankan rakyat terlalu sangat dari segi tarif ataupun charge yang dikenakan, pada masa yang sama ketrampilan projek penswastaaan harus dipelihara (maintain).

Di sini saya ingin mengketengahkan atau mengemukakan projek penswastaaan IWK (Indah Water Konsortium) iaitu yang sedang berlangsung di negeri Perak.

Pada bulan September tahun ini IWK telah menghantar caj kepada penduduk di kawasan Ipoh. Dalam bil tersebut selain daripada caj bulanan semasa, ia juga back date, dengan izin, cajnya kepada bulan Disember, 1994. Kononnya IWK telah mengambil alih sistem pembedung daripada Dewan Bandaraya Ipoh pada Disember tahun lalu. Akan tetapi penduduk-penduduk tidak pernah lihat atau menerima apa-apa perkhidmatan yang dibuat oleh IWK dalam tempoh tersebut. Caj tersebut adalah disertakan bersama-sama dengan caj air dalam bil yang dikemukakan oleh Jabatan Bekalan Air (JBA). Sungutan, rungutan dan aduan tentang IWK menjadi semakin hebat sekarang dan aduan-aduan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) IWK tidak menawarkan perkhidmatan tetapi mengenakan bayaran caj. Ini adalah bertentangan dengan apa yang disebutkan oleh IWK iaitu “pay for service done”;
- (ii) IWK mengenakan caj kepada seluruh isi rumah kedai, syarikat perniagaan dan kilang tanpa mengira sama ada mereka mempunyai sistem pembetulan sendiri atau mereka memang tidak memerlukan sistem pembetulan IWK, misalnya ada rumah yang menggunakan “bucket system” sendiri. Setelah caj dikenakan bagi semua unit-unit komersil dan unit-unit isi rumah ataupun domestik, IWK mahukan mereka membuat rayuan kes demi kes untuk membuat pengecualian. Ini adalah aneh kerana IWK merupakan satu syarikat yang besar dan seharusnya telah membuat kajian dahulu sebelum menghantarkan bil kepada pihak-pihak yang berkenaan.
- (iii) IWK mengenakan caj atas jumlah air yang digunakan, pada hal hanya sejumlah atau sebahagian kecil sahaja volume air itu adalah digunakan untuk pembetulan ataupun pembersihan tandas.
- (iv) Kadar charge yang dikenakan oleh IWK adalah dianggap terlalu tinggi dan adalah sukar untuk ditanggung khususnya bagi sektor komersil. Charge ini akhirnya akan disalurkan kepada pihak pengguna terakhir dan beban pengguna akhirnya akan bertambah dan ini akhirnya akan menyebabkan harga barangan akan naik. Walaupun potongan caj sebanyak 30%-40% akan diberikan untuk 4 tahun yang pertama, akan tetapi pada tahun yang kelima dan seterusnya caj 100% akan ditanggung oleh sektor ini. Ini akan membebankan semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 memang mempunyai tujuan yang baik, iaitu memperlindungan ataupun membersihkan alam sekitar. Akan tetapi projek penswastaaan ini tidak dilaksanakan dengan sempurna atau teratur. IWK tidak menawarkan perkhidmatan yang memuaskan kepada penduduk, kebanyakan treatment plan atau oxidation pond yang telah diambil alih oleh IWK tidak diservis oleh IWK, walaupun ia telah lama rosak. Panggilan telefon nombornya ialah 8003495, ini ialah nombor telefon panggilan servis untuk IWK. Panggilan telefon ini selalu tidak dijawab, walaupun kerosakan dapat dilaporkan kepada IWK melalui phone ini, tetapi kerosakan tidak dibaikpulih juga. Penduduk tidak melihat IWK membuat apa-apa infrastruktur pembedungan. Komunikasi maklumat IWK kepada penduduk amat mengecewakan. Pengguna adalah dalam kegelapan mengenai jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh IWK. Pengguna cuma tahu bahawa setiap bulan bil air mereka akan naik sebanyak kadar caj yang dikenakan oleh IWK.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan mengawal selia IWK supaya perkhidmatan yang diberikan dapat dipertingkatkan.

Mengikut pegawai atasan IWK, mereka memberitahu bahawa IWK perlukan modal sebanyak RM6.1 bilion untuk menyempurnakan projek pembedungan dalam tempoh konsesi selama 28 tahun. Kerajaan telah memberikan soft loan sebanyak RM475 juta kepada IWK. IWK mempunyai paid-up capital sebanyak RM100 juta sendiri. Ini bermakna IWK mempunyai modal kerja sebanyak RM0.575 bilion, iaitu lebih kurang 9% daripada jumlah modal yang diperlukan.

IWK mengharpakan orang ramai membayar caj pembedungan untuk memperolehi modal yang mencukupi bagi melaksanakan projeknya. Sebelum ini, tentu sekali IWK tidak dapat memberikan servis yang memuaskan kepada orang ramai. Di kawasan Bandar Raya Ipoh, misalnya terdapat sekurang-kurangnya 110,000 unit domestik dan juga komersil yang perlu diservis oleh IWK. IWK haruslah memberitahu kepada orang ramai bagaimana ia

boleh melaksanakan tugas pembedungannya. Misalannya, membuat insludging satu kali dalam tempoh dua tahun sekali, kerana dalam kawasan Ipoh sendiri, jumlah unit yang perlu diserviskan memang banyak. Saya rasa memanglah sukar bagi IWK untuk membuat servis yang sempurna. Dalam hubungan ini, saya harap sekali kerajaan dapat mengawal selia IWK supaya IWK mempertingkatkan perkhidmatannya dan juga menepati janji yang telah dibuat pada kerajaan dengan IWK.

Tuan Yang di-Pertua, banjir kilat baru disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, banjir kilat merupakan satu masalah yang serius di merata tempat di negara ini, kerana kebanyakan sistem perairan dan saliran tidak lagi dapat menampung aliran air yang semakin banyak akibat daripada pembangunan yang begitu pesat.

Di Bandar Raya Ipoh misalnya, kebanyakan sistem perparitan adalah diwaris daripada masa penjajahan British. Kerajaan patut memperuntukkan wang yang mencukupi bagi mengemaskinikan sistem perparitan supaya banjir dapat dikurangkan, dan juga harta serta nyawa orang ramai dapat dijamin. JPS (Jabatan Perairan dan Saliran) negeri Perak telah mengemukakan permohonan sebanyak RM53 juta untuk membendung banjir yang disebabkan oleh Sungai Kinta dan juga Sungai Pinji di kawasan Kinta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Di sini saya merayu supaya amaun ini dapat diberikan oleh Kementerian Pertanian bagi maksud yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin cadang supaya Lapangan Terbang Ipoh dipindahkan ke kawasan lain yang berhampiran dengan Bandar Raya Ipoh, kerana lapangan terbang tersebut adalah terlalu berdekatan dengan kawasan kediaman. Lagi pun perkembangan Ipoh telah terbantut atau tersekat dari segi pembinaan bangunan yang tinggi. Kerana dengan adanya lapangan terbang tersebut di tengah-tengah Bandar Raya Ipoh, had tinggi bangunan tidak boleh melebihi 130 kaki. Ini tidaklah munasabah sama sekali dalam zaman perkembangan sekarang dan juga dalam zaman pembangunan sekarang. Oleh yang

demikian, kerajaan patut memikir tentang pemindahan Lapangan Terbang Ipoh ke tempat yang lain, misalnya di bandar Sri Iskandar, demi perkembangan Ipoh dan juga kemajuan negeri Perak.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

4.45 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mewakili penduduk-penduduk Larut, walaupun baru-baru ini saya dan rakan-rakan lain dari Santubong dan Parit Sulong mewakili Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu. *[Ketawa]*

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pembentangan Belanjawan 1996 pada hari Jumaat 27hb Oktober, 1995. Suasana riang, rasa lega dan selesa terbayang di wajah rakyat Malaysia, termasuk pembangkang-pembangkang, walaupun mereka sensitif atau ghaflah dan enggan menerima hakikat. Pada saya, Belanjawan 1996 ini adalah yang terbaik di dunia, tidak perlu dibandingkan dengan mana-mana negara yang tidak maju dan banyak masalah.

Apabila kita meneliti dan menghayati roh dan semangat Belanjawan 1996, ianya secara jelas adalah satu belanjawan yang bertanggungjawab, berwawasan dan sederhana. Semua golongan mendapat pembelaan, termasuk yang miskin, kaya, pelajar, penulis, karyawan, semuanya diambil kira dalam usaha membina sebuah masyarakat yang bertanggungjawab, mempunyai insan soleh dan taat kepada Allah, Pesuruh Allah dan kepada pemerintah di muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan mudah merancang, merencana sebuah Belanjawan seperti ini, sekiranya kita tidak ada pertumbuhan ekonomi yang teguh, yang

timbul dari kestabilan politik yang kukuh. Pembentangan Belanjawan seperti ini amat menggalakkan rakyat dan memberi perangsang dan semangat supaya semua rakyat lebih akur, terus berjaya dan tumpahkan taat setia kepada negara. Belanjawan tersebut merangkumi dan mengambil kira peringkat rakyat. Ianya amatlah membanggakan kita semua, mengambil berat masalah semua peringkat hidup adalah urusan Kerajaan Barisan Nasional, bagi memantapkan lagi taraf dan khasnya meneruskan usaha-usaha bagi kepentingan negara, rakyat tercinta dan tanah air dalam keadaan aman, damai dan penuh kesejahteraan.

Selain dari itu, Belanjawan ini juga dipenuhi dengan konsep ihsan dan 'al-adl' melalui politik yang teguh, yang ditunjuk oleh besar bilangan rakyat dalam pilihan raya pada bulan April 1995. Belanjawan ini mengikut perkiraan saya adalah satu Belanjawan yang dengan wisdom, well calculated, dengan izin, di bawah kepimpinan Menteri Kewangan yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan yang kita kasihi, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang berwawasan tinggi yang disegani oleh mana-mana bangsa di dunia ini dan mendapat tepukan hebat di Bangsa-bangsa Bersatu yang mana saya juga berada di sana ketika ianya berucap pada 29hb September, 1995 di New York. Semua rakyat dari semua peringkat termasuk pembangkang perlu bersyukur kepada Allah S.W.T., kerana Firman Tuhan [*sambil membaca ayat al-Quran*] yang bermaksud, "barangsiapa yang bersyukur nescaya Kami tambah nikmat kepadanya, dan barangsiapa kufur nescaya azab Kami amat pedih." Pembangkang juga bersetuju dengan Belanjawan ini, tetapi mereka jarang membayangkan hakikat sebenarnya, kerana mereka adalah orang tergolong daripada orang-orang yang lari dari hakikat dan segan menerima hakikat dan kebenaran, atau yang tidak mahu menerima hakikat walaupun rakyat telah menghukum bahawa Barisan Nasional sahajalah parti yang layak memerintah negara yang kita sayang ini mengikut keputusan pilihan raya.

Ucapan dari pembangkang adalah ucapan yang lama, seperti surat khabar lama dan pihak lain pula berkhotbah dalam Dewan tanpa apa-apa guidance, dengan izin, yang diberi untuk membaiki lagi mana-mana yang kurang. Peranan pembangkang sebenarnya dalam sistem berparlimen seperti di England adalah bertujuan membina atau membuat kritik-kritikan yang konstruktif. Bukan hanya membuta tuli tanpa mengambil kira apa yang baik dan tidak baik. Mustahil apa yang dibuat oleh kerajaan tidak benar, sedangkan kemenangan yang diberikan oleh rakyat adalah mengkagumkan dalam pilihan raya baru-baru ini. Pembangkang juga menikmati semua nikmat-nikmat yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, antara yang menarik dalam pembentangan Belanjawan ialah usaha mengurangkan tekanan inflasi dan menggalakkan rakyat menabung menerusi insentif pelupusan cukai atas pelbagai jenis simpanan dan barang-barang keperluan insan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sektor yang mendapat manfaat dari Belanjawan ini serta pembangunan ilmu, perubatan, umpamanya, mereka yang kurang bernasib baik, kaum wanita dan belia. Sektor hartanah, pasaran, modal serta sektor pemeliharaan alam sekitar turut tidak dilupakan dan pembangunan negara dan luar bandar juga dititik beratkan. Tidak juga ketinggalan penduduk-penduduk kampung yang mana peruntukan besar untuk jalan-jalan kampung yang mana perlu dilaksanakan dengan serta-merta.

Justeru itu saya menambah, supaya industri-industri juga dibuka di kampung-kampung, bukan tertumpu di pekan-pekan sahaja kerana kalau kita pergi ke London atau New York, tidak ada industri-industri berhampiran dengan kota seperti di negara kita. Perkara ini serius. Pihak berkenaan hendaklah mengambil langkah positif berhubung dengan perkara ini yang mana saya rasa kurang dan tidak mendapat perhatian.

(2) Penghijrahan rakyat mencari nafkah di tempat-tempat yang jauh dari tempat mereka tinggal.

Wawasan kerajaan akan lebih berjaya dan sokongan rakyat akan lebih bertambah sekiranya rakyat mendapat kemudahan bekerja di kawasan mereka tinggal tanpa membuang masa lima atau enam jam dalam perjalanan pergi ke tempat kerja.

Di Larut, umpamanya, lebih 10,000 pekerja-pekerja industri pergi bekerja di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Sungai Petani, Johor Bharu dan lain-lain. Kesan penghijrahan ini sama juga di Yan, adalah nyata dan menakutkan. Mesyuarat-mesyuarat Umno sudah kurang ahli-ahli. Pemuda-pemuda, pemudi-pemudi termasuk orang dewasa berumur 50 tahun pun meninggalkan kampung untuk mencari nafkah. Tiap-tiap cawangan kekurangan ahli, akhirnya kalau perkara ini berterusan, UMNO tidak kuat. Kuasa yang ada pada hari ini terus luntur dan mungkin tulang belakang Barisan Nasional akan lumpuh. Perkara ini serius. Perlu difikirkan dengan serta-merta.

Kita sentiasa bercakap negara industri, maju, tetapi ianya tidak menyeluruh. Saya menyeru semua pihak yang berwajib mendirikan industri-industri ini dengan segera di kawasan Larut dan di kawasan-kawasan lain juga. Larut adalah kawasan pilihanraya yang tidak pernah menyusahkan mana-mana pihak atasan sejak sekian lama.*[Tepuk]*. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, ianya akan dilaksanakan bagi menyahut kehendak rakyat. Mereka membuat keputusan ini di seluruh mesyuarat cawangan, bahagian juga di mana-mana perjumpaan termasuk perjumpaan-perjumpaan di rumah kenduri semalam....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan Bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pandangan Larut supaya kerajaan mengadakan industri-industri di luar bandar termasuklah Yan, di Jerlun dan sebagainya. Tetapi Yang Berhormat tidak memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah kilang yang khusus, Yang Berhormat hendak di Larut?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawabnya ada orang mengatakan kilang industri ini ada perishable and non-perishable. Jadi kalau dirasakan tempat kita itu jauh dari lebuhraya, kita buat non-perishable seperti sarung tangan, tilam, kasut, kerusi meja, kulit, perabot dan lain-lain lagi boleh belaka.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan juga turut memberi penghapusan cukai import dan cukai jualan semua peralatan asas perubatan. Langkah ini disambut baik dan diharap pihak swasta tidak mencuri peluang ini untuk mencapai keuntungan berlebihan. Sebaliknya, mereka perlu menurunkan kadar khidmat dan memberikan perkhidmatan perubatan yang lebih bermakna dan berkesan. Dengan yang demikian, ianya menggalakkan pesakit-pesakit pergi ke klinik swasta ataupun mereka bebas memilih sama ada hendak pergi ke klinik swasta atau hospital kerajaan mengikut keupayaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan ini pihak korporat juga perlu memainkan peranan yang terpenting. Menambah sumbangan mereka kepada persatuan-persatuan orang cacat, orang buta, orang tua, pusat kanser, pusat jantung negara serta membiayai alat-alat mesin haemodialisis bagi penyakit-penyakit buah pinggang yang bertambah pada hari ini, serta juga menyumbang kepada pesakit-pesakit tenat yang perlu dirawat di luar negeri atau dalam negeri tanpa menyiarkan berita berupa minta belas kasihan dan sedekah dari pembaca-pembaca surat khabar. Pihak korporat juga tidaklah sahaja memberi sumbangan berlebihan kepada sekolah di mana dia belajar sahaja kerana satu-satu sekolah itu tidak dapat menjamin pimpinan Malaysia yang aman dan damai pada hari ini.

Wanita juga tidak ketinggalan oleh Belanjawan yang dibentangkan. Sebagai pendidik, pengasuh jenerasi masa hadapan, usaha mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak di semua jabatan yang diterangkan oleh Menteri Kewangan itu adalah mendapat sambutan yang baik dan pelepasan cukai anak kepada suami atau isteri adalah penghargaan kerajaan kepada sumbangan wanita. Saya berharap pusat ini akan diadakan dengan segera supaya pekerja-

pekerja, pegawai-pegawai wanita tidak meninggalkan kerja semata-mata kerana bagi menjaga anak-anak wawasan ataupun anak-anak yang belum tahu menjadi anak-anak wawasan, kerana pada masa ini amatlah sukar bagi mendapat pembantu-pembantu rumah khasnya pengasuh-pengasuh anak-anak. Pihak korporat juga perlu mengambil langkah yang sama dalam usaha mengekalkan pekerja-pekerja wanita yang baik bagi keperluan perusahaan dan faedah negara yang kekurangan pekerja.

Kadar levi 100,000 bagi hartanah milik kepentingan asing adalah wajar dan diterima dengan baik. Dalam usaha tidak menggalakkan rakyat tempatan dengan mudah menjual harta kepada orang asing, rakyat negara ini perlu memiliki harta lebih dari rakyat negara. Walaupun ianya merupakan tanda soal kepada pemaju-pemaju perumahan, saya rasa kalau boleh perkara ini dibetulkan, kalaulah boleh dikira had amaun rumah dan peratusan yang kena bayar, levi 100% di atas rumah berharga RM100,000 umpamanya atau RM200,000 umpamanya, kalaulah kedua-dua rumah ini berharga RM100,000 atau RM200,000 levinya RM100,000, maka tiada siapa akan membeli rumah seperti itu. Kalau boleh dengan konsep 'Al adlu Wal ihsan' ini peratusan diberi, umpamanya kalau mereka membeli rumah RM1 juta, kita levi RM200,000; kalau RM2 juta, kita levi RM300,000, ini adalah lebih munasabah. Jadi, kepentingan-kepentingan pemaju juga perlu diambil kira kerana mereka juga menyumbang dengan pesatnya untuk kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak diperkatakan mengenai alam sekitar. Peruntukan melebihi RM47 milion amatlah diperlukan, bahkan lebih dari itupun patut diberi. Di dalam usaha menjaga alam sekitar, mana-mana pihak yang melanggar syarat-syarat atau undang-undang berhubung dengan mana-mana pelaksanaan atau pembangunan, perlu didenda dengan lebih berat dari yang sudah-sudah ada. Pembuangan sisa toksik perlu dicegah dan jika perlu lesen mereka ditarik balik. Mereka juga perlu diberi arahan pindah kerana tempat yang mereka letakkan itu membawa kepada pencemaran alam sekitar dan membahayakan

kesihatan. Seperti sebuah kilang getah di Pekan Selama, setelah banyak aduan dibuat masih lagi belum dipindah, ianya membahayakan kesihatan orang ramai dan harta benda. Rumah-rumah atap zinc habis reput. Saya berharap Kementerian berkenaan ada wakilnya di sini mengambil catatan dan tindakan segera ke atas kilang ini yang mana saya pun amatlah hairan bagaimana boleh diluluskan sebelum saya menjadi Ahli Parlimen Larut. *[Disampuk]*.

Tuan Yang di-Pertua, kapal-kapal asing yang menggunakan Selat Melaka perlu diperketatkan undang-undang lalu lintas dan mereka juga bila mencemar alam sekitar lautan kita, hendaklah didenda ataupun ditangkap, dikurung, dirampas harta mereka. Jangan hanya merampas kapal-kapal nelayan sahaja. Pencemaran alam sekitar memusnahkan cita-cita kita menjadikan Malaysia sebuah negara pelancong yang terbaik di dunia. Orang ramai juga perlu kepada sivik consciousness, dengan izin. Atas hal yang sama janganlah mengharapkan kerajaan semata-mata. Masa ini masih terlihat ada setengah-setengah kaum masih membuang kulit rambutan, langsung, durian dan bungkusan-bungkusan plastik dari kenderaan mereka di lebuh raya. Perbuatan ini amatlah memalukan. Walaupun hukuman denda ada, tetapi enforcement tidak ada di jalan raya melainkan menjaga had laju sahaja terutama sekali polis-polis trafik dari Rawang.

Dalam usaha menjauhkan pencemaran alam sekitar, rakyat sendiri perlu berpelajaran tinggi, bertanggungjawab, bertimbang-rasa, dan jadikan penjagaan alam sekitar sebagai tabiat semulajadi atau habit, dengan izin. Najis-najis anjing di New York umpamanya terpaksa diangkat oleh tuan punya dan dibuang ke tong sampah kerana hukuman denda US\$100 sekiranya tuan punya anjing itu meninggalkan najis-najis di kaki lima dan di mana-mana sahaja. Anjing-anjing liar berkeliaran di kawasan-kawasan perumahan di Malaysia ini perlu dimusnahkan, dihapuskan dengan serta merta.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan dasar warga tua yang dilancarkan pada 29hb. Oktober memberi perlindungan kepada warga tua, saya harap anak-anak lebih prihatin dan

mempunyai perasaan kekeluargaan yang lebih untuk menjaga, mengawasi ibu-bapa, nenek mereka yang ada di dalam kesusahan supaya tidak dihantar ke rumah-rumah Kenangan atas masalah yang tidak munasabah. Alhamdulillah, peratusan di kalangan orang-orang Melayu Islam, saya fikir kurang berbuat demikian. Anak-anak harus mempunyai sifat belas kasihan dan ingatlah sabda Rasulullah s.a.w. “Al Jannatu takhta aqda min ummahar”. Kita pun pandailah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat alih bahasakan dari bahasa Arab tadi kepada Bahasa Malaysia kerana banyak kawan-kawan yang tidak faham, saya fahamlah, *[Ketawa]* tetapi yang Bukit Mas, Labuan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, yang bermaksud “syurga itu di bawah tapak kaki ibu”.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada pembangunan masyarakat pula, saya rasa banyak lagi langkah perlu diambil, banyak orang yang perlu kepada bantuan tidak mendapat layanan, pegawai tidak rasa penuh tanggungjawab, pernah berlaku orang-orang yang susah di tempat saya, memohon bantuan RM50, setelah bertahun-tahun menunggu, setengahnya meninggal dunia tanpa merasakan bantuan RM50 itu sebulan.

Saya menyarankan supaya pegawai yang dilantik lebih bertanggungjawab dan bantuan RM50 itu ditambah kepada RM100 atau lebih kerana saya lihat kalau yang menerima bantuan itu dapat RM50, bila dia beli beras, dia tidak ada lauk, bila dia beli lauk, dia tidak ada beras. Apatah lagi untuk membeli kain sehelai-dua untuk menyambut hari raya ataupun hari kebesaran. Perkara ini serius kalau berkekalan ianya akan menjadi isu kepada pembangkang

yang tidak banyak kerja pada masa ini. Negara makmur sepatutnyalah perkara ini tidak berbangkit lagi dalam Dewan yang mulia ini.

Saya menyarankan juga cukai-cukai ke atas kereta yang mewah perlu diturunkan cukai kerana cukai jalan raya telah dinaikkan, walaupun kereta-kereta mewah ini untuk orang-orang mewah, apakah salahnya mewah di dunia dan mewah di akhirat? Firman Tuhan, bermakna rebutlah kamu peluang di akhirat dan jangan kamu lupa peluang kamu di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kemewahan di dunia juga boleh membawa kemewahan di akhirat yang mana Ahli dari Marang tidak terangkan kepada kita walaupun khubahnya begitu panjang dalam Parlimen ini dan tidak langsung berterima kasih kepada ahli korporat yang menyumbang berjuta-juta ringgit di samping membentuk moral yang baik kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Rakan Muda adalah projek wajar kerana pemuda mudah sesat, tidak mengetahui sejarah perjuangan, tidak menghargai keamanan kemerdekaan yang dicapai, lebih mudah memahami bohjan, bohsia dan 'boh' macam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, projek ini perlu disusun dengan rapi supaya tiada ada mana-mana pihak agak menyeleweng dari tujuannya. Projek Rakan Muda, Rakan Masjid, Rakan Niaga, Rakan Tani adalah sesuai dengan kehendak syarak dan Islam walaupun Kelantan hanya menerima Rakan Masjid kerana PAS tidak beramal dengan surah yang saya bacakan sebentar tadi. Kementerian perlu mencari bakat-bakat di kampung, kemudahan-kemudahan sukan hendaklah dibanyakkan. Guru-guru sukan, perajurit-perajurit yang bersara perlu diberi peluang memainkan peranan dalam usaha Rakan Muda supaya dapat memberi semangat kepada orang-orang muda yang sudah hilang haluan.

Saya menyarankan supaya projek Rakan Muda tidak perlu di maktab-maktab, di kuliah-kuliah, di universiti-universiti atau di sekolah-sekolah tinggi kerana yang perlu ialah orang-orang muda yang berkeliaran, bukan mereka yang di sekolah tinggi, maktab-maktab

perguruan ataupun universiti-universiti kerana mereka ini sudah ada peruntukan masing-masing, sudah ada disiplin dan mereka tidak berkeliaran dan mereka tidak jadi bohjan ataupun bohsia. Jadi, janganlah kemudahan ini dijadikan sia-sia, membuang wang kepada orang yang tidak perlu kepada bantuan seperti mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berwajib juga perlu merancang projek Rakanmuda yang lebih mendatangkan pendapatan kepada Rakan Muda, jangan hanya harapkan O.G.S. sahaja, mereka mungkin jadi mekanik, boleh jadi artis, boleh jadi imam, boleh jadi bilal yang diredai oleh Allah S.W.T., bukan hanya pandai bermain muzik, pakai subang, cocok hidung.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perumahan RM200 juta dan perumahan bagi Orang-orang Asli diterima dengan baik dan saya sarankan ianya perlu diberi priority.

Akhir sekali, saya amatlah bangga bahawa kesan-kesan perbualan saya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada terkandung dalam Belanjawan iaitu jalan-jalan kampung, jalan berlubang, jalan berlopak, jalan baru, jalan lama dan lain-lain. Ini adalah yang dilaung-laungkan oleh orang ramai di cawangan-cawangan seluruh Larut dan saya tidak tahu di tempat-tempat lain, mungkin sama juga. Kerana S.46 dan PAS sentiasa peleceh orang-orang UMNO bila jalan basah, bila jalan berlubang tetapi mereka juga banyak yang berlubang-lubang. Jalan-jalan kampung diharap termasuk jalan-jalan pergi ke dusun, pergi ke tempat kerja, saya berharap pihak bertanggungjawab bersama-sama Wakil Rakyat merancang perkara ini dengan serius kerana setengah-setengah pegawai kerajaan tidak menghayati masalah orang ramai.

Satu lagi perkara yang saya hendak sentuh di sini mengenai pengecualian cukai pendapatan iaitu saya sarankan supaya pendapatan-pendapatan atau simpanan penduduk-penduduk Malaysia di luar negeri dibawa masuk sebagai pelaburan tanpa dikenakan apa-apa cukai pendapatan, barulah mereka ramai bawa balik wang.

Saya juga mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri yang memainkan peranan begitu penting bagi Malaysia dalam banyak masalah teristimewa sekali di Bangsa-bangsa Bersatu di bawah pimpinan Tan Sri Ghazali bin Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang merasmikan Rumah Malaysia yang baru di Teohdore Garden di New York yang berharga lebih RM45 juta untuk Wakil Tetap Bangsa-bangsa Bersatu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Inilah harapan saya supaya kerajaan sentiasa prihatin dengan wakil-wakil kita di luar negeri, kemudahan-kemudahan baru yang ada di rumah Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu itu amatlah canggih, sesuai dengan keadaan dan masa.

Saya memohon semoga kemudahan seperti itu diberi kepada semua kedutaan-kedutaan kita di luar negeri bagi menaikkan semangat dan insentif kepada mereka. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Seri Perdana Menteri yang berucap dengan lantang di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu menebus satu persatunya apa yang perlu dibaiki di Bangsa-bangsa Bersatu termasuklah keamanan dunia dan peperangan di beberapa buah negara, ianya menekankan supaya negara-negara yang membuat keuntungan dari peperangan perlu memainkan peranan penting bagi keamanan dunia dengan sumbangan dari keuntungan mereka dan bayar cukai. Ia berkata, "the hope profit, from tugs-of-war must contribute to the maintenance of peace".

Banyak masalah lain yang dibawa oleh Perdana Menteri dengan beraninya tidak seperti negara-negara lain. Tidak dapat saya huraikan satu persatu di sini dan saya percaya sudah ramai mengikuti ucapan Perdana Menteri khasnya dan ucapan saya dan rakan-rakan lain di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Kementerian Pendidikan RM11 bilion itu adalah baik. Peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan adalah wajar dan tepat kalau boleh banyak lagi pun tidak mengapa. Dengan ringkasnya saya menyarankan supaya kementerian menambahkan banyak lagi asrama-asrama desa, ini menteri kena dengar betul-betul perkara ini. Mebanyakkan lagi, menambahkan lagi asrama-asrama desa kerana menyedari hakikat bahawa anak bumiputera lebih berjaya tinggal di asrama kerana lebih mempunyai disiplin yang teratur dan tidak boleh melepak sesuka hati serta semangat mahu lebih maju bertambah bila melihat kawan-kawan sepelajaran mengulangi pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kerajaan menyeru supaya sekolah-sekolah memberi pelajaran komputer-komputer dan membekal komputer-komputer. Pada hari ini masih banyak sekolah-sekolah yang tidak ada komputer-komputer, istimewa sekali sekolah-sekolah kampung yang mana PIBGnya miskin selalu memohon derma daripada Wakil Rakyat. Saya berharap sebahagian besar daripada peruntukan itu dikhaskan untuk bekalan-bekalan alat-alat komputer-komputer, untuk semua sekolah-sekolah dalam negara dengan segera mempunyai komputer.

Yang ketiga, saya juga menarik perhatian ramai di sini, bahawa sekolah yang telah diluluskan bangunan-bangunan masih tidak selesa, tidak kemas, tidak ada corridor, dengan izin, tidak ada 'gajah menyusui' dan setengahnya tidak ada longkang termasuk wiring dan kipas-kipas angin seperti di kantin-kantin ...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Larut, Ahli Yang Berhormat dari Yan bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Takkan dia sahaja yang bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi tersilap dengar, dia kata 'gajah menyusui'. Jadi saya tidak berapa tahu bahasa ini, barangkali Ahli

Yang Berhormat boleh terangkan, saya fahamlah, kawan-kawan yang lain mungkin kurang arif. Gajah dia susu ikut mana, kena ceritalah.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 'Gajah menyusu' ini peribahasa, iaitu koridor panjang, umpamanya di Malay College, Kuala Kangsar ada, kita berjalan di bawah koridor 'from one building to another', dengan izin, di New York banyak. *[Ketawa]*

Saya menyarankan, ini mustahak bagi pihak kementerian, supaya kerja-kerja JKR yang diberi untuk pembangunan ini diserahkan kepada Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan juga perlu ada in-house JKR dan konsultan-konsultan sendiri tanpa bergantung kepada 'main' JKR kerana 'main' JKR banyak kerja dan banyak masalah, keluar tender juga tidak licin dan lambat kerana saya diberitahu betul atau tidak, pihak tertentu hanya memberi tender kepada member atau sebab-sebab wallahualam.

Saya juga menyeru kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pihak Perbendaharaan memberi arahan bahawa projek-projek di mana pengusaha-pengusaha berupaya di satu-satu kawasan umpamanya diberi kepada orang dari kawasan itu. Barulah mereka mendapat sedikit untung dan mempelajari business keusahawanan seperti yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sendiri dan mana-mana Belanjawan bagi satu kawasan Parlimen umpamanya RM10 juta atau RM20 juta juga diberitahu kepada semua Ahli Parlimen dan ADUN supaya projek-projek cepat dilaksanakan untuk menyahut Wawasan 2020 bagi kepentingan rakyat dan dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

Semua pegawai kerajaan perlu prihatin kepada kehendak rakyat. Rakyatlah yang menentukan kerajaan sekarang yang aman tenteram dan selesa. Rakyat juga boleh mengambil pilihan lain seperti rakyat mengambil pilihan di Somalia dan negara-negara Afrika. Bila huru-hara, pegawai-pegawai tinggi juga dan penduduk-penduduk pun akan menunggu bekalan jagung dari Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan mulai dari sekarang, saya kena hadkan perbahasan kepada 20 minit memandangkan ramai yang kita beri peluang untuk mengambil bahagian. Labuan.

5.22 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya pada kali ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Belanjawan yang saya anggap amat cemerlang dan bertanggungjawab.

Yang pasti, Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara 1996 memperkenalkan pengurangan dan pelepasan cukai bagi memperkenalkan pertumbuhan mantap serta mengawal inflasi dan ini merupakan suatu tindakan positif yang jelas mencerminkan kebijaksanaan kerajaan di dalam mentadbir ekonomi di samping membantu rakyat dalam pelbagai lapisan dan latar belakang ekonomi.

Negara sepatutnya berbangga kerana kadar inflasi menurun kepada 3.4% bagi tempoh 9 bulan pertama bagi tahun 1995 berbanding kepada 3.7% dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Penurunan kadar inflasi ini seharusnya diberi pujian memandangkan dalam iklim pertumbuhan ekonomi yang pesat, negara masih berupaya mengurang dan membendung inflasi. Usaha kerajaan ini memberi keuntungan kepada semua pihak terutamanya kepada masyarakat pengguna yang sewajarnya mendapat pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan pandangan bahawa ekonomi Malaysia sedang dalam keadaan yang membimbangkan dan sedang menghadapi krisis. Yang pertama ialah kerana masalah perluapan ekonomi atau over-heating. Walaupun dalam

keadaan di mana kadar pelaburan adalah tinggi namun kemerosotan imbalan perdagangan adalah semakin meningkat, yang disebabkan oleh consumption, dengan izin. Satu perkara yang menyebabkan kegundahan para pelabur berpotfolio ialah dasar makro-ekonomi yang terlalu menggambarkan ianya terlalu prosignacal.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kegusaran terhadap perluapan ekonomi negara ini boleh dipertikaikan atau dibahaskan tetapi suatu perkara yang jelas menonjol bahawa sektor pembuatan dan pembinaan telah berkembang lebih tinggi dari kadar puratanya buat beberapa tahun kebelakangan ini. Namun, ianya bukan merupakan satu faktor yang boleh mengesan tentang perbezaan pengeluaran yang mana disebabkan oleh perubahan struktur seperti penswastaaan, kemasukan pekerja asing dan peningkatan teknologi.

Namun penurunan yang mendadak terhadap imbalan perdagangan menunjukkan bahawa keupayaan pengeluaran domestik adalah dalam keadaan over-stretch, dengan izin, yang menyebabkan suatu keadaan kebocoran import yang tinggi. Walaupun pada hematnya, keluapan ekonomi yang sama dirasai oleh kebanyakan negara ASEAN yang mana ianya menggambarkan suatu evolusi biasa dalam putaran ekonomi. Malangnya, polisi makro-ekonomi Malaysia digambarkan sebagai terlalu prosignacal di mana lebih memeranjatkan daripada melicinkan putaran ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan agar perkara ini dapat diberikan perhatian dan ditangani sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi masa kini telah dijana sejak 1987 dan hampir memasuki 9 tahun pertumbuhannya. Aktiviti ekonomi dijangka terus teguh dalam setahun lagi menjadikan perkembangan atau pertumbuhan terpanjang dan terkuat dalam tempoh tiga setengah abad. Petunjuk-petunjuk terbaru memperlihatkan pertumbuhan dalam 1994 dan 1995 ini akan kekal pada paras lebih 8%.

Sungguhpun ekonomi Malaysia dijangka akan terus meningkat, tidak ada ruang untuk kita berpuas hati. Kita tidak boleh terus yakin bahawa pertumbuhan akan terus-menerus

terjadi. Kemelesetan telah dialami oleh Malaysia sebelum ini dan ia boleh berlaku lagi. Ia juga akan berlaku lebih cepat lagi sekiranya kita lupa pengajaran silam. Suatu perkara yang penting ialah cabaran untuk mengawal inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, pengajaran berkaitan inflasi sebenarnya ialah persepsi kekayaan dan kemiskinan dan kekayaan dan kemiskinan bukan ditentukan oleh berapa banyak wang yang kita perolehi tetapi berapa banyak barangan dan perkhidmatan yang kita beli dengan wang itu. Apa yang perlu dilihat atau apa yang perlu dibuat ialah mengambil saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kita perlu mengekalkan kos sara hidup rendah. Ini membolehkan negara bersaing bagi menarik pelaburan dan memasarkan barangan tempatan dan strategi bermatlamat membanteras inflasi itu akan membolehkan harga barangan tempatan berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak memiliki kelebihan kompetitif seperti modal, teknologi dan kepakaran, pasaran tempatan yang mewah serta jalinan pemasaran di seluruh dunia. Yang ada pada kita ialah kos pengeluaran yang rendah berpunca dari kos sara hidup yang rendah. Sebagai contoh, pendapatan per kapita 1994 ialah RM8,750 tetapi kuasa belinya sama dengan RM21,250 di Amerika Syarikat.

Kita mampu membeli hampir 3 kali ganda banyak barang atau khidmat berbanding dengan rakyat Amerika Syarikat yang mendapat gaji yang sama atau jika gaji mereka US\$2,500 hanya sama dengan RM7,500 di Malaysia. Ini kerana kos sara hidup kita yang rendah hingga menyebabkan kuasa beli kita lebih tinggi daripada negara maju, sekali gus sara hidup rendah, kos pengeluaran dan khidmat akan turut rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan ini mungkin menyebabkan pendapatan rakyat bertambah lebih kuasa beli atau turun sehingga rakyat menjadi lebih miskin kerana wang yang banyak hanya boleh membeli sedikit barangan. Inflasi dengan kejatuhan nilai wang adalah perkara yang sama. Jangan fikir kita kaya kerana duit bertambah kerana kerap kali

matawang mempunyai nilai yang kurang daripada dahulu dan kempen inflasi ini tidak bermakna semua barangan atau khidmat kita boleh naik harga tetapi ia harus seimbang dengan taraf hidup masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat perlu memahami bahawa Kempen Inflasi Sifar adalah berkait dengan kos sara hidup asas dan tidak membabitkan sara hidup di peringkat mewah. Tumpuan kita ialah kos keperluan asas purata dan sebagai contoh, harga barangan asas tidak wajar naik selagi mutu tidak meningkat tetapi jika kita membeli barangan mewah, kita perlu sanggup membayar harga yang lebih tinggi. Apa yang perlu dibuat oleh kerajaan ialah mengawal harga barangan dan khidmat perkhidmatan supaya tidak melambung. Secara logik dan lazimnya, harga ditentukan oleh tekanan pasaran tetapi fitrah manusia yang tamak akan menaikkan harga jika tidak dikawal.

Di Malaysia, langkah kerajaan mengambil tindakan ke atas penjual yang enggan mengikut harga yang ditetapkan adalah wajar dan perlu diteruskan. Kerajaan juga harus terus mengenakan cukai import dan eksport serta cara lain untuk mengawal kemasukan barangan luar. Ini kerana kita belum menjadi negara maju serta masih bersaing dengan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan yang berterusan bagi membanteras inflasi sepatutnya diberi pujian. Pelancaran Kempen Inflasi Sifar misalnya amat baik dan membantu namun kerajaan juga perlu memastikan bahawa 5 prinsip utama yang ditetapkan kepada peniaga diamalkan dan bukan sebagai prinsip bertulis dan lisan semata-mata. Peniaga tidak seharusnya menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya semata-mata bertujuan mengaut keuntungan berlebihan. Ia bukan setakat tindakan kurang bijak dan keuntungan jangka pendek tetapi merosakkan perniagaan peniaga itu sendiri.

Bagi melaksanakan kempen ini, pihak kerajaan perlu memberikan insentif kepada peniaga-peniaga yang menyahut seruan kerajaan. Contohnya kedai harga patut sewajarnya mendapat imbalan kerajaan kerana mereka menyumbang ke arah inspirasi kerajaan untuk

mengurangkan kadar inflasi negara dan saya juga menyokong usaha yang terbaharu Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menggerakkan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri-negeri bagi mengawasi berlakunya penurunan kepada barangan yang telah diturunkan ataupun dihapuskan daripada cukai.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pembentangan Belanjawan 1996 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara amat pesat dan membanggakan serta memberangsangkan. Di antara petunjuk ialah peningkatan taraf hidup rakyat melalui peningkatan bilangan pengguna kad kredit dan peningkatan yang amat ketara dapat dilihat yang mana dari 700,000 pada tahun 1990 kepada 1.6 juta hingga Jun 1995.

Sehubungan dengan ini, cadangan mengenakan bayaran minimum kad kredit ditingkatkan kepada 15% daripada baki bulanan, saya anggap kena pada tempatnya dan pengguna kad kredit secara berleluasa ini tidak langsung membantu membanteras inflasi, sebaliknya membajainya.

Namun begitu, adalah kurang adil sekiranya kita menyalahkan pihak pengguna dan meletakkan keseluruhan beban di bahu mereka. Saya percaya, jika mereka tidak mudah memperolehi kad kredit, sudah tentu fenomena ini tidak berlaku. Justeru itu, saya mohon mencadangkan supaya diwujudkan satu peraturan ketat terhadap bank-bank dan institusi kewangan lain supaya tidak sewenang-wenangnya memberikan kad kredit kepada pengguna. Ini adalah kerana sukar bagi kita untuk menghalang pengguna berbelanja sekiranya mereka mendapat kemudahan kredit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju agar caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dinaikkan kepada 11% di pihak pekerja dan caruman pihak majikan sebanyak 12%. Saya kira usaha ini dapat membantu rakyat supaya menabung, iaitu membantu mengeneipkan saranan inflasi sifar.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1996 telah memperuntukkan sejumlah RM300 juta sebagai persediaan SUKOM 1998 kelak dan peruntukan ini disediakan untuk tujuan mengadakan program latihan untuk para atlit dan ahli sukan. Sejumlah RM300 juta ini juga merupakan rangkuman sumbangan antara kerajaan dan juga pihak swasta. Namun, apa yang jelas, sejumlah peruntukan yang besar diberikan setiap kali Belanjawan dibentangkan, apa yang mengecewakan, sejumlah wang itu tidak mampu melahirkan Sidek Brothers ataupun Sidek Bersaudara dalam arena badminton. Nampaknya Piala Thomas semakin jauh daripada bumi Malaysia.

Kita juga tiada pengganti Nurulhuda Abdullah atau Jeffry Ong. Pasukan bola negara pula boleh dikatakan tidak layak menyertai mana-mana perlawanan peringkat rantau, benua, apatah lagi bermimpi memasuki pertandingan berprestasi dunia. Dengan kelahiran dan kemunculan atlit Malaysia jelas menunjukkan wujud semacam suatu trend yang mana harapan sepenuhnya diletakkan di bahu atlit berpotensi sahaja, misalnya dalam acara balapan. Dalam satu-satu masa, kita hanya mempunyai seorang atlit bermula dengan pelari pecut Asia. Selain daripada Rabuan Pit, kita tidak ada atlit tempatan pilihan lain yang boleh disebut sebagai pesaing beliau. Kemudian, diganti dengan Nordin Jadi, kemudiannya Norherman Majid, dan kini Watson Nambi dan Azmi dan kini kita tidak pernah menghiraukan siapa pula akan menggantikan Watson dan Azmi kelak.

Saya berpendapat, masih belum terlambat untuk kita memperbaiki mutu sukan negara. Kaedah yang paling berkesan ialah mendidik lebih ramai atlit di satu-satu masa. Kita perlu mengambil contoh Indonesia, misalnya. Arena badminton mereka tidak pernah sunyi dengan pemain handalan. Jaguhan Lim Swe King tidak lenyap begitu sahaja berbanding dengan Misbun Sidek. Pelapis Lim Swe King tidak pernah menghampakan pasukan badminton negara itu berbanding dengan Misbun yang hanya diwarisi oleh adiknya Rashid. Ardi Wiranata, Ariyanto Ardi dan Allan Budikusuma adalah nama barisan pelapis Swe King yang

sering mengharumkan nama badminton Indonesia. Bagaimana dengan pengganti Misbun pula? Hanya adiknya Rashid yang ternyata tidak cukup kuat menandingi pemain Indonesia.

Pihak kerajaan perlu jelas dengan sejumlah peruntukan yang diperuntukkan, misalnya kerajaan, dengan melibatkan pihak swasta sedang menyediakan prasarana yang cukup hebat dengan kos pelaburan bernilai RM721 juta untuk menyediakan infrastruktur bagi SUKOM. Tetapi kerajaan juga harus sedar bahawa peruntukan dana yang begini besar tidak menjamin pengendalian dan pengurusan yang cekap dan ini dapat dilihat dalam pengendalian persatuan-persatuan sukan yang amat mengecewakan. Dan jumlah RM721 juta ini dikira tinggi jika kita hanya menitikberatkan penyediaan prasarana Sukan Komanwel tanpa menyediakan atlet berwibawa yang mampu meraih pingat dalam sukan itu kelak.

Apa yang jelas dan pincang dalam bidang sukan negara ialah kita lebih banyak melahirkan pegawai sukan berbanding dengan atlet. Lebih teruk lagi, ruangan sukan di dalam akhbar dijadikan medan untuk bertelagah antara mereka. Sehubungan dengan itu, saya amat menyokong tindakan yang diwujudkan bagi mewujudkan Akta Sukan bertujuan menjamin mutu sukan dapat ditingkatkan dan Akta ini diharapkan dapat melahirkan atlet yang boleh dibanggakan, justeru mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa tonggak utama yang menggerakkan kemajuan dan pembangunan seluruh negara ialah sumber tenaga manusia dan golongan belia ialah barisan sumber manusia yang banyak menyumbang ke arah itu. Justeru itu, adalah penting bagi kita untuk memastikan pembentukan belia negara selaras dengan aspirasi kerajaan di samping dapat memenuhi cita-cita murni kerajaan.

Di negara ini, berbagai program telah dirancang dan dilaksanakan di mana kita sendiri dapat memastikan kejayaan. Program kursus berterusan yang dikendalikan oleh berbagai kementerian dan agensi merupakan suatu perkembangan yang memberangsangkan dan perlu diberikan sokongan padu. Kerajaan juga telah menggerakkan program Rakan Muda khusus

untuk menggalakkan setiap lapisan belia menggilap bakat dan membajai minat dalam apa jua bidang hidup yang mereka minati sama ada sains dan teknologi, sukan, mahupun seni budaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, program Rakan Muda ini wajar terus disokong oleh semua pihak. Saya juga menyokong agar program Rakan Muda dikaji semula supaya mempunyai sasaran yang lebih tepat. Sebagai pentadbir, adalah sukar bagi kita untuk mengambil alih tugas dan peranan ibu bapa untuk mendidik para remaja membentuk budaya positif dan proaktif melalui Rakan Muda sudah memadai sebagai manifestasi rasa tanggungjawab kerajaan.

Namun, apa yang menjadi tanda tanya sehingga kini, saya masih belum pasati, maklum balas remaja terhadap program ini. Berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk program tersebut dan apakah pulangan yang diterima dari program ini setimpal dengan sejumlah wang yang telah kita curahkan? Dan sememangnya kerajaan berharap, melalui program Rakan Muda ini, golongan muda akan dapat merapatkan diri mereka sejak awal lagi kepada budaya produktif. Namun, setelah hampir setahun program ini berjalan, apakah petunjuk yang boleh kita gaunakan untuk memastikan kemajuan, kalau bukan kejayaan Rakan Muda?

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata mengatakan Rakan Muda boleh membebaskan diri remaja daripada golongan dan belunggu budaya negatif seperti dadah, arak, judi dan segala macam kemaksiatan yang lain. Adalah menjadi harapan kita juga bahawa tujuan mutlak program ini untuk memperkasa budaya akan tercapai bila golongan muda memupuk minat mereka masing-masing.

Namun, apa yang masih terpampang di media masih cerita lapuk tentang remaja dengan kepincangannya. Rakan Muda yang di awal perancangannya begitu gagah, kini dilihat sudah hilang arah tujuan atau pengisiannya hanya berkonsepkan kegiatan sosial dan sukan. Sememangnya Rakan Muda adalah tepat jika kena dengan pelaksanaannya. Program

ini yang cuma 3 bulan dirancang asalnya bermatlamat membanteras budaya lepak dengan pengisian aktiviti lasak dan rekreasi. Ia memang sedap didengar, tetapi apa yang berlaku, lain pula ceritanya.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program bukan sahaja berhadapan dengan peserta yang pernah terjebak dengan gejala lepak, tetapi terpaksa juga menghadapi remaja merokok, salah guna dadah, minum arak, salah laku dan yang berkaitan dengan keruntuhan moral. Bayangkanlah apabila kumpulan remaja ini berkumpul untuk menjayakan satu aktiviti sosial . Pendedahan kepada aspek sosial tidak menjamin apa-apa jika nilai akhlak individu terbabit dan pegangan agamanya rapuh.

Sehubungan dengan itu, pada hemat saya, adalah perlu diselitkan pembangunan dan pembinaan kerohanian di setiap program Rakan Muda ini supaya matlamat murni program ini perlu disanjung, tetapi ianya akan lebih molek sekiranya diwujudkan nilai-nilai murni, kekuatan dalaman, keagamaan, tida patah hati, bersemangat, minda yang jelas, berwawasan dan menyemai dan membajai matlamat hidup di peringkat remaja nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

. **Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita ada Usul. Sekejap. Sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.40 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

Menteri Kerja Raya [Datuk Leo Moggie Anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

5.42 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1996 yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 27hb. Oktober baru-baru ini tidak dapat memberangsangkan ekonomi negara. Malah dianggap sebagai nothing inspiring or special other than a stopgap budget ataupun satu “Belanjawan tarik nafas” sahaja. Tidak ada sebarang inisiatif baru dan besar untuk memampankan pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, ini boleh dilihat dalam harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur yang jatuh menjunam selepas Belanjawan dibentangkan. Pada hari Khamis 26hb. Oktober, Indeks Komposit BSKL pada tahap 967 mata telah susut kepada 924 mata pada 3hb.

November atau kehilangan sebanyak 43 mata atau 4.4%. Kebanyakan disebabkan oleh kekurangan minat pemegang dana wang asing dan juga tempatan. Kalau BSKL tidak yakin ke atas Belanjawan 1996, macam mana Kerajaan Barisan Nasional boleh melaung-laungkan kejayaannya menguruskan ekonomi negara? Jelas sekali ini mencerminkan ketidakpercayaan ke atas empat strategi Belanjawan 1996 yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu:-

- (i) mengekalkan pertumbuhan mampan dengan inflasi terendah;
- (ii) memperkukuh keupayaan sektor perkhidmatan;
- (iii) mempertingkatkan pembangunan sumber daya manusia dan keupayaan teknologi; dan
- (iv) meneruskan agenda pembangunan sosial.

Macam mana Tuan Yang di-Pertua, kita dapat mengekalkan inflasi terendah bila kadar inflasi rasmi sebanyak 3.5% adalah palsu kerana tidak mencerminkan keadaan harga barang-barang perlu yang sebenarnya. Malah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pernah menyatakan dalam Mesyuarat Agung GERAKAN Wilayah Persekutuan pertengahan tahun ini, bahawa kadar inflasi sebenarnya melebihi 10%. Kenyataan Presiden GERAKAN ini tidak pernah dinafikan oleh Kementerian Kewangan.

Kalau seorang Menteri Kabinet Kanan tidak yakin dan percaya ke atas kadar inflasi rasmi kerajaan yang dianggap telah direka ini, macam manakah kita boleh meyakinkan rakyat Malaysia keseluruhannya bahawa inflasi terkawal?

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kadar inflasi ini melebihi 10% seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Presiden GERAKAN. Bila harga minyak masak naik 50%, harga kertas naik 25%, susu segar naik di antara 20% hingga 30%, harga kertas cetak melebihi 30%, tol lebu raya hendak dinaik 33% tahun depan dan tambang kapal terbang yang akan dinaikkan lagi 20% ke-30% menuju ke Singapura mulai 16hb. November ini.

Satu daripada sebab utama mengapa inflasi naik dengan begitu mendadak ialah kegagalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mempertahankan kepentingan pengguna untuk menentang kenaikan harga oleh syarikat besar. Kegagalan ini telah menjejaskan kredibiliti kementerian melawan kenaikan inflasi tanpa pilih kasih. Sebaliknya, betapa serius usaha Kempen Inflasi Sifar ini akan dianggap bergantung semata-mata kepada kedudukan dan saiz syarikat-syarikat yang berkenaan.

Umpamanya kenaikan kadar tol sebanyak 33% ini menunjukkan betapa tamaknya PLUS dan bahawa ia telah lupa tanggungjawab sosialnya kepada rakyat dan negara. Adalah sungguh menyedihkan bila keuntungan PLUS telah naik setiap tahun, ia masih tidak puas hati dan berusaha meraih lebih banyak keuntungan dengan menaikkan kadar tol. PLUS patut diingatkan bahawa tambahan pendaftaran kereta-kereta sudah dapat menjamin keuntungan yang meningkat.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menyatakan pada 19hb. Ogos tahun ini, bahawa pengeluaran kereta di Malaysia telah meningkat sebanyak 195% ke 132,182 buah kenderaan untuk tempoh enam bulan tahun ini berbanding dengan tempoh masa yang sama tahun lepas. Angka ini tidak termasuk lori-lori. Jelas sekali, kerajaan harus menolak permohonan PLUS menaikkan kadar tol kerana tidak ada sebab lagi kadar tol dinaikkan untuk menambahkan keuntungan PLUS.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada usaha melawan inflasi, kerajaan boleh mencapai hasrat ini kalau ia menurunkan harga petroleum. Saya tidak faham mengapa pihak kementerian tidak pula mengurangkan harga petrol bila bahan inputnya telah turun harga seperti bahan mentah petroleum. Harga petrol sepatutnya turun sebanyak 60% selaras dengan penurunan harga petroleum antarabangsa sebanyak 60% sejak Perang Teluk. Semasa Perang Teluk dalam tahun 1991, harga petroleum naik setinggi US\$40.00 setong dan harga minyak petrol premium ditetapkan pada harga RM1.13 seliter. Kini harga minyak antarabangsa

sudah menjunam jatuh ke US\$16.00 hingga US\$17.00 setong - pengurangan sebanyak 60%. Tetapi harga petrol premium di Malaysia tidak turun 10% pun. Masih kekal RM1.06 ke RM1.10 seliter dan saya tidak faham mengapa ia tidak boleh turun selaras dengan penurunan harga antarabangsa.

Apakah gunanya keluaran petroleum disenaraikan sebagai barangan harga terkawal kalau harganya tidak dikurangkan bila bahan mentah turun tetapi sebaliknya naik dengan cepat bila bahan mentahnya naik? Ini adalah sangat tidak adil. Mengikut alasan pihak kementerian, langkah ini adalah untuk menstabilkan harga minyak petrol dalam jangka masa panjang. Kalau inilah tujuan kerajaan, maka keengganan membenarkan harga petrol premium diturunkan selaras dengan penurunan harga minyak antarabangsa hanya akan menggagalkan usaha mengurangkan inflasi.

Saya difahamkan punca utama mengapa pihak kerajaan enggan berbuat demikian, nampaknya bukanlah semata-mata membela kepentingan syarikat petroleum sahaja tetapi juga kerana ingin mengutip duti eksais yang lebih banyak. Kalau harga petrol boleh dikurangkan sebanyak 60%, ia akan mempunyai kesan secara langsung ke atas usaha melawan inflasi kerana kos petrol merupakan komponen terpenting dalam banyak kos barangan.

Kedua, strategi memperkukuh keupayaan sektor perkhidmatan juga tidak akan tercapai bila defisit akaun semasa adalah sebanyak RM18.1 bilion ataupun 9% Keluaran Dalam Negara Kasar. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak boleh menjelaskan defisit akaun semasa ini disebabkan semata-mata oleh import menimbun atau lumpy import sebanyak RM10 bilion ini. Ini adalah kerana defisit akaun semasa dijangka berterusan sebanyak RM18.1 bilion pada tahun 1996. Adalah tidak mungkin pula defisit akaun semasa ini disebabkan sekali lagi oleh eksport menimbun seperti pembelian kapal terbang oleh MAS sebanyak RM2.5 bilion ataupun perolehan syarikat minyak Petronas sebanyak RM5.4 bilion.

Ketiga, strategi mempertingkatkan pembangunan sumber daya manusia dan keupayaan teknologi tidak akan berjaya selagi kerajaan masih mengamalkan sikap diskriminasi dan kuota di mana kecemerlangan ataupun merit bukanlah pengukur kejayaan. Kalau kerajaan serius dengan usaha memupuk sumber manusia yang mampan, berdaya kreatif dan berilmu, ia mesti membenarkan persaingan terbuka dan peluang yang sama. Saya tidak faham mengapa kerajaan mesti menganggap sesuatu kaum adalah “cacat” dan tidak mampu bersaing dengan kaum yang lain bila keupayaan mereka jelas dilihat dalam kecemerlangan peperiksaan SPM dan kebolehan pakar bedah jantungnya termasuk menyelamatkan nyawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Lagi pun macam mana kita hendak meningkatkan keupayaan teknologi bila kerajaan hanya memperuntukkan RM200 juta untuk R&D. Itulah sebabnya Malaysia telah jatuh dari tangga ketujuh belas dalam tahun 1994 ke tangga yang kedua puluh satu dalam tahun 1995 dari segi daya saingan antarabangsa dalam laporan World Competitiveness Report.

Dalam laporan tersebut, dari lapan faktor kemampuan daya saing, Malaysia menerima markah yang paling rendah dalam faktor sains dan teknologi serta faktor sumber manusia. Jelas sekali kedua-dua faktor inilah yang menyebabkan kelebihan Malaysia berdaya saing dalam peringkat antarabangsa merosot.

Lagi pun, dalam satu laporan economist bila ia mengira total factor productivity (TFP), Hong Kong mendapat sebanyak 58% berbanding hanya 13% untuk Malaysia. TFP adalah satu efficiency measures, dengan izin, where the three main elements of economic growth how are they efficiently combine, i.e. labour, human capital and physical capital. Kalau ukuran TFP adalah tinggi, ia menunjukkan efficiency economy dan productivity yang

lebih tinggi. Tetapi angka yang rendah untuk Malaysia adalah menunjukkan bahawa ketidakmampuan untuk bersaing dari segi sumber manusia dan juga sains dan teknologi. Justeru itu, adalah jelas kalau kerajaan mahu membolehkan Malaysia berdaya saing maka ia haruslah mengkaji semula sistem kuota dan menggantikannya dengan satu kira-kira yang berdasarkan keperluan dan merit ataupun berkisar kepada peluang yang sama rata.

Hanya kalau kita merangka satu dasar ekonomi of equal opportunity di mana semua rakyat mendapat peluang yang sama untuk bersaing dan kejayaan bergantung kepada daya usaha sendiri, barulah ekonomi negara boleh maju. Apa yang berlaku ialah Dasar Ekonomi sekarang lebih memihak kepada equality in outcome, dengan izin, di mana tanpa mengira prestasi, kerajaan cuba membuat social engineering mencapai matlamat politiknya tanpa mengira kesan ekonomi negatif.

Sudah tiba masanya kerajaan patut sedar bahawa kejayaan ekonomi tidak boleh diperolehi melalui dasar yang salah yang lebih mementingkan politik. Hanya menerusi penekanan kepada kuasa-kuasa pasaran ekonomi barulah Malaysia dapat memulihkan negara kita dalam pasaran perdagangan antarabangsa. Akhirnya, macam mana kita boleh meneruskan agenda pembangunan sosial bila masalah belia, judi, lepak berterusan dan yang teruk lagi masalah rasuah semakin serius?

Saya amat kesal, sepanjang ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak ada satu rujukan pun dibuat kepada usaha kerajaan menghapuskan gejala rasuah. Di mana komitmen dan iltizam zaman muda beliau bila agenda pembangunan sosial tidak ada satu penekanan ke atas penghapusan rasuah tanpa mengira status atau kedudukan, tanpa mengira lawan atau kawan ataupun sanak-saudara.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan akan merangka satu kod etika kerja untuk pemimpin politik pada 11hb. Mei tahun ini, ia masih belum

diumumkan. Akan tetapi amalan rasuah berleluasa seperti dalam kes pemilikan saham oleh individu-individu tertentu yang ada hubungan persaudaraan dengan pemimpin tertinggi UMNO. Kes pemberian berpuluh-puluh juta saham bernilai beratus-ratus juta ringgit oleh Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa kepada anak Timbalan Menteri, anak Menteri, adik dan abang Timbalan Perdana Menteri. Malah anak Perdana Menteri pun memang diketahui umum. Setakat ini kerajaan masih belum dapat menjustifikasikan pemberian 137 juta saham daripada 6 buah syarikat BSKL yang bernilai RM420 juta kepada 20 individu sahaja seperti 6 syarikat Asia-Pacific Land Bhd., Universal Leader Bhd., FACB, Lian Ho Bhd., Tan & Tan Development Bhd. dan Oriental Interest Bhd.

Saya tidak mahu sebutkan semua nama 20 orang yang mendapat saham itu sebab panjang dan masa pun tidak cukup. Tetapi semua orang tahu siapakah 20 orang individu, 20 orang Melayu 'ajaib' itu. Ini bukan Melayu baru tetapi Melayu 'ajaib' yang boleh menjadi kaya, jutawan berpuluh-puluh kali ganda tanpa sebarang usaha, tanpa sebarang titik-peluh. Apakah siasatan BPR ke atas Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Industri Antarabangsa tentang kelulusan saham kepada menantunya bila menantunya masih seorang pelajar undang-undang di universiti dia boleh dapat saham kerana kononnya dikatakan dia memberikan nasihat undang-undang! Pelajar universiti belum lulus boleh memberikan nasihat undang-undang boleh mendapat saham! Ini betul-betul 'ajaib'. Mungkin itulah ekonomi ajaib ala Barisan Nasional, ala Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa tindakan undang-undang tidak diambil terhadap menteri yang berkenaan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Parit Sulong minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya biasanya akan memberi jalan kepada kawan tetapi masa suntuk, minta maaf. Kerana meluluskan saham kepada menantunya sendiri sungguhpun ia tidak layak menerimanya.

Adakah Kod Etika Kerja pemimpin BN ini membolehkan pemimpin kerajaan membelakangkan Undang-undang Rasuah dalam seksyen 2 Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang diperlukan di bawah Perkara 71, bahawa semua ahli Exco Negeri dilarang daripada memiliki saham atau berniaga dalam syarikat. Akan tetapi saya hendak bertanya, apakah pendirian kerajaan tentang ahli Exco Kerajaan Negeri yang memiliki saham yang besar dalam syarikat yang disenaraikan dalam BSKL, iaitu seorang Menteri Kabinet negeri Sarawak, Datuk Amar James Wong Kim Min, bekas Yang Berhormat dari Bintulu. Nasib baik kita punya Yang Berhormat dari Bintulu kalahkan dia - memiliki 17,299,520 saham dalam Pan Global Equities Bhd. Ini lebih daripada 5% substantial interest.

Adakah ini dibenarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional? Adakah ini dibenarkan oleh Kod Etika Kerja yang belum lagi diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kalau ini tidak dibenarkan, kalau ini menyalahi undang-undang, mengapakah sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan diambil ke atas beliau. Ini satu jumlah besar kerana harga saham ini ditutup dengan harga kira-kira RM5. Kalau 17 juta x RM5, how much? Eighty-five million dollars. Eighty-five-million-dollar-man. Satu syarikat sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada lagi saya tidak tahu. Mungkin ada lagi. Mungkin Yang Berhormat dari Sarawak lebih faham daripada saya.

Adakah ahli Exco diwajibkan melepaskan pegangan saham mereka? Malah kesalahan demikian mungkin boleh ditakrifkan sebagai satu amalan rasuah di bawah seksyen 2(1) - Emergency (Essential Powers) Ordinance 22/1970 yang boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 14 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000.

Oleh itu, saya harap pihak kerajaan bolehlah menyiasat tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih. Saya tidak cukup masa tetapi akhirnya saya meminta bahawa pihak kerajaan menunjukkan prihatin ke atas masalah orang-orang miskin yang merasa terpinggir daripada arus pembangunan ekonomi kerana apa habuan yang diberikan hanya untuk orang kaya-rayu, hanya untuk orang atasan dan bukannya untuk orang miskin khususnya dalam pembinaan rumah kos rendah.

Adakah pihak kerajaan sedar bahawa ada tanah di negeri Melaka yang diperuntukkan khas untuk pembinaan rumah kos rendah tetapi telah diubah, tukar milik, tukar syarat, dijual untuk membina rumah kos mewah dan syarikat ini ialah milikan pemimpin tertinggi UMNO di mana seorang bekas pemilik saham adalah seorang Timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan sekarang. Kalau tidak, saya boleh memberikan maklumat yang lebih lanjut. Saya ada menulis surat kepada Timbalan Perdana Menteri tetapi dia buat tak tahu.

Dia buat bodoh. Saya harap perkara ini boleh diperbetulkan supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini harus memberikan jawapan, mengapa tanah yang diuntukkan untuk rumah kos rendah, dengan harga rendah,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: tetapi tidak membina rumah kos rendah, bina rumah mewah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Yan.

6.02 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sudah hampir seminggu lompat tidak dapat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Orang ramai, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: inilah cara kita berparlimen, Tuan Yang di-Pertua,

Seorang Ahli: Sabar!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita kena sabar dan bertenang apabila kita berhujah di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Dewan Rakyat dan backbenchers yang lain, saya menyokong penuh keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan sebanyak RM55.467 bilion bagi tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata Belanjawan ini adalah Belanjawan rakyat, Belanjawan berbudi dan Belanjawan dari orang yang berada kepada orang yang kurang berada. Inilah hakikat Kerajaan Barisan Nasional di mana ingin melihat setiap rakyat Malaysia ini mendapat hasil nikmat daripada kekayaan negara.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan penghormatan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah menganggap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pohon rimbun di tengah padang, tempat bernaung kepanasan dan tempat berlindung kehujanan. Jadi, inilah konsep yang ada di dalam Barisan Nasional. Oleh itu, saya harap parti-parti pembangkang jangan mengambil isu dalaman UMNO ataupun masuk campur di dalam hal ehwal UMNO, melaga-lagakan kepimpinan UMNO itu sendiri.

Kami di dalam UMNO adalah parti yang hormati-menghormati di antara satu sama lain dan kita tahu mengenang dan membalas budi kepada orang yang berjasa kepada negara dan tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat hari ini, Malaysia adalah sebuah negara yang dihormati 'seantero dunia', pemimpin-pemimpin negara lain menghormati kita. Kita dapat lihat ternyata apabila pembesar-pembesar negara-negara asing seringkali melawat Malaysia dan di hadapan Dewan Rakyatlah tempat mereka menerima tabik kehormatan. Sampai sudah lupa, saya kira tempoh hari, berapa kali pembesar-pembesar negara asing melawat Malaysia, datang untuk melawat Malaysia, datang untuk belajar daripada Malaysia. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pula sering keluar negara untuk mempamerkan Malaysia di seluruh dunia ini, untuk memperkenalkan Malaysia di seluruh dunia. Kalau ekonomi kita merosot, ekonomi kita teruk, macam mana hendak pergi berjalan begitu jauh dan hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau sesiapa sahaja pergi ke luar negara, termasuk pembangkang jika mereka pergi ke negara-negara Arab, kalau PAS negara-negara Arab kerap mereka pergi, DAP pula mereka pergi ke Hong Kong dan China, tetapi S.46 tidak tentu sebab mereka ini 'tidak ketahuan' sangat. Jika kita pergi ke negara-negara ini, sebut sahaja 'Malaysia', Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berdiri, mereka duduk, mereka kata 'Please have a seat', dia hormat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke luar negara, saya naik bas, sebab saya hendak tengok keadaan, sungguhpun ada kereta diberi oleh kerajaan, tetapi saya naik bas. Apabila saya kata datang dari Malaysia, dia kata 'Wonderful! please take a seat sir', dengan izin, 'take a seat', dia beri saya duduk, dia berdiri, dia sungguh menghormati saya, sebab apa? Sebab saya orang Malaysia, iaitu ketika saya melawat South Africa.

Di South Africa, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat bersama rombongan Malaysia, satu persidangan khas Dewan Rakyat diadakan untuk Perdana Menteri, diadakan untuk semua Ahli-ahli Dewan Rakyat hadir, termasuk kulit hitam, kulit putih, kulit coklat pun ada. Mereka colour black and white - semua ada dan saya kita Tuan Yang di-Pertua, 8 kali Ahli-ahli Dewan Rakyat bangun tepuk tangan apabila mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita - itu South Africa, negeri-negeri lain, kalau saya cerita panjang sebab masa yang diberi hanya 20 minit. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara yang dihormati, disanjung dan disegani pada hari ini. Yang mengatakan Malaysia tidak bagus, sebelah penjuru Tuan Yang di-Pertua itu, hak yang membangkang itu. Yang ini saya mengatakan Malaysia tidak bagus. Tetapi Alhamdulillah saya tengok dalam ucapan Ketua Pembangkang dia memuji, Timbalan Presiden PAS puji, cuma anaknya sahaja dia 'lok-lak' lebih. *[Ketawa]* Dia tidak menghormati orang, itu anaknya, tetapi bapanya elok, baguslah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok baru-baru ini dalam surat khabar semua parti pembangkang termasuk S.46, DAP makan satu meja dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan main elok, masa makan, makan elok-elok tidak gaduh apapun, tidak kata apapun. Inilah konsep yang kita mahu. Macam Jelutong, bila saya cakap dia tengok sahaja, dia renung saya, inilah konsep yang baik *[Ketawa]* tidak tahu dia faham atau tidak faham saya cakap *[Ketawa]*. Jadi, kita mahu macam inilah, Tuan Yang di-Pertua, atas isu-isu

sesuatu kita kena muafakat, tunjuk kepada dunia, Malaysia adalah sebuah negara yang baik, kami hidup berharmoni di antara satu sama lain.

Saya harap peristiwa anti-nuklear yang ktia buat itu dengan gabungan semua parti-parti dalam tanah air kita ini akan dapat kita teruskan, kalau isu-isu tertentu berbangkit. Kalau isu-isu tertentu bangkit - sokong, DAP - sokong, Jelutong - sokong, Kepong - sokong, barulah orang hormat kita. Ada banyak lagi investor akan masuk ke tanah air kita untuk melabur.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak memberi amaran yang keras, cukup keras kepada media massa-media massa luar ini. Mereka jangan hendak tunjuk 'anak jantan' kepada Malaysia, hendak melaga-lagakan kita sesama kita.

Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia hari ini kita boycott press-press luar negara yang melaga-laga kepimpinan rakyat dalam negara kita ini. Mereka tidak wajar, malah akhbar dan majalah mereka tidak wajar bertapak di tanah air kita, kerana mereka anti kepada kesejahteraan, kebahagiaan kita hari ini, mereka sanggup melaga-lagakan.

Saya berharap parti-parti pembangkang jangan terlibat, Kepong jangan terlibat, kita jangan terlibat dengan media-media ini semua dan saya percaya Kepong tidak terlibat. Dia bagus, tidak tahulah yang lain-lain, Jelutong pun dia tidak terlibat kes-kes macam ini. *[Ketawa]* Kota Melaka belum tentu! Jadi, saya harap kalau boleh, kita semua rakyat Malaysia menentang media massa yang ingin meruntuhkan keharmonian, kesejahteraan dan kebahagiaan tanah air kita ini, kerana mereka tidak rugi, Tuan Yang di-Pertua, mereka hendak menjual surat khabar mereka jadi mereka melagakan kita. Ini menjatuhkan imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, menjatuhkan imej negara kita, memperkecil-kecilkan Belanjawan negara kita, sedangkan rakyat di kampung dia kata, Alhamdulillah syukur, Kerajaan Barisan Nasional cukup baik, memberi kepada yang kurang bernasib baik, memperbanyakkan rumah-rumah kos murah, mempertingkatkan ekonomi luar bandar,

memberi bantuan kepada sekolah-sekolah dan sebagainya. Ini semua cita-cita kerajaan dan memperbanyakkan pembangunan-pembangunan luar bandar.

Kita memberi 'warning' kepada media massa, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia 'anak jantan' suruh mereka datang ke kawasan Dewan Rakyat, kita tengok, kita kepong dia dan kemudian kita ikat di pagar Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat hari ini Belanjawan kita, kita tidak payah pinjam duit daripada luar negara, kita cukup resources yang ada cukup untuk kita berdiri di atas kaki sendiri. Kalau Amerika Syarikat tarik GSP, tariklah, kita hendak hairan apa. Yang parti pembangkang dua, tiga kali suruh kita merayu, hendak merayu apa? Orang tidak mahu pada kita, tidak mahu sudahlah, kita hairan apa? Rezeki ada dalam negara kita sendiri, mengapa kita hendak pergi berlutut kepada Amerika Syarikat, sebuah negara yang mendiskriminasikan rakyat seluruh dunia, sebuah negara yang tidak bertimbang rasa dengan negara-negara miskin dan negara-negara membangun. Kalau kita boleh berdiri atas kaki sendiri, berdiri atas kaki sendiri, walaupun kaki kita kudung sebelah, bubuh tongkat berjalan juga, jangan kita pergi minta sedekah pada Amerika Syarikat ini, kerana kita tidak mahu satu hari nanti kita akan menjadi 'pecacai' kepada Amerika Syarikat. Kita tidak mahu negara kita ini kembali dikontrol ataupun dijajah oleh Amerika Syarikat. Jadi, perkara ini kita kena bertegas Tuan Yang di-Pertua, janganlah siapa-siapa Ahli Dewan Rakyat hendak bangkit, hendak suruh pergi merayu kepada Amerika Syarikat, mengapa kita hendak merayu? Kita ada maruah.

Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dia sebagai Perdana Menteri, orang menghormati dan menyanjung Malaysia, tetapi kita kena memberi kemudahan kepada mereka. Kita kena memberi kemudahan. Baru-baru ini saya baca dalam surat khabar kapal terbang eksekutif tayar tidak keluar waktu hendak turun. Cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan kalau Tuan Yang di-Pertua duduk dalam kapal terbang waktu itu

‘pecah peluh’ [Ketawa] kena “air pocket” pun pucat, tambah pula jika pilot memberitahu tayar tidak keluar, hendak landing tidak boleh, kita hendak turun ikut tingkap pun tidak lepas, bukan ada parachute, macam mana kita hendak buat?

Kalaulah pembesar negara kita ada di dalamnya dan sesuatu benda yang tidak diinginkan berlaku, tidakkah rugi kita. Baru-baru ini sebuah helikopter hendak pergi ambil Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri meletup di Kedah. Itu sudah warning. Jadi, saya mencadangkan kerajaan belilah satu jet ataupun dua buah jet yang baru untuk Perdana Menteri kita. Tak payahlah naik kapal terbang sewa sana, sewa sini, tumpang kawan itu, tumpang kawan ini. Sebagai Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri kita sebuah negara yang maju naiklah kapal terbang-kapal terbang besar. Kepong dia tak boleh naik kapal terbang, Tuan Yang di-Pertua, sebab dia gayat. [Ketawa] Saya difahamkan dia bila naik hendak pergi ke Pulau Pinang, dia turun balik, dia gayat, dia ikut highway, dia mabuk kalau naik kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh serius perkara ini. Dua tiga orang tokoh korporat negara kita boleh beli jet. Saya ingat adillah kalau kerajaan memberi peruntukan khas untuk kita adakan pesawat baru yang canggih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga pembesar negara kita supaya bila kita turun ke negara-negara tertentu, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok inilah Malaysia. Sebenarnya orang Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan beri segak-segak belaka. Jelutong pun cuba kita tengok segak juga, sungguhpun beruban, tetapi - itu cara Jelutong. [Ketawa]

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita kena tunjuk kepada dunia luar bahawa Malaysia adalah sebuah negara harmoni, Perdana Menteri, kita jaga. Bayanglah, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali terbang - saya sendiri walaupun umur saya muda, saya tak tahan. Umur saya muda lagi, 45 tahun. Itu pun makjun kena juga sebelah pagi dan sebelah malam. [Ketawa] Jadi, saya harap kerajaan akan mempertimbangkan, ini secara serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana hasrat untuk menambahkan makanan kepada rakyat. Makanan di dalam negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, makanan adalah satu perkara yang mustahak. Kalau tidak ada makanan, manusia tidak boleh hidup. Kita tengok negara-negara yang menghadapi peperangan, pergaduhan, rakyat menangis kelaparan. Kadang-kadang sampai beras jatuh dalam pasir pun dikais dan dikutip juga. Bila kena penyakit, kadang-kadang lalat hinggap di muka pun hendak halau lalat pun sudah tak larat, hendak angkat tangan sudah tak larat. Inilah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memberi subsidi yang baik kepada orang-orang yang melibatkan diri dalam bidang pertanian makanan ini. Saya mencadangkan kerajaan, kalau boleh, supaya subsidi padi dipertingkatkan. Saya mencadangkan, tak banyak 10 sen sekilo pun jadilah. Kerana saya balik kampung baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, petani-petani himpun, dan sekarang ini bulan sebelas musim kenduri. Kelmarin saya pergi 10 kenduri, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu suara parau kerana makan daging lebih. Setiap tempat saya pergi, semua petani-petani kata, ‘Yang Berhormat, tolonglah pergi cakap di Dewan Rakyat.’ Pegawai kerajaan ada CUEPACS, tetapi kami apa ‘pek’ pun tak ada. *[Ketawa]* Siapa hendak bela nasib kami? Hendak pergi ke Dewan Rakyat pun kami tak mengerti. Kalau pergi pun mereka kata tak boleh bercakap. Yang boleh bercakap hanya Yang Berhormat. Jadi, saya belas kepada mereka, tak gamak hendak makan nasi. Tetapi mereka semawa dengan hati ayam dan sebagainya, saya makan jugalah. *[Ketawa]* Kita kena belalah. Berilah 10 sen sekilo kepada mereka untuk mereka memperbanyakkan, rajin pergi ke bendang, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak cerita kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, orang kampung mereka makan nasi banyak. Dahulu orang tua-tua bila buat bendang, dia simpan padi untuk dikisar jadi beras, hendak makan. Tetapi sekarang ini kerana subsidi, semua padi mereka jual dan

mereka beli beras. Hari ini saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri check, harga beras naik. Harga beras sudah naik seguni RM135.00. Orang kampung, kalau anaknya lima orang, kalau saya cerita orang tak percaya, tetapi benda kenyataan, enam bulan mereka makan beras dua guni. Orang kampung makan nasi berulamkan lauk, bukan lauk berulamkan nasi. Jadi, dia kena makan banyak fasal hendak buat kerja di bendang. Ada nasi kadang-kadang mereka cecah dengan cabai patah pun tak mengapa. Mereka tangkap ikan sepat dan lain-lain ikan mereka makan tak mengapalah. Tetapi nasi mereka makan banyak.

Jadi, hari ini bila harga beras naik, mereka menghadapi masalah. Harga ikan naik, harga sayur naik. Tak mengapalah di kampung boleh tanam sayur. Tetapi ikan, kalau kena musim tengkujuh mereka tidak boleh pergi ke laut. Jadi, harga naik. Jadi, saya hendak minta kepada kerajaan masukkan, macam sewa rumah untuk kawasan Kuala Lumpur. Ini inflasi, sewa rumah, kena masuk dalam kawalan. Kalau tidak, sewa rumah mereka letak ikut suka harga. Orang makan gaji teruklah. Kemudian harga sayur tak dimasukkan dalam itu. Harga ikan tidak dimasukkan. Jadi, benda-benda makan keperluan, Tuan Yang di-Pertua, kena masuk dalam bidang barang-barang kawalan. Ini saya mencadangkan.

Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada kerajaan tolonglah sedikit pak tani-pak tani kampung. Kalau pun kita naikkan subsidi atau naik harga padi, naik harga beras. Harga padi tak naik, subsidi tak beri, tetapi harga beras naik, jadi macam mana Tuan Yang di-Pertua? Jadi, saya hari ini kasihan, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang orang tua-tua datang 'teriak' pada kita, kita belas juga. Kalau orang-orang muda, budak-budak teriak kita boleh pujuk. Tetapi orang tua-tua teriak kalau dipujuk, Tuan Yang di-Pertua, kita pun lingkup. Jadi, saya cuba merayulah kepada kerajaan supaya mengkaji balik.

Pegawai kerajaan alhamdulillah, tahun ini semua dapat bonus, kemudian dapat kenaikan gaji pula. Kita Ahli Dewan Rakyat tak naik tak mengapa, Tuan Yang di-Pertua, tak mengapa. Kalau naik, alhamdulillah. *[Ketawa]* Kalau tak naik tak mengapa, asalkan rakyat,

pegawai-pegawai kerajaan naik pun kami sudah puas hati. Sungguhpun CUEPACS bela, kami Wakil Rakyat pun bela. Kita jumpa menteri, kita jumpa timbalan menteri kita cakap tolonglah pegawai-pegawai kerajaan, kasihan kepada mereka. Tambah yang duduk di Kuala Lumpur, rumah sewa naik, itu naik, ini naik. Tambah yang ada enjin dua, lagi pening. Jadi, semua pening. *[Ketawa]*

Alhamdulillah, terima kasihlah kepada CUEPACS yang boleh bertolak ansur dengan kerajaan. Inilah konsep yang kita mahu. Kerajaan beri RM2 bilion, pakat-pakat faraitlah beri sama-sama cukup. Jangan bertengkarlah dalam CUEPACS itu. Nanti yang itu kata aku mahu lebih, yang ini kata aku mahu lebih macam ikan keli dalam tong, susah kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu mengenai pendidikan. Yang ini sudah berkali-kali saya hendak bercakap tentang biasiswa kepada anak-anak kita untuk belajar. Kalau kita tidak ambil tindakan segera, ini akan menjadi masalah. Bagi saya, biar kita hantar sedikit penuntut ke luar negara, asalkan mereka dapat hidup dengan selesa untuk belajar. Kita hantar ke luar negara yang baik-baik belaka, yang score distinction. Tetapi bila mereka pergi ke sana, perbelanjaan tak cukup, mereka akan kerja. Bila mereka kerja, prestasi pelajaran mereka menurun, dan bila prestasi menurun, mereka akan balik dengan kelulusan yang agak kurang baik.

Jadi, saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau TNB sudah beri peningkatan untuk kawasan London, diberi sampai 470 pounds. Pra-ijazah, ijazah pertama 407 pounds, ijazah lanjutan 457 pounds. Begitu juga Telekom sudah beri, Petronas pun sudah beri. Cuma yang tak beri ialah JPA sahaja dengan MARA. Bila saya tanya MARA bila hendak beri, dia kata kami tak boleh beri sebab JPA tak beri. Saya pergi tanya JPA, JPA kata tak mengapa kami hendak siasat. Yang pergi belajar, Tuan Yang di-Pertua, bila balik ke mari bernikah dan beranak cucu pun kajian tak buat lagi. Jadi, saya minta JPA kasihan. Saya baru balik, pergi tengok anak-anak kita belajar di luar negara, mereka cuma tak teriak lagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya baru mukaddimah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua minta saya gulung. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, okay, Tuan Yang di-Pertua, beri chance.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Kementerian Luar Bandar. Saya ucap terima kasih banyak kepada kerajaan yang memberi peruntukan RM408 juta untuk jalan luar bandar untuk jalan 2,102 kilometer. Begitu juga air dan sebagainya. Jadi, saya harap dengan peruntukan ini, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Cuma saya minta lagi satu PPRT bantulah. Rumah PPRT, Tuan Yang di-Pertua, RM3,000 tak cukup. Kenalah pertingkatkan sekurang-kurangnya RM5,000 sebuah. Kalau kita hendak beri orang duduk pun, baiklah duduk dengan selesa.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kerajaan kerana membela wanita. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berada di sini sebagai Ahli Dewan Rakyat, kalau tidak kerana doa ibu saya, seorang wanita, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*. Jadi, kaum ibu ini perlu dibela, Tuan Yang di-Pertua. Macam saya kata, tangan yang menghayun doi ataupun buaian itu boleh menggoncang dunia, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap kerajaan bantu seberapa banyak yang boleh kepada persatuan-persatuan wanita yang ingin mempertingkatkan martabat darjat wanita di dalam bidang profesional, di dalam bidang perniagaan ataupun di dalam bidang sosial dan sebagainya kerana mereka ini banyak. Kalau kita, kalau saya sendiri hari ini orang tanya, Yang Berhormat suka jadi wanita ke laki-laki? Saya tobat tak mahu jadi wanita. Teruk Tuan Yang di-Pertua. Mana nak layan suami, nak

layan anak, mana dengan kelaku suami kadang-kadang - macam saya tak apa, baik. Ada setengah tu, Tuan Yang di-Pertua, Teruk! *[Ketawa]*. Dia pasang dua, tiga enjin, balik dok kacau orang rumah lagi. *[Ketawa]*. Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena bagi. Cukup susah, Tuan Yang di-Pertua. Nak jaga, kadang-kadang mak tu tak tidur malam, bapak tu mengerah kalau anak tu demam. Jadi, inilah kelebihan wanita dan Insya-Allah, wanita ini dia akan masuk syurga, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia taat pada suami dan dia banyak bersabar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua nak beritahu saya tu, saya faham. Tapi nanti sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, ini Persatuan Arkitek ni, Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa amat dukacita apabila kita ada Lembaga Arkitek Malaysia yang dikuasai oleh kerajaan tetapi kuasa untuk memberi lesen sebagai seorang arkitek itu diputuskan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia. Yang ini tak adil, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa kita bagi pada persatuan? Ini saya dapati banyak, Tuan Yang di-Pertua, kompelin-kompelin daripada arkitek-arkitek yang balik belajar luar negara ini. Dia tak boleh hendak register, tak boleh hendak dapat lesen kerana pertubuhan ini terlampau ketat dan dimonopoli oleh sekumpulan kumpulan yang tertentu, dan ini merugikan.

Kita hantar dia orang belajar luar negara suruh jadi arkitek, bila balik tak boleh praktis. Dia terpaksa bekerja dengan architect firm yang lain. Jadi, sampai bila mereka ini? Jadi, saya mencadangkan Lembaga Arkitek Malaysia ini memproses untuk memberi lesen atau kebenaran kepada satu-satu architect firm. Bukan lagi Pertubuhan Arkitek Malaysia. Tak layak pertubuhan, kerana mereka ini adalah satu badan pertubuhan biasa sahaja. Kerajaan yang menentukan supaya kita mengurangkan, kita import expertrate daripada luar negara, arkitek-arkitek daripada luar negara untuk design bangunan-bangunan negara kita. Kita sudah cukup arkitek yang terlatih dan baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa dah lebih.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, cuma satu, Tuan Yang di-Pertua, last. Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua selalunya hajat kita sesama Islam Tuan Yang di-Pertua beri kepada saya, Tuan Yang di-Pertua dapat pahala. *[Ketawa]*. Tidaklah, sungguh! Bukan saya melawak ni. Cuma saya lupa ayat tu sahaja. Kalau kita menunaikan hajat sesama Islam, kita dapat pahala, Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua hendak pahala, saya minta sedikit sahaja lagi. *[Ketawa]*.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan syarikat-syarikat yang hendak listed di dalam BSKL, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Suruhanjaya Sekuriti ini memastikan apabila peruntukan kepada bumiputera itu kita jamin yang peruntukan itu tidak beralih tangan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum dapat clearance dari Suruhanjaya Sekuriti ini mereka ikut peraturan dan kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, orang itu tidak berpengalaman langsung di dalam bidang perniagaan, tetapi kerana dia seorang yang ada sedikit pangkat dan sebagainya, diambil dia jadi sebagai Pengerusi dan orang yang bekerja dengan syarikat itu tidak dapat nikmat. Ini saya difahamkan Amway ini hendak di listed, Tuan Yang di-Pertua. Amway ini perniagaan direct selling, cukup banyak pengedar-pengedar dia ni. Kalau dia nak listed pun, Tuan Yang di-Pertua, 30% tu dia kena bagilah kepada pengedar-pengedar yang selalu buat kerja daripada diamond sampai ke diamond itu. Saya pun tak faham. Tetapi mereka datang kompelin kepada saya suruh bercakap. *[Ketawa]*. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini jangan kita beri kepada individu. Ini saya faham dia beri kepada suami isteri, dua orang, 30%. Mana jadi ni, puak-puak ni yang jual sudah berzaman, keluar kampung masuk kampung. Juallah plastik itu, plastik ini Amway, tahu-tahu bila hendak listed, mereka ini tidak dapat nikmat. Yang ini saya kira tidak adil dan saya harap kerajaan pastikan bahawa apabila sesebuah syarikat memohon untuk dilistedkan di BSKL, pastikan peruntukan 30%

bumiputera itu benar-benar kekal di dalam syarikat tersebut dan tidak boleh dijual. Saya mencadangkan saham-saham peruntukan bumiputera itu dicop dengan hakmilik bumiputera samalah kita kata Malay Reserve atas tanah ini supaya benda-benda ini tidak akan berlaku. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan Yang Mulia ini kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap bagi membahaskan Belanjawan 1996 walaupun tempoh masa yang diberikan agak pendek, iaitu selama lebih kurang 20 minit, 30 minit.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh masa lebih kurang 5 tahun saya menjadi ahli Dewan ini saya telah disajikan dengan pembentangan Belanjawan yang agak baik bagi setiap tahun Belanjawan dan saya berpendapat bahawa Belanjawan pada tahun ini merupakan Belanjawan yang baik dan mungkin terbaik bagi meneruskan kesinambungan dari Belanjawan-belanjawan pada tahun-tahun yang terdahulu yang telah turut mengambil kira dalam membuat perhitungan yang lebih teliti bagi memastikan kebajikan semua pihak adalah terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi cemerlang yang dicapai oleh negara yang diperlihatkan oleh pertumbuhan ekonomi yang melebihi angka 8% setahun serta keupayaan kerajaan untuk menguruskan ekonomi dengan cemerlang membuktikan kepada dunia tentang keupayaan kepimpinan kita, jadi saya menyanjung tinggi keperihatinan kerajaan yang telah menguruskan ekonomi negara dengan cara kita dan juga acuan kita walaupun ini seringkali menimbulkan perasaan cemburu di kalangan mereka yang tidak senang hati dengan pencapaian cemerlang negara.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat].

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan, baru-baru ini, peruntukan yang besar telah diperuntukkan di dalam bidang pendidikan dan juga latihan. Saya berpendapat bahawa strategi perlu ditumpukan terutamanya dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai ahli teknokrat untuk menampung permintaan dalam sektor industri yang semakin bertambah. Saya menyambut baik langkah kerajaan untuk menaikkan taraf beberapa agensi latihan yang akan dinaikan bertaraf universiti. Saya juga berpendapat bahawa di samping pelajar kita ditekankan kepada pencapaian sains dan teknologi, kita tidak harus melupakan matlamat untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang dari segi moralnya tatasiasahnya dan mempunyai akhlak yang terpuji. Saya ingin menyarankan supaya pelajar-pelajar kita didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang bercorak motivasi, pembinaan minda dan penekanan kepada keupayaan fizikal. Bagi mencapai matlamat ini saya menyarankan kepada kerajaan untuk mewujudkan pusat-pusat yang bercorak seperti summer camp bagi mendedahkan pelajar-pelajar kepada aktiviti-aktiviti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, agenda perumahan kos rendah dan sederhana tidak akan selesai selagi tidak wujudnya campur tangan dan kawalan yang berkesan oleh pihak kerajaan. Walaupun kerajaan telah mewujudkan perumahan kos rendah dan peruntukan tabung perumahan kos rendah telah bertambah kepada 1 bilion pada Belanjawan ini, saya beranggapan bahawa masalah ketidakcukupan rumah di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah tidak akan selesai selagi rumah-rumah yang dibina tidak dapat dinikmati oleh mereka yang benar-benar layak. Jadi, saya mengharapkan satu mekanisme kawalan perlu diwujudkan bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja berhak untuk mendapat rumah kos rendah tersebut. Suatu bank data perumahan perlu diwujudkan bagi mengenal pasti dan seterusnya memastikan bahawa hanya rakyat yang berpendapatan rendah sahaja yang layak mendapat faedah dari pembinaan rumah kos rendah tersebut.

Saya ingin menyarankan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mewujudkan zon-zon ataupun tapak-tapak untuk pembinaan kos rendah, jadi pemaju-pemaju yang berminat bolehlah memohon untuk mendapatkan kawasan yang terbabit untuk dibangunkan dengan kawasan perumahan kos rendah. Pada masa kini pemaju-pemaju menghadapi masalah untuk mendapatkan tanah membangunkan rumah-rumah kos rendah tersebut.

Dengan kaedah ini diharapkan pemaju-pemaju perumahan akan berminat untuk membina rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membangkitkan masalah yang sering dihadapi oleh pemaju-pemaju terutamanya bumiputera yang mana kebanyakan pemaju ini memajukan tanah-tanah rizab Melayu yang keluasannya agak kecil dan syarat penjualannya kepada orang-orang Melayu sahaja.

Seringkali timbul rungutan mengenai pemaju-pemaju ini mengatakan bahawa mereka mendapat kelewatan daripada pihak kerajaan terutamanya kepada peminjam-peminjam di kalangan kakitangan kerajaan yang memohon untuk menggunakan pembiayaan kerajaan bagi membeli rumah-rumah tersebut. Keadaan ini menyebabkan pemaju-pemaju bumiputera menghadapi kekurangan mudah tunai yang menyebabkan timbulnya kesukaran untuk mereka melaksanakan kerja-kerja yang telah dirancangan.

Keadaan ini juga akan menghilangkan kepercayaan terutamanya dari institusi-institusi kewangan serta pihak pembekal yang menyebabkan kesukaran kepada pemaju-pemaju yang terbabit untuk membuat pinjaman. Saya amat berharap kepada kerajaan supaya dapat mengkaji semula prosedur bagi mempercepatkan pembayaran dan meluluskan permohonan-permohonan pinjaman terutamanya kepada kakitangan kerajaan dan diberikan kepada pihak pemaju perumahan bagi memastikan pelaksanaan projek mereka tidak tergendala dan dapat membantu terutamanya pemaju bumiputera untuk mereka terus berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan untuk mengurangkan spekulasi tanah iaitu spekulasi harta tanah dengan menggunakan levi sebanyak RM100,000 ke atas pembelian rumah-rumah yang bernilai lebih daripada RM250,000 merupakan satu langkah yang bijak bagi menangani masalah kenaikan harga-harga rumah yang kian melambung. Namun begitu, saya beranggapan bahawa terdapat pelbagai implikasi yang mungkin akan timbul sekiranya tindakan ini dilaksanakan.

Dalam pasaran harta tanah kita perlu membezakan di antara speculator ataupun perspekulasi dan juga 'genuine investor' ataupun yang kita katakan pelabur tulen. Spekulator lebih berminat untuk membuat pelaburan dalam jangka pendek dan mereka lebih berminat untuk mengira keuntungan. Sememangnya kehadiran golongan inilah yang sering memporak-perandakan pertumbuhan di mana-mana negara. Manakala golongan pelabur tulen ataupun 'genuine investor' datang ke Malaysia dengan matlamat untuk melabur bagi kepentingan jangka panjang dan seterusnya melibatkan diri di dalam membangunkan ekonomi dan seterusnya mencipta peluang pekerjaan bagi kepentingan mereka serta melimpahkan keberuntungan tersebut untuk sama-sama dikecapi oleh penduduk tempatan.

Bagi memastikan golongan pelabur tulen ini tidak mendapat isyarat yang salah mengenai hasrat murni kerajaan, saya suka mencadangkan agar dapat dicari satu kaedah terbaik bagi membezakan di antara golongan pelabur tulen serta golongan perspekulasi. Sekiranya, kerajaan terus bertindak dengan mengenakan levi tanpa membezakan antara golongan pelabur tulen dan perspekulasi, adalah dikhuatiri pelabur-pelabur tulen yang benar-benar berminat untuk melabur di sini akan mengalihkan pelaburan ke negara lain.

Pengenaan levi sebanyak RM100,000 ini mungkin akan menghalang perspekulasi asing membeli harta tanah di sini tetapi dalam pada masa yang sama, ini juga akan menjejaskan kemasukan pelabur-pelabur tulen yang akan membuat pelaburan industri di negara ini. Bagi mengatasi masalah ini, saya suka mencadangkan supaya dikenakan cukai

keuntungan harta tanah yang lebih tinggi ke atas pelabur asing sama ada 40% ataupun 50% tetapi bukannya lump sum levi yang mungkin menjejaskan kemasukan pelaburan industri ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk mengenakan levi 100% kepada pekerja asing dengan tujuan untuk mengurangkan kebanjiran pekerja asing adalah satu langkah yang baik, tetapi kita harus mengambil kira yang mana berkemungkinan akan mendorong kepada peningkatan kos pengeluaran dan seterusnya mengurangkan daya saing barangan keluaran negara kita. Di sini saya suka menyarankan agar tindakan yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan perlu dilakukan dengan lebih berhati-hati bagi memastikan ianya tidak akan menjejaskan daya saing barangan keluaran negara kita di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih ke atas keprihatinan kerajaan, atas peruntukan yang besar yang disalurkan untuk membangunkan kawasan luar bandar, namun saya berpendapat peruntukan yang sebegitu besar iaitu sebanyak lebih kurang RM6.11 bilion tidak akan bermakna sekiranya pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak dapat dinikmati terus oleh golongan sasaran. Janganlah jalan-jalan yang dibina hanya untuk semusim sahaja ataupun kemudahan bekalan air hanya untuk sementara sahaja ataupun program pembangunan di kawasan luar bandar itu dilakukan dengan tidak bersungguh-sungguh.

Di samping itu, program-program pembangunan luar bandar janganlah diibaratkan seperti melepaskan batuk di tangga ataupun diibaratkan sebagai memakai kain ke atas tertutup dan di bawah terbuka. Saya juga menyambut baik langkah kerajaan untuk melaksanakan dan meneruskan Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Pendekatan perlu dicari agar golongan termiskin ini tidak akan terus bergantung harap kepada bantuan kerajaan semata-mata, tetapi mereka perlulah didedahkan kepada peluang ekonomi yang wujud di sekitar.

Di sini saya merasakan peranan agensi bukan kerajaan perlu digalakkan dan digembleng dan diselaraskan dengan agensi kerajaan bagi memastikan bahawa masalah kemiskinan di kawasan luar bandar dapat dikurangkan dan mungkin dapat dihapuskan pada satu ketika nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik langkah kerajaan untuk memastikan agar taraf kesihatan di kalangan masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan. Kemudahan untuk rakyat termiskin untuk mendapatkan khidmat perubatan perlu menjadi priority berbanding dengan golongan yang lebih berada. Kemudahan klinik kesihatan serta penubuhan hospital di kawasan luar bandar perlu diberikan perhatian utama oleh kerajaan bagi memastikan masyarakat luar bandar turut mendapat kemudahan kesihatan yang setanding dengan masyarakat di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik langkah kerajaan untuk menggalakkan aktiviti pengeluaran makanan dengan melonggarkan syarat-syarat pembiayaan pemberian makanan. Langkah ini diharapkan dapat mendorong kepada penglibatan yang lebih aktif di kalangan petani-petani dengan mengusahakan secara lebih insentif. Galakan dalam bidang ini harus disokong dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang lebih berkesan di dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tingkat harga upah yang lebih tinggi adalah di antara punca yang mendorong kepada berlakunya inflasi. Keadaan ini akan lebih dirasai terutamanya kepada kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah. Keadaan akan lebih meruncing sekiranya mereka tinggal di kawasan-kawasan bandar yang mana kadar sewa rumah yang tinggi akan lebih membebani penderitaan mereka, untuk itu saya suka mencadangkan agar lebih banyak skim perumahan kepada kakitangan kerajaan dibina bagi memastikan mereka tidak dibebani dengan tanggungan yang berat. Di samping itu kerajaan juga perlu mengawal agar gaji pekerja swasta dapat dikawal bagi tidak mewujudkan satu jurang perbezaan pendapatan yang terlalu besar dan yang seterusnya akan menambahkan penderitaan kepada pekerja di sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan tingkat upah yang tinggi serta pertambahan pendapatan di kalangan rakyat Malaysia telah mendorong kepada wujudnya kemampuan kuasa membeli yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia. Walaupun keadaan ini boleh dijadikan suatu pengukur yang berupaya menilai kepada kemakmuran ekonomi negara, namun fenomena ini perlu dibendung bagi mengelakkan berlakunya tekanan inflasi.

Saya menyambut baik langkah kerajaan melancarkan Kempen Inflasi Sifar. Namun begitu, saya berpendapat bahawa kempen ini mungkin hanya tinggal kempen sahaja sekiranya tidak wujudnya sifat 'hele-bele' sahaja di kalangan rakyat serta tidak wujudnya satu mekanisme penguatkuasaan undang-undang yang berkesan bagi mengatasi masalah ini. Bagi mengatasi masalah ini, suka saya mencadangkan agar kerajaan bertindak dengan melaksanakan dasar kewangan yang lebih ketat bagi mengelakkan aliran mudah tunai yang berterusan di pasaran.

Tabiat menabung di kalangan rakyat Malaysia perlu dikembangkan dengan menubuhkan lebih banyak instrumen dan produk kewangan yang lebih menarik yang dapat menarik minat orang ramai untuk menabung.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan yang dicapai oleh negara dalam pelaksanaan sistem perbankan Islam telah membuktikan kesungguhan kerajaan dan komitmen untuk mengaplikasikan sistem ekonomi Islam yang ternyata lebih banyak mendatangkan kebaikan berbanding dengan sistem konvensional yang sedia ada. Peningkatan jumlah produk kewangan yang pelbagai kegunaan serta pertambahan jumlah pelanggan yang terbabit membuktikan bahawa tiada suatu yang mustahil untuk kita melaksanakan mengikut prinsip Islam.

Di sini saya suka mencadangkan agar lebih banyak institusi kewangan yang menggunakan prinsip Islam meliputi sistem perbankan, sistem pajak gadai, sistem jual-beli,

sistem pembiayaan saham dan pelbagai sistem yang sememangnya boleh menggunakan prinsip Islam untuk diperkembangkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan yang lepas, saya pernah menyuarakan pandangan bahawa sistem pungutan zakat dan pengagihan pungutan zakat perlu diperkembangkan. Ini berikutan masih kurangnya kesedaran dan kefahaman di kalangan umat Islam mengenai kewajipan membayar zakat. Institusi zakat sebenarnya boleh dijadikan satu instrument kewangan yang bukan sahaja boleh mendatangkan kemakmuran kepada pemberi zakat, penerima zakat, malah kepada kemajuan ekonomi negara.

Di sini saya suka mencadangkan sekiranya belum dibuat atau masih dalam kajian, pihak berkuasa agama kerajaan-kerajaan negeri agar perlu diselaraskan sistem pungutan zakat seperti yang dilaksanakan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Di sini pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh bertindak untuk memungut zakat bagi pihak berkuasa ataupun pihak Jabatan Agama Negeri serta saya juga ingin mencadangkan agar dikenakan denda kepada umat Islam yang enggan membayar zakat. Jadi, saya harapkan supaya pihak Kementerian Kewangan boleh mengambil cadangan saya ini untuk diperkembangkan di semua negeri di tanah air kita.

Saya mengucapkan terima kasih. Itu sahaja dan saya menyokong Belanjawan kali ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kapar.

6.44 ptg.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah serta penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan terhadap pembentangan Belanjawan Persekutuan 1996 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1996 yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini adalah merupakan suatu Belanjawan yang menyeluruh yang bertujuan untuk membendung kadar inflasi dan di samping untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Rakyat di seluruh negara telah menyatakan perasaan gembira serta penghargaan mereka terhadap Belanjawan yang mana mereka namakan 'Belanjawan Rakyat'.

Saya ingin Belanjawan 1996 akan memperolehi satu pencapaian yang tinggi terhadap empat matlamat seperti yang telah diatur oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan iaitu mengekalkan pertumbuhan mampan dengan inflasi terendah, memperkukuh keupayaan serta perkhidmatan, mempertingkatkan pembangunan sumber daya manusia dan keupayaan teknologi dan meneruskan agenda pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan membelanjakan sebanyak RM55.467 bilion pada tahun hadapan di mana sebanyak RM41.266 bilion telah diperuntukkan bagi tujuan belanja mengurus sementara sebanyak RM14.201 bilion akan dibelanjakan untuk pembangunan. Ini menunjukkan yang kerajaan ingin memastikan tahap pembangunan yang ada akan berterusan sambil memberi tumpuan kepada usaha memelihara serta meningkatkan kebajikan rakyat.

Langkah penurunan cukai pendapatan dari 32% kepada 30% adalah satu langkah yang sangat dialu-alu oleh segenap lapisan masyarakat. Di samping itu, kumpulan berpendapatan rendah telah tidak dikenakan cukai pendapatan. Langkah ini sudah pasti akan mengurangkan beban rakyat serta akan menggalakkan mereka untuk bekerja dengan lebih tekun dan gigih. Pelepasan cukai termasuk cukai pendapatan untuk anak-anak cacat serta pelepasan cukai untuk pembelian bantuan alat-alatan untuk anak-anak cacat menunjukkan yang kerajaan mengambil berat akan masalah-masalah yang dihadapi oleh keluarga yang terpaksa menanggung kos yang tinggi dalam mengurus perbelanjaan anak-anak mereka yang cacat.

Di samping itu, peruntukan sebanyak RM190 juta telah diperuntukkan untuk membiayai program-program yang membantu golongan cacat, warga tua dan mereka yang tidak bernasib baik membuktikan keprihatinan kerajaan kepada semua pihak.

Langkah kerajaan menghapuskan duti import cukai jalan ke atas bahan-bahan mentah atau alat-alat kelengkapan adalah suatu langkah yang baik di mana langkah ini dapat mengurangkan kos untuk menjalankan perniagaan. Walaupun tindakan ini dikenakan ke atas 800 jenis barangan, namun secara keseluruhannya, langkah ini dapat memberi nafas baru kepada syarikat-syarikat perniagaan bagi memajukan lagi perniagaan mereka dengan mengurangkan kadar kos perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sepenuhnya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bahawa kerajaan berupaya meneruskan ke jalan Belanjawan berhemat dan adil kerana kita didorongi prinsip berhemat, cermat dan jimat. Perbelanjaan akibat positif dari disiplin fizikal ialah akuan Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebih dan meningkatkan pertumbuhan sektor awam kepada 38% daripada tabungan negara.

Oleh itu, kita tidak harus mengambil sikap sambil lewa terhadap keadaan ekonomi, kemakmuran dan keamanan. Kita haruslah sentiasa bersiap-sedia untuk menghadapi the worst in the rainy days, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah membentuk Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Negara maju yang saya maksudkan bukan semata-mata sebuah negara industri yang pendapatan per kapitanya adalah sekian sekian banyak, tetapi apa yang saya maksudkan dengan negara maju ialah negara berupaya menggunakan tenaga sendiri, penguasaan ilmu, mempunyai kecekapan, norma-norma dan nilai yang baik dan moral yang tinggi yang akan membolehkan kita bersaing dengan negara maju yang lain dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan dalam kadar caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 10% kepada 11% juga merupakan langkah yang amat berkesan untuk menjamin kesejahteraan pekerja di masa hadapan. Langkah ini akan memberi manfaat kepada semua pekerja di mana majikan kini perlu memberikan perhatian yang serius terhadap kepentingan pekerja, khususnya dalam menyumbang kepada KWSP.

Di samping itu, untuk meningkatkan sumber daya manusia, sejumlah RM11.782 bilion telah diperuntukkan untuk pendidikan dan latihan. Ini termasuklah penghapusan cukai jualan ke atas komputer serta komponennya. Langkah ini sudah pasti akan menggalakkan penggunaan komputer di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman bonus sebulan gaji atau kadar minimum RM600 bagi kumpulan gaji terendah untuk kakitangan awam menunjukkan yang kerajaan sangat-sangat menghargai sumbangan golongan ini kepada pembangunan negara. Ini menunjukkan yang kerajaan bersikap positif terhadap tuntutan Cuepacs dan tidak mensia-siakan harapan serta dedikasi yang ditunjukkan oleh kakitangan awam terhadap pembangunan negara.

Kepentingan masyarakat juga terpelihara dalam Belanjawan kali ini yang memberi penekanan kepada sektor perumahan. Ini terbukti dengan tambahan RM1 bilion yang diperuntukkan kepada tabung perumahan kos rendah. Ini menunjukkan yang kerajaan ingin memastikan bahawa semua rakyat mempunyai rumah sebagai tempat perlindungan.

Membanteras inflasi ke tahap yang terendah memang merupakan matlamat utama Belanjawan pada kali ini. Dalam tempoh 9 bulan pertama tahun ini, kadar inflasi berada pada paras 3.4% berbanding dengan 3.7% sebelumnya. Ini menunjukkan yang kerajaan berhasrat untuk menyedarkan pengguna akan bahaya inflasi yang akan berterusan jika langkah penghapusan tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa yang terhad kepada saya untuk bercakap dengan panjang-lebar, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan

kementerian yang berkenaan. Pertama sekali, saya akan menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Saya menyokong penuh kenyataan dan cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim supaya dihapuskan duti import dan cukai jualan bagi semua peralatan asas perubatan.

Peruntukan sebanyak RM593.6 juta yang disediakan untuk kesihatan awam termasuk melengkapkan peralatan pusat kesihatan, klinik desa dan klinik bidan juga adalah satu langkah yang memperlihatkan kerajaan benar-benar prihatin kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Pembinaan tambahan sebanyak 47 buah pejabat kesihatan dan pusat kesihatan serta 37 klinik desa dan klinik bidan yang baru diharapkan dapat menyalurkan kemudahan kepada seluruh rakyat jelata.

Saya ingin menarik perhatian bahawa bukan sahaja klinik di desa-desa perlu diberikan perhatian, malah di estet-estet juga, keperluan asas dalam bidang kesihatan ini perlu diberikan. Kedudukan estet-estet di kawasan pedalaman tanpa kemudahan kesihatan yang mencukupi dikhuatiri akan memberi kemudaratan. Jika berlakunya sesuatu kecemasan, mereka juga perlu mendapat kemudahan perubatan yang setanding dengan kawasan-kawasan lain.

Seperkara lagi ialah untuk melihat perkembangan yang baik dalam bidang perubatan dan kesihatan. Kita memerlukan sejumlah pengamal perubatan yang benar-benar cukup untuk memikul tanggungjawab bagi memastikan kesihatan rakyat terjamin. Oleh itu, cadangan untuk menubuhkan kolej perubatan di Sarawak adalah satu langkah yang bijak dan diharapkan kita akan dapat melahirkan lebih ramai lagi bilangan pengamal perubatan ataupun doktor.

Apa yang ingin disarankan di sini ialah untuk menarik minat pengamal perubatan atau doktor terus berkhidmat dengan kerajaan. Mereka pun perlu diberikan beberapa insentif yang sesuai dengan pekerjaan mereka yang kadangkala mengorbankan masa lapang. Tidak

dinafikan bahawa bayaran gaji yang rendah juga merupakan antara sebab mengapa para doktor tidak lama berkhidmat dengan kerajaan. Walaupun isu ini mungkin telah lama dibangkitkan, tetapi ianya perlu dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai masyarakat di estet-estet juga, langkah menyediakan tambahan bekalan elektrik kepada kira-kira 70 buah estet adalah satu usaha yang disambut baik. Namun, diharapkan bidang pendidikan tidak pula dipinggirkan. Diharapkan Kementerian Pendidikan dapat memberikan perhatian yang lebih kepada sekolah-sekolah di dalam kawasan estet dari segi membekalkan infrastruktur yang lengkap untuk kemudahan pembelajaran anak-anak mereka. Bilangan guru yang benar-benar mencukupi, kemudahan sukan, alat bantuan mengajar seperti komputer dan lain-lainnya perlu diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk menyediakan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di setiap Jabatan Kerajaan juga amat dialu-alukan. Setidak-tidaknya, sedikit-sebanyak ianya dapat mengurangkan gejala penderaan kanak-kanak oleh penjaga atau pembantu rumah. Bukannya maksud saya menuduh semua pembantu rumah mendera anak, tetapi dalam skop yang lebih luas lagi, ibu bapa akan sentiasa berdekatan dengan anak-anak mereka di tempat kerja masing-masing. Kita harapkan agar konsep masyarakat penyayang akan terus segar dan ianya bermula dalam sesebuah keluarga itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai pemeliharaan alam sekitar yang akan terus menjadi agenda penting dalam pembangunan negara seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan disediakan peruntukan sebanyak RM47.7 juta. Sebagai Wakil Rakyat kawasan Kapar, saya amat sedih melihat keindahan Pulau Ketam yang terletak dalam kawasan Kapar tercemar kerana dari sebuah pulau yang indah, bertukar menjadi tempat pembuangan sampah yang memberikan kesan pencemaran bau.

Oleh itu, apa yang diharapkan iaitu sesuatu langkah perlu diadakan untuk melihat kembali pulau ini berseri dan menjadi tumpuan pencinta alam.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya Belanjawan 1996 ini bertujuan untuk menguruskan ekonomi negara agar lebih cekap bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi di samping usaha kerajaan untuk merealisasikan janji-janji yang telah dibuat oleh kerajaan sewaktu Pilihan Raya Umum yang lalu. Kita sama-sama berdoa agar kita berhasil mencapai matlamat Belanjawan 1996 ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang bermaruah dan negara yang maju menjelang Wawasan 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kluang.

7.02 mlm.

Tuan Ho Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Saya ingin juga mengucapkan tahniah, syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan Persekutuan 1996 pada 27hb. Oktober yang lalu. Belanjawan ini merupakan Belanjawan rakyat dan dianggap sebagai bersifat penyayang kerana ia memberi banyak keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Penurunan kadar maksimum cukai pendapatan dari 32% kepada 30% dan bagi sebahagian besar dari golongan yang berpendapatan sederhana tidak dikenakan cukai pendapatan, amatlah dialu-alukan. Ini membayangkan betapa prihatin Kerajaan Barisan Nasional terhadap kepentingan rakyat dan juga negara kita. Setiausaha Kedua Pesuruhjaya Tinggi Australia, Mr. Darry Bedford menyifatkan Belanjawan Persekutuan 1996 yang dibentangkan baru-baru ini sebagai antara yang terbaik di dunia. Belanjawan yang menekankan aspek jangka panjang itu adalah antara yang paling mantap pernah dibentangkan

terutama dalam mengawal kadar inflasi di negara kita ini. Menurutnya, ekonomi Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri akan lebih berdaya saing menjelang abad yang ke-21 ini.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita bukan sahaja berada dalam keadaan stabil malah pada kedudukan mantap dan akan terus menyerlah dan merangsang. Kejayaan ini telah didorong oleh beberapa faktor. Antaranya ialah dasar kerajaan yang bijaksana dan pengurusan yang cekap dan berkesan termasuk langkah-langkah tegas mengawal inflasi, kerajinan dan daya pengeluaran yang tinggi di kalangan pekerja dan penyertaan yang giat oleh sektor swasta dalam pembangunan negara.

Kerajaan Barisan Nasional akan terus memikul amanah dan tanggungjawab untuk memperkukuhkan lagi ekonomi negara dan menyediakan lebih banyak kemudahan kepada rakyat berdasarkan empat strategi Belanjawan 1996 yang dirangkakan seperti:-

- (i) mengekalkan pertumbuhan mampan dengan inflasi rendah;
- (ii) memperkukuhkan keupayaan sektor perkhidmatan;
- (iii) mempertingkatkan lagi pembangunan sumber daya manusia dan keupayaan teknologi; dan
- (iv) meneruskan agenda pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi yang berjaya dan digariskan oleh kerajaan demi pembangunan ekonomi ialah konsep persyarikatan Malaysia ataupun korporatisasi fungsi-fungsi kerajaan dan pelaksanaan dasar penswastaaan. Pelaksanaan dasar korporatisasi adalah langkah ke arah konsep pengurusan yang berorientasikan pelanggan serta berteraskan perkhidmatan yang cekap dan responsif. Maka saya berharap semua perbadanan kerajaan yang telah diswastakan benar-benar menyalurkan perkhidmatan yang memberi kepuasan hati kepada pelanggan.

Penswastaan telah diterima secara meluas dan diiktiraf sebagai dasar utama kerajaan. Penswastaan telah menyediakan peluang-peluang bagi sektor swasta memberikan sumbangan positif kepada negara. Justeru itu beberapa aktiviti seperti perkhidmatan kesihatan, pelupusan lebihan toksid, pengangkutan awam dan beberapa perkhidmatan akan turut diswastakan. Maka kita sangat berharap segala projek penswastaan akan memberi manfaat kepada rakyat dan juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perindustrian merupakan sumbangan penting bagi pertumbuhan ekonomi negara, lebih-lebih lagi kerajaan kita berusaha sedaya upaya untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara perindustrian. Maka, pertamanya kita harus terus menarik pelabur asing datang melabur di negara kita; dan yang kedua, kita harus juga memastikan pelabur-pelabur tempatan dalam sektor perindustrian dapat berkembang dengan lebih berjaya dan berdaya saing dengan negara-negara yang lain.

Untuk mencapai matlamat menarik lebih banyak pelaburan asing, dasar-dasar kita mengenai pelaburan asing serta strategi-strategi menarik pelabur asing harus dikaji dan dinilai semula. Walaupun kemasukan modal asing jangka panjang dijangka meningkat kepada RM20 bilion berbanding dengan RM16 bilion tahun lepas, tetapi kita harus berhati-hati kerana negara-negara lain seperti negeri China, Vietnam, Kemboja membuka pintu mereka seluas-luasnya kepada pelabur asing atas dasar ekonomi bebas. Maka pada hemat saya, perkara-perkara yang berikut harus juga diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Iaitu pertama, selain daripada kerap mengadakan promosi ataupun misi menggalakkan pelaburan dengan lebih gigih dan agresif, satu unit khas untuk pelaburan asing perlu ditubuhkan supaya unit ini sentiasa mengadakan dialog dan perbincangan dengan pelabur-pelabur yang sedia ada untuk mengetahui dan mengatasi masalah yang mungkin mereka hadapi. Dan unit ini juga boleh menjalankan tugas untuk merangka strategi pada setiap masa.

Yang kedua, satu agen promosi untuk pelaburan asing harus dipertimbangkan untuk dilantik daripada kalangan yang berwibawa bagi membantu menarik lebih ramai pelabur asing ke negara kita.

Yang ketiga, cuba mengatasi ataupun sekurang-kurangnya mengurangkan masalah kareh birokrasi ataupun red-tape, dengan izin.

Yang keempat, ke arah industri berintensif modal dan yang kelima aspek pendidikan dan penekanan kepada sains dan teknologi dan vokasional amatlah penting kerana kita harus menyediakan sumber tenaga pekerja yang bukan sahaja cukup tetapi terlatih untuk memenuhi keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita juga harus menggariskan beberapa strategi untuk membantu perindustrian tempatan. Iaitu pertamanya, kita perlu membentuk satu pelan tindakan bagi tempoh tertentu sebagai langkah melatih tenaga kerja yang berkemahiran dalam berbagai bidang khususnya dalam sektor perindustrian. Ini memudahkan kerajaan menjalankan latihan kemahiran dalam tempoh yang tertentu mengikut keperluan yang dijangkakan. Institusi pendidikan dan pertubuhan-pertubuhan awam yang mempunyai kemudahan tempat untuk latihan harus juga bekerjasama dengan memaklumkan kepada pihak kerajaan tempoh institusi itu tidak digunakan dan ia membolehkan kursus latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana dijalankan oleh pihak swasta ataupun pengusaha kilang yang memerlukan dengan kos yang tidak tinggi.

Yang kedua, mobilisasi sumber manusia iaitu untuk menggalakkan pekerja kita meningkatkan daya pengeluaran bagi mengatasi cabaran abad yang ke-21. Satu strategi yang lebih produktif dan dinamik ialah kita perlu disediakan dengan tumpuan terhadap mobilisasi sumber manusia ataupun HRD yang berkesan, nilai, sikap dan sudut pandangan baru supaya pekerja-pekerja baru ini boleh menjadi jentera pembangunan ekonomi dan perindustrian negara.

Ketiga, penekanan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D). Eksport perindustrian Malaysia pada hari ini harus berupaya saing dengan barangan buatan negara-negara lain di dunia. Oleh itu langkah pertama ke arah pasaran antarabangsa ialah penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan. Pengusaha-pengusaha harus digalakkan menggunakan kemudahan dan kelengkapan R&D, institusi kerajaan ataupun menjalankan

usaha sama dengan institusi kerajaan, para-para saintis institusi kerajaan dibenarkan menjalankan penyelidikan bagi pihak swasta ataupun syarikat supaya hasil yang diperolehi memenuhi kehendak syarikat berkenaan.

Sebagai contoh, institusi kerajaan boleh menjalankan penyelidikan dalam bidang reka bentuk barangan, jentera dan alat-alat. Selain daripada teknik pengeluaran, R&D dapat meningkatkan lagi kecekapan pengeluaran dan peningkatan kualiti dalam pentadbiran kawalan serta peralatan. Saya yakin R&D akan dapat meningkatkan lagi mutu barang-barang buatan Malaysia untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu industri kecil dan sederhana (IKS) memainkan peranan yang penting untuk membantu perkembangan perindustrian di negara kita. Bagi mengurangkan import dan menggalakkan industri komponen tempatan, rangkaian antara industri kecil dan sederhana dengan syarikat-syarikat multi-nasional akan dipergiatkan. Peruntukan sebanyak RM1.4 juta telah disediakan untuk industri kecil dan sederhana di bawah pembangunan perindustrian. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan nasihat, bimbingan dan latihan kepada usahawan IKS. Selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri di seluruh negara sebanyak 10 tapak perindustrian IKS berharga RM50 juta sedang dalam pelaksanaan. Kemudahan pinjaman mudah akan dapat dinikmati oleh usahawan IKS melalui Tabung Pelaburan Domestik yang baru dilancarkan dengan peruntukan dana sebanyak RM1 bilion bermula pada tahun 1996.

Selain daripada itu, untuk membuat persediaan untuk menghadap penarikan taraf GSP oleh Amerika Syarikat, kerajaan telah pun melaksanakan beberapa strategi dan langkah-langkah untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan pengeluaran barang IKS. Saya sangat berharap pihak kerajaan boleh membanyakkan lagi kemudahan dan kelengkapan penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D dan sikap (attitude) pengusaha sendiri harus juga

berkeyakinan untuk menerima segala perubahan dan cabaran supaya dapat meningkatkan lagi persaingan dan pemasaran dalam pemasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih tajuk kepada Kementerian Belia dan Sukan. Adalah menjadi hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi penekanan kepada perubahan sikap bagi membentuk generasi belia yang dilengkapi dengan berbagai kemahiran yang dinamik, berdaya maju dan mempunyai daya kepimpinan yang baik. Di samping itu meramaikan bilangan rakyat yang mengamalkan cara hidup yang aktif dan sihat ke arah peningkatan kualiti hidup melalui strategi sukan kepada semua dan pergerakan Malaysia cergas, maka peruntukan sebanyak RM24,983,500 telah disediakan untuk pembangunan belia dan sukan. Bagi tujuan mengadakan program latihan untuk para etlit dan ahli sukan sebagai persediaan untuk Sukan Komanwel 1998, sejumlah RM300 juta diperuntukkan. Ini termasuk sumbangan kerajaan dan pihak swasta. Ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat khasnya kaum belia untuk mengamalkan cara hidup yang sihat melalui penyertaan dalam aktiviti sukan dan melatih lebih ramai lagi etlit yang berpotensi.

Saya berpendapat selain daripada usaha yang gigih oleh Kementerian Belia dan Sukan, pertubuhan bukan kerajaan, organisasi masyarakat juga harus membantu mempertingkatkan lagi penglibatan orang ramai dalam aktiviti kesukanan. Saya juga menyokong pihak kerajaan yang akan memperkenalkan lagi satu akta sukan untuk menjamin mutu sukan supaya dapat ditingkatkan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, generasi muda dianggap sebagai khazanah ataupun aset penting negara baik dari segi tenaga manusia mahupun dalam menjayakan wawasan negara. Kerajaan memang berusaha sedaya-upaya untuk melahirkan generasi baru kita yang berkualiti supaya mereka benar-benar menjadi tunjang juga penggerak pembangunan masyarakat dan negara berasaskan ilmu, etika, azam, iltizam dan cita-cita tinggi.

Untuk mencapai matlamat ini, peruntukan sebanyak RM11,557,500 telah disediakan untuk pembangunan belia. Kementerian Belia dan Sukan berharap dengan adanya kerjasama pertubuhan-pertubuhan yang bukan kerajaan khususnya para belia akan dapat membantu untuk mengisikan masa lapang generasi muda dengan aktiviti-aktiviti yang sihat dan bermanfaat sementara memupuk nilai murni kepada mereka. Yang lebih khusus ialah kementerian telah merangka banyak program digabungkan di bawah satu konsep Wawasan Rakan Muda. Antaranya seperti Gerakan Briged Rakan Muda, Program Gaya Hidup Rakan Muda, Program Rakan Sukan, Bakat Seni Budaya dan sebagainya. Rancangan-rancangan yang lain yang disediakan oleh pihak kementerian seperti pembinaan bengkel-bengkel teknologi desa sebagai pusat latihan kepada belia-belie dalam bidang teknologi tempatan, penghantaran belia-belie untuk menjalani latihan vokasional di Institut-institut Kemahiran Belia Negara dan mengendali kursus-kursus kepimpinan kepada ketua-ketua pertubuhan belia dan sebagainya.

Segala program tersebut di atas adalah usaha kerajaan untuk membantu generasi muda mengenali budaya warisan budaya Malaysia dan tidak terpengaruh dengan budaya negatif Barat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya aktiviti-aktiviti yang harus digalakkan dan diperbanyakkan di kalangan belia ialah penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan sosial yang terdiri daripada berbilang kaum kerana negara kita adalah sebuah negara majmuk di mana berasaskan semangat perpaduan yang sedia terjalin di kalangan rakyat sudah tetap menjadi kunci utama untuk mencapai matlamat kita bersama.

Pengukuhan integrasi belia dari berbilang kaum adalah asas penting demi perpaduan rakyat negara ini, maka saya berharap Kementerian Belia dan Sukan dapat merancang lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang melibatkan semua kaum untuk memelihara, meningkatkan

dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dasar-dasar pembangunan negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada ekonomi negara kita, pada keseluruhannya kita memang berasa amat bangga atas kejayaan yang dicapai dari segi ekonomi. Kadar pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar meningkat kepada 9.6% pada tahun ini berbanding dengan 9.2% pada tahun 1994. Pendapatan per kapita rakyat meningkat daripada RM6,216 kepada RM10,068. Kadar inflasi menurun kepada 3.4% pada tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding dengan 3.7% dalam tempoh yang sama pada tahun yang lepas.

Kadar kemiskinan golongan termiskin pun berkurangan juga daripada 4% kepada 2.2%.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung ucapan.

Dato' Joseph Chong Chek Ah: Walaupun kita hendak menerokai sepenuhnya segala kelebihan yang ada, setiap kemajuan yang dicapai bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Pada hemat saya kita perlu juga mengatur dan menggariskan strategi untuk mengekalkan keutuhan ekonomi negara dan mungkin antaranya ialah:

Yang pertama, memantapkan daya ketahanan ekonomi negara melalui pertumbuhan yang seimbang di antara semua sektor, di samping memupuk nilai-nilai hidup budaya timur bagi membina bangsa yang dapat mengekalkan identitinya dalam mengharungi arus modenisasi dan Barat.

Yang kedua, mengagihkan faedah dari pertumbuhan ekonomi negara dengan menambahkan peruntukan pembangunan dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan asas kepada rakyat terutamanya rakyat miskin dan penduduk luar bandar.

Yang ketiga, membinakan masyarakat penyayang dengan memberi tumpuan kepada kegiatan-kegiatan yang boleh menambahkan hasil pendapatan dan pengeluaran di kalangan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik.

Yang keempat, membangunkan sumber tenaga manusia melalui program-program latihan bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja;

Yang akhir, membina budaya kerja cemerlang dan membentuk minda korporat di kalangan pelaksana dasar bagi memberi kepuasan, perkhidmatan kepada rakyat serta menjayakan pelaksanaan dasar penswastaaan dan pengkorporatasian fungsi-fungsi kerajaan yang berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya kerjasama dan sokongan padu daripada rakyat kepada negara kita, negara kita akan terus maju jaya dan rakyat akan menikmati segala faedah daripada pembangunan negara.

Itu sahajalah ucapan saya yang dapat saya sampaikan pada petang ini, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pengkalan Chepa.

7.24 mlm.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 1996 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 27hb. Oktober yang lepas.

Belanjawan 1996 ini memaparkan beberapa petunjuk ekonomi yang memberangsangkan. Pertumbuhan ekonomi melonjak kepada 9.6%, pendapatan per kapita rakyat meningkat kepada RM10,068 dan kadar inflasi menurun kepada 3.4% bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini.

Pujian patut diberikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah dapat mengurus ekonomi dan kewangan negara dengan agak baik. Namun begitu, soalan pokok yang perlu dijawab ialah adakah angka-angka yang dipaparkan ini mencerminkan hakikat ataupun realiti sebenar dalam masyarakat kita? Apakah kemajuan ekonomi negara membawa manfaat kepada segenap lapisan masyarakat, berapa ramaikah rakyat Malaysia memperolehi pendapatan mencecah RM10,000 sebulan? Adakah kita merasa puas dengan kadar inflasi yang menurun sedangkan dalam masa yang sama harga barang-barang keperluan terus naik melambung tanpa usaha-usaha yang berkesan bagi mengatasinya? Bagaimana pula kedudukan jurang pendapatan antara golongan kaya dan golongan miskin, semakin rapatkah atau terus melebar? Inilah soalan-soalan asas yang perlu dijawab oleh kerajaan secara jujur kepada seluruh rakyat.

Pembacaan dan pengamatan kita membuktikan berlaku ketidakadilan dalam pengagihan kekayaan negara, 50% dari kekayaan bumi bertuah ini dimiliki oleh hanya segelintir golongan manusia 'the selected few' yang ada modal dan ada hubungan rapat dengan golongan yang berkuasa. Adakah ini contoh slogan 'al- adlu walihsan' yang sering dilagangkan oleh Menteri Kewangan kita?

Tuan Yang di-Pertua, teks Belanjawan ini membuktikan kepada kita bahawa falsafah ekonomi dan dasar pembangunan negara ini masih berteraskan faham kebendaan, walaupun ada ditegaskan bahawa falsafah pembangunan kita bukan kebendaan 'maddiyah' semata-mata. Namun, asas yang mendasari 'tasawur' pembangunan negara tetap materialistik, kerana itu setiap orang yang bangun berbicara tentang pembangunan negara seringkali merujuk hanya kepada angka-angka dan peratusan-peratusan dan merujuk kepada kejayaan pembangunan fizikal dan material.

Dr. Tan Chong Keng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.....

Dr. Tan Chong Keng: Minta penjelasan. Yang Berhormat

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Minta maaf, masa terhad, masa suntuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak beri jalan, ya, teruskan.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Masa suntuk, lain kali.

Pembangunan menurut perspektif Al-Quran merupakan usaha dan kegiatan manusia bagi merealisasikan peranan sebagai Khalifah Allah S.W.T di atas muka bumi ini. Kerana itu setiap program pembangunan mesti mengambilkira batas-batas agama dan menjurus ke arah memenuhi tuntutan pengabdian kepada Pencipta. Sesuai dengan ini kegiatan-kegiatan ekonomi mesti dibersihkan dari unsur-unsur yang haram sekiranya kita benar-benar mahu menjadikan Nabi Yusuf a.s. sebagai rujukan.

Perlu rasanya dinyatakan dalam Dewan ini bahawa Al-Quran di samping mengisahkan ceritera Nabi Yusof a.s. memaparkan juga kepada kita kisah Haman dan Qarun, dua orang pengikut setia Firaun. Haman merupakan menteri kanan, manakala Qarun mewakili golongan peniaga dan usahawan. Kedua-dua tokoh ini memiliki kuasa dan kekayaan yang tiada tolok banding pada waktu itu. Mereka memberikan sokongan padu dan sumbangan yang amat besar bagi mempertahankan kekuasaan Firaun berhadapan dengan gerakan Nabi Musa a.s. Haman dan Qarun bersengkokol membela kepalsuan dan berusaha 'at their best' bagi menghancurkan perjuangan yang benar.

Kita bimbang Tuan Yang di-Pertua, fikrah maddiyah atau faham kebendaan yang merupakan akar tunjang sistem ekonomi negara ini akan melahirkan 'new breeds of Haman and Qarun', golongan Haman dan Qarun baru dalam masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan awam merupakan aset penting bagi negara. Peranan dan sumbangan mereka dalam proses pembangunan negara amat besar dan tidak perlu dipersoalkan. Sesuai dengan ini sebarang habuan ataupun insentif termasuk bonus tahunan untuk mereka amatlah dialu-alukan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong, bangun.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Masa saya sudah suntuk, Parit Sulong sendiri pun tidak memberikan jalan sewaktu dia berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Naib Presiden cakap sampai dua jam.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Itu orang lain, bukan saya.

Memandangkan kemajuan ekonomi yang membanggakan dan kedudukan kewangan negara yang dikatakan teguh, kita berpendapat kerajaan sepatutnya memberikan bonus 1½ gaji kepada kakitangan awam, bukan satu bulan gaji seperti yang dicadangkan.

Selain dari itu, bagi menghargai sumbangan mereka kepada negara....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,....

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah:.....kita mencadangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, teruskan.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Selain dari itu, bagi menghargai sumbangan mereka kepada negara, kita mencadangkan supaya kadar faedah bagi pinjaman kenderaan dan perumahan kakitangan awam dihapuskan. Kalau kerajaan Kelantan yang miskin itu mampu melakukan perkara ini, tidak ada sebab mengapa Kerajaan Persekutuan yang kaya tidak boleh melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional selalu bercakap tentang pembangunan dan kemajuan.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: ... inilah modal....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan, bangun.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Inilah modal yang mereka jaja pada setiap kali pilihanraya, tetapi setelah 20 tahun Barisan Nasional memerintah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dianggap pohon rendang di tengah padang, sampai waktu kena tebang. Soal-soal kemudahan asas bagi rakyat luar bandar dan estet-estet tetap masih belum selesai....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sekejap ya. Ada peraturan mesyuarat yang dibangkitkan.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Yang keberapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang keberapa, Yan?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Terhadap kepada siapa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tidak ada sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Fasal hendak tebang pokok, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya buat keputusan ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa ini tidak kena, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak kena, tidak apalah.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Setelah 20 tahun Barisan Nasional memerintah, soal-soal kemudahan asas bagi rakyat luar bandar dan estet-estet tetap masih belum selesai. Kerana itu pada setiap kali sidang Parlimen, kita akan mendengar soalan-soalan dan rungutan-rungutan dari Ahli-ahli Parlimen kerajaan sendiri yang tidak puas hati dengan kemudahan-kemudahan asas dalam kawasan mereka sendiri. Mengapa.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi. Hendak sokong pula!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Berilah.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Sekali sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya minta penjelasan daripada sahabat saya, tadi dia kata pegawai kerajaan tidak boleh dipertikaikan. Jadi, saya hendak tanya kenapa dia mempertikaikan peranan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang hendak mengemukakan audit untuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kelantan. Itu soalan saya.

Yang keduanya, setelah Kelantan memerintah masuk penggal kedua, kerajaan sahabat saya ini, apa yang telah dibuat di peringkat negeri. Adakah telah mengemukakan beberapa strategi yang didapati salah, yang selama ini tidak dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional? Adakah Kelantan telah melakukan segala perkara yang dikritik di peringkat nasional, di tahap Kerajaan Negeri?

Terima kasih.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tentang soal Setiausaha Kerajaan itu, Yang Berhormat boleh merujuk kepada Kerajaan Negeri untuk penjelasan lanjut. Adapun tentang soalan yang kedua, untuk melihat apa yang kita buat, saya persilakan Yang Berhormat untuk ke Kelantan dan membandingkan apa yang telah kita buat berbanding dengan kerajaan yang sebelum daripada ini.

Mengapa begitu lama masa yang diambil bagi menyediakan keperluan asas rakyat. Di manakah slogan ‘bersih, cekap dan amanah’ yang menjadi ungkapan keramat satu ketika dahulu? Hari ini mereka melaungkan ‘adil, cekap dan berwawasan.’ Lima tahun lagi entah apa pula slogan yang akan direka bagi menggula-gulakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kami merasa gembira kerana Timbalan Perdana Menteri mempunyai hasrat bagi membangunkan ‘Baldatun-Toiyibatun-Warabbun-Ghafur,’ negara makmur diberkati Tuhan. Sebuah cita-cita yang telah lama diperjuangkan oleh Parti Islam

SeMalaysia (PAS), iaitu semenjak 43 tahun yang lalu, nampaknya berlaku anjakan paradigma, 'paradigmship' yang besar dalam perjuangan politik, bakal Perdana Menteri yang kelima. Kita mengucapkan syabas kepada beliau.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa kata-kata yang indah dan muluk tidak membawa apa-apa makna, kecuali diterjemahkan dalam tindakan dan amalan. Negara makmur diberkati Tuhan tidak akan wujud dari dasar pemerintahan.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tak ada masa. Saya tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan tawar-menawar.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Negara makmur diberkati Tuhan tidak akan wujud dari dasar pemerintahan dan dasar pembangunan yang mengetepikan petunjuk Ilahi. Asas kelahiran negara ini mesti bermula dari penerimaan Islam sebagai 'ad'din', iaitu satu peraturan hidup yang lengkap dan menyeluruh, 'kamil' dan 'syamil'. Peraturan yang bukan sahaja menyusun hubungan peribadi di antara manusia dan Tuhan, tetapi juga merangkumi hubungan dalam keluarga, masyarakat dan negara. Agama mesti menjadi dasar yang mencoraki kegiatan-kegiatan politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain aspek kehidupan. Inilah maksud Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Baqarah ayat 208 yang berbunyi *[sambil membaca sepotong ayat Al-Quran]*, yang bermaksud, "Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara penuh dan jangan sekali-kali kamu menurut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya ia merupakan musuh kamu yang nyata."

Pemerintahan yang tegak di atas dasar sekular, faham yang memisahkan agama daripada kehidupan duniawi tidak akan dapat melahirkan ‘Baladun-Toiyibatun-Warabbun-Ghafur’. Pelaksanaan Islam secara kosmetik dan tempelan tidak akan membawa kita kepada matlamat yang murni ini. Sebaliknya, ia akan mencetuskan kekeliruan yang besar dalam masyarakat. Percampuran antara hak dan batil, antara baik dan buruk tanpa penegasan dan garis pemisah yang jelas akan hanya melahirkan sahsiah, peribadi yang nanar dan keliru. Pada siang hari dia boleh berbicara tentang agama dan mengingatkan manusia supaya bertaqwa kepada Allah, sedangkan pada malamnya dia menghadiri konsert-konsert hiburan tanpa rasa canggung dan malu. Dia boleh bersikap lunak dan mengalah kepada musuh-musuh agama. Sebaliknya menjadi sombong dan garang terhadap saudara-saudara yang seagama dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah bentuk-bentuk.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Saya sudah beritahu saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, inilah bentuk-bentuk kecelaruan yang wujud akibat dari penolakan Islam sebagai dasar hidup yang kamil dan syamil. Kita tidak menafikan hakikat bahawa kerajaan telah menubuhkan beberapa institusi Islam seperti bank dan universiti. Kita menyokong usaha-usaha yang baik ini. Tetapi perlu ditegaskan bahawa institusi-institusi tersebut tidak akan mengubah dasar dan struktur negara ini. Sekularisme yang menjadi kerangka asas negara ini akan terus kekal

dan kukuh. Kerajaan boleh menerima program ini kerana status-quo mereka dan struktur negara tidak akan berubah. Sebaliknya kerajaan tidak akan memberi ruang kepada sebarang usaha yang menggugat status-quo dan akan menggubah struktur negara. Inilah jawapan sebenar di sebalik penolakan terhadap Enakmen Jenayah Syariah II Kelantan atau lebih dikenali sebagai hukum hudud. Alasan-alasan lain yang dikemukakan tidak lebih daripada usaha untuk mengaburi mata masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, budaya atau kebudayaan ialah cara berfikir dan cara hidup sesebuah masyarakat yang diwarisi oleh satu generasi daripada satu generasi. Setiap orang, setiap masyarakat, setiap bangsa mempunyai cara berfikir dan cara hidup yang tersendiri. Bangsa Melayu dari segi anutan adalah beragama Islam. Manakala asas kehidupan muslim ialah mengabdikan diri kepada Allah dengan penuh rela. Kerana itu, seluruh cara hidup kita yang terangkum dalam istilah kebudayaan mestilah berasaskan kepada pengabdian dan kepatuhan kepada Allah S.W.T.

Berdasarkan hakikat ini, kebudayaan Melayu sepatutnya merupa sebagai kebudayaan Islam. Kebudayaan yang terpancar dari asas 'ubudiah' kepada Pencipta. Persoalannya, adakah bentuk-bentuk budaya yang wujud dan diamalkan dalam msasyarakat Melayu menepati tuntutan dan cita rasa ini. Atau ia dibaharui dan dicemari oleh unsur-unsur budaya yang non-Islamic, sama ada Hindu, Buddha ataupun Kristian. Inilah mauduk yang perlu dihalusi apabila kita berbicara tentang memperkasa budaya. Menurut fahaman kami, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membersihkan budaya Melayu dari keladak-keladak budaya asing yang meresap masuk dan menodai kemurnian budaya Melayu Islam yang telah sebatu dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, budaya mempunyai dua bentuk. Pertama, budaya yang berbentuk pekerjaan dan perjuangan, seumpama budaya menuntut ilmu dan budaya mereka cipta. Kedua, budaya yang berbentuk permainan dan hiburan yang dicipta sebagai wasilah

untuk melepaskan rasa penat selepas bekerja. Contohnya, permainan wau, gasing dan kertuk. Secara teori, kedua-dua bentuk ini diakui oleh para pengkaji budaya sebagai budaya Melayu di negeri ini. Tetapi malangnya, budaya bentuk pertama tidak ditonjolkan sebagai satu budaya yang penting dan digalakkan. Sebaliknya, budaya bentuk kedua sahaja yang diberi keutamaan, sehingga terbentuk tanggapan dalam fikiran masyarakat, apabila disebut istilah kebudayaan, apa yang tergambar pada mereka ialah aneka jenis hiburan dan permainan. Perkara-perkara yang tidak bersifat hiburan dan permainan tidak lagi dianggap sebagai kebudayaan. Pemikiran songsang seperti ini bukan sahaja merata di kalangan rakyat biasa, malah wujud di kalangan birokrasi tertinggi dalam kerajaan pada peringkat jabatan dan kementerian.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengatakan bahawa budaya dalam bentuk kedua haram belaka, sepertimana yang seringkali ditohmahkan kepada kita. Ada permainan yang kita benarkan dalam bentuk sedia ada seperti wau dan gasing. Ada yang kita benarkan dengan sedikit ubahsuai, seumpama dikir barat. Ada pula yang kita haramkan terus, seperti Mak Yong dan Menora. Kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau Timbalan Perdana Menteri kita menaruh minat yang amat sangat dengan Mak Yong, beliau boleh mengambil semua kumpulan Mak Yong yang ada di Kelantan sebagai anak angkat. Kami amat berbesar hati, 'kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.'

Tuan Yang di-Pertua, kebenaran dan pengharaman ke atas sesuatu bentuk hiburan tidak dibuat berasaskan perasaan dan nafsu. Sebaliknya, keputusan diambil bersandarkan ajaran Islam yang menjadi agama dan pegangan kita. Kita haramkan kerana ada sebab-sebab yang kukuh, seperti wujudnya unsur-unsur yang bercanggah dengan agama, seperti unsur pemujaan, syirik dan khayal. Sekiranya unsur-unsur yang bercanggah dengan agama ini dapat dibersihkan dari hiburan yang berkenaan, kita boleh membenarkannya pada bila-bila

masa sahaja. Kita menangani keadaan berdasarkan kaedah Fekah, iaitu hukum berubah apabila sebab ataupun 'illah berubah.

Sebenarnya, kita tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam soal ini. Apa yang dibuat ialah sekadar menegakkan tanggungjawab 'ubudiah kepada Allah, pemilik seluruh jagat raya. Sama ada Timbalan Perdana Menteri setuju atau tidak, perkara ini tidak penting kepada kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Mas.

7.39 mlm.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan 1996 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 27hb Oktober ataupun bulan yang lepas.

Saya mengucapkan tahniah, syabas dan banyak terima kasih bagi pihak rakyat di kawasan Bukit Mas dan negeri Sarawak keseluruhannya atas pembentangan satu Belanjawan yang sangat bermakna dan bermanfaat kepada rakyat. Penurunan cukai pendapatan, pembayaran gaji bonus satu bulan untuk kakitangan kerajaan dan peruntukan tambahan RM1 bilion untuk Tabung Khas Pembangunan Perumahan Kos Rendah dan juga peningkatan peruntukan kepada pembangunan luar bandar adalah contoh bahawa kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sangat prihatin terhadap rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, secara prinsipnya kita menyokong Belanjawan ini dan sekali lagi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengambil sedikit perhatian Dewan yang mulia ini, mengenai beberapa perkara yang penting yang harus diambil kira oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan kesemuanya amat penting untuk rakyat di kawasan saya iaitu Bukit Mas. Saya mohon supaya Kementerian Kesihatan dapat mengkaji

semula untuk menubuhkan satu klinik desa di kawasan Batang Limbang bertempat di kampung Maridam supaya kampung-kampung di seluruh Batang Limbang dapat menikmati kemudahan asas seperti klinik desa yang selama-lama ini mereka masih menunggu semenjak dekat 30 tahun dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulan, rakyat di sana sangat memerlukannya oleh kerana cara perhubungan di antara kampung-kampung tertentu sekarang masih di dalam keadaan tradisional iaitu mengikut perahu dan berjalan kaki. Saya juga berharap klinik desa di Long Napir dapat dibuka semula, iaitu sebuah kawasan di mana kaum Penan berada di sana dan pada masa dulu, klinik ini memang ada dan waktu Bruno Manser bergiat di kawasan Bukit Mas, kerajaan menutupkan klinik ini dan saya bangkitkan perkara ini dua kali. Dalam penggal pertama saya bangkitkan, penggal kedua saya bangkitkan sekali lagi supaya kita dapat mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Saya juga merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya mengkaji keperluan untuk menubuhkan ataupun membina sebuah hospital baru di Lawas iaitu salah satu pekan di kawasan Bukit Mas, oleh kerana hospital yang ada sekarang ini tidak mencukupi, tidak dapat menampung keperluan penduduk-penduduk di sana. Sekarang ini untuk maklumat, Tuan Yang di-Pertua, hospital di Lawas menyewa kedai-kedai untuk, dengan izin, out-patient clinic. Tidak begitu menggambarkan perkembangan Barisan Nasional di kawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin supaya Kementerian Pengangkutan juga dapat memberi sedikit penjelasan mengenai Lapangan Terbang baru Limbang di kawasan saya yang setakat ini masih belum ada ketetapan bahawa projek ini akan dilaksanakan. Oleh kerana waktu kita mengadakan pilihanraya Dewan Undangan Negeri, pada tahun 1991, lapangan terbang ini telah diberitahu kepada penduduk di sana akan dibina. Waktu itu bekas Timbalan Perdana Menteri berada di Limbang bersama-sama saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembinaan jalan raya utama di kawasan Bukit Mas, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya oleh kerana ada perkembangan yang sangat membanggakan iaitu satu jambatan besar yang saya selalu bangkitkan di dalam penggal pertama, sekarang telah pun siap dibina dengan ongkos lebih kurang RM30 juta dengan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, saya ingin supaya Kementerian ini juga dapat memberi sedikit peruntukan untuk menurapkan jalan raya ataupun memperbesarkan jalan raya iaitu daripada Bandar Limbang sampai ke Pandaruan, Temborong dan juga daripada Mengkalab sampai ke Pekan Terusan. Kedua-dua jalan raya ini, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, adalah bersempadan dengan negara jiran iaitu negara Brunei Darussalam. Saya selalu mengikut jalan raya ini, waktu kita melalui negara Brunei Darussalam, jalan raya itu diturap dan selepas sampai ke kawasan saya, kita terpaksa berhati-hati. Oleh sebab itu saya menyarankan supaya kementerian dapat ambil perhatian mengenai perkara ini.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian ataupun Menteri Kerja Raya, bilakah kerajaan mulai membina jalan raya Pan-Borneo iaitu dari Miri, Beluru, Long Lama terus ke Limbang iaitu di kawasan saya, Bukit Mas. Sebetulnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebutkan Pan-Borneo, sebetulnya Pan-Borneo ini belum siap, kawasan saya belum ada jalan raya Pan-Borneo. Oleh kerana itu saya berharap Menteri Kerja Raya haruslah ambil perhatian supaya kita daripada Kuching sampai ke Kota Kinabalu dapat mengikut jalan raya seperti yang kita nikmati di sebelah sini iaitu di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar, berapakah peruntukan yang akan diagihkan untuk kawasan Bukit Mas pada tahun 1996, khas untuk pembinaan jalan raya iaitu jalan raya kampung, pemasangan paip air dan pembekalan api elektrik dan juga kemudahan-kemudahan asas khusus untuk meninggikan taraf kehidupan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Saya juga menyaran ataupun meminta supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat meningkatkan peruntukan untuk kawasan Bukit Mas khusus untuk kawasan-kawasan di Bario, di Bakalalan, Long Semadoh, Long Sukang dan Long Napir di mana kawasan tersebut masih belum menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti api elektrik, jalan kampung dan air paip. Kiranya pembekalan elektrik, misal kata ke kawasan tersebut sukar dilaksanakan melalui pemberian generator set, apakah salahnya kerajaan ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengkaji supaya pembekalan elektrik melalui mini hidro dapat dipertimbangkan sebagai salah satu alternatif untuk jangka masa yang panjang.

Saya juga ambil peluang yang baik ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar oleh kerana kita mendengar melalui taklimat, di mana kementerian tersebut akan menggerakkan agensi-agensi kerajaan yang di bawah pimpinan beliau, untuk berusaha lebih tekun dan memainkan peranan lebih aktif dari segi membangun kawasan luar bandar. Saya rasa menteri berkenaan perlu disokong dalam hal ini, dan saya berharap kawasan luar bandar di seluruh negara dapat menjadi kawasan yang membangun setaraf dengan kawasan-kawasan di bandar di Malaysia menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai mewakili salah satu kawasan yang meliputi kawasan luar bandar merasa kkuatir sekiranya pembangunan yang berjalan begitu pesat di kawasan bandar pada masa sekarang tidak ditandingi dengan pembangunan kawasan luar bandar, maka pada suatu masa nanti, negara kita akan mengalami keadaan yang kita pernah alami pada masa dulu iaitu di mana jurang perbezaan di kalangan, dengan izin, 'the haves and the have-nots' akan juga berlaku. Tetapi ia mungkin tidak akan berlaku secara individu, tetapi dia akan berlaku secara perbezaan di antara 'the haves' mungkin di bandar 'the have-nots' di kawasan luar bandar. Oleh kerana itu saya menyaran supaya kita sebagai pemimpin-pemimpin baik di peringkat pusat dan juga di peringkat kerajaan negeri harus memberi perhatian supaya pembangunan di kawasan luar bandar di seluruh negara harus ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, berapakah peruntukan untuk kawasan Bukit Mas pada tahun 1996 khusus untuk kemudahan-kemudahan telefon dan elektrik? Oleh kerana kawasan-kawasan dataran di Sarawak kebanyakannya meliputi kawasan Bukit Mas seperti Bario, Bakalalan, Long Semadoh dan Long Napir. Selain daripada penduduk-penduduk di sana, jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Kesihatan dan Perubatan, Jabatan Pendidikan, Jabatan Penerbangan Awam (Malaysia Airport Berhad) juga memerlukan kemudahan-kemudahan ini. Oleh kerana itu saya menyarankan supaya menteri yang berkenaan dapat mengkaji bagaimanakah kemudahan-kemudahan asas ini dapat dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu.

Sehubungan dengan perkara ini, secara kebetulan juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Malaysia adalah seorang menteri berasal dari Sarawak. Dan saya ingin berdiri di sini untuk memberi sedikit pandangan mengenai pembinaan projek Bakun Hydro-Electric Power.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap panjang lebar ataupun memberi hujah dengan secara mendalam mengenai hal ini oleh kerana kita selalu mendengar selain daripada akhbar tempatan, daripada hujah-hujah pembangkang, daripada hujah-hujah orang yang tidak ingin supaya projek ini dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sebagai seorang Wakil Rakyat daripada Sarawak dan secara khususnya salah seorang daripada Ahli Parlimen berasal daripada masyarakat Orang Ulu iaitu masyarakat Orang Ulu mengandungi kaum Kayan, Kenyah, Kelabit, Limbawang, Penan, Bisayah dan lain-lain yang secara langsung terbabit dengan projek ini, saya ingin berdiri di sini dengan sokongan penuh daripada rakyat saya di kawasan Bukit Mas bahawa kita menyokong projek Bakun ini sepenuhnya.

Oleh kerana itu saya berharap, dengan adanya sokongan daripada masyarakat Orang Ulu, seperti saya dan di dalam Dewan yang mulia ini hanya tiga Ahli Parlimen daripada masyarakat Orang Ulu iaitu dari Baram dan dari Belaga dan saya dari Bukit Mas. Saya rasa

tidak payahlah orang-orang lain misalnya daripada pihak pembangkang untuk membangkitkan perkara ini oleh kerana mereka tidak pernah mengalami cara kita Orang Ulu hidup pada masa sekarang.

Saya rasa dengan pandangan seperti begini, saya berharap Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri janganlah kita terlalu bimbang dengan pandangan yang diberi oleh pihak-pihak pembangkang, kita harus tumpukan segala perhatian kita dan menggemblengkan segala tenaga untuk melaksanakan projek ini seperti yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya menyatakan sokongan terhadap projek Bakun ialah kita pun sebagai Wakil Rakyat ataupun pemimpin daripada masyarakat Orang Ulu, kita pun ada perasaan, kadang-kadang kita mendengar orang lain membela nasib kita, tetapi mereka tidak pernah mengalami keadaan dan kedudukan kita. Oleh kerana itu, secara khususnya memang ini adalah cara-cara pembangkang memang mereka hanya membangkang dan saya berharap kerajaan haruslah mengambil perhatian supaya masyarakat Orang Ulu di Belaga dapat hidup di dalam keadaan seperti yang dinikmati oleh rakyat Malaysia di lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang sewaktu kita di dalam Penggal Pertama, mereka tidak menyokong Proton, the Malaysian car, dengan izin, mereka tidak menyokong Jambatan Pulau Pinang, mereka tidak menyokong PLUS, mereka tidak menyokong Kuala Lumpur City Centre, Kuala Lumpur International Airport (KLIA), tetapi selepas semua projek gergasi ini telah dibina, sekarang mereka memang diam. Oleh kerana itu, perangai seperti begini saya berharap kita ambil sebagai satu keadaan yang biasa sahaja. Ini adalah penerangan saya mengenai Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya di sini, projek Bakun daripada semua aspek memang ada kebaikan dan keburukannya pun ada, tetapi secara keseluruhannya, kebaikan-kebaikannya itu memang jelas melebihi keburukannya. Selain daripada ini, yang penting

saya rasakan di sini iaitu di dalam Dewan yang mulia ini iaitu dari segi projek ini membangunkan masyarakat Orang Ulu di Belaga. Ianya satu cara yang baik, oleh kerana projek ini diswastakan kepada EKTRAN Berhad dan kerajaan tidak dibebankan untuk membelanjakan wang untuk membina projek Bakun ini.

Sekiranya tanpa cara begini, saya rasa masyarakat Orang Ulu di Belaga sukar mengalami pembangunan yang terancang dan mereka mungkin masih hidup di dalam keadaan yang sama pada tahun 2020. Oleh kerana inilah, saya bersetuju dengan pihak kerajaan supaya dapat meneruskan projek Bakun ini dan supaya ia dapat membangun kawasan Belaga dan juga dapat membawa masyarakat Orang Ulu di Belaga ke arah masa depan yang cemerlang dan supaya mereka juga dapat menikmati segala kemudahan-kemudahan yang ada di bandar-bandar pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah seorang dari Ahli Parlimen daripada Sarawak, saya ingin bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membangunkan sektor pelancongan dalam negeri khususnya, maksud saya di sini di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Saya ingin bertanya, oleh kerana selama-lama ini kita tidak mendengar perkembangan untuk meningkatkan cara pelancongan dalam negeri supaya orang Semenanjung dapat senang melawat ke Sarawak dan orang Sarawak melawat ke Semenanjung. Saya berharap ada satu 'package tour' khas untuk pelancongan tempatan dapat kita laksanakan dan saya berharap kementerian dapat berbincang dengan Malaysian Airlines System (MAS) supaya masa percutian sekolah kita dapat mengadakan satu 'package tour'. Misal kata, apakah salahnya kalau transmail dapat mengadakan satu penerbangan dari Miri ke Kuala Lumpur pulang balik mungkin RM300 lebih, apakah salah MAS mengadakan satu penerbangan khas untuk meningkatkan pelancongan di dalam negeri supaya dengan adanya orang Sarawak pergi ke Semenanjung, orang Semenanjung pergi ke Sarawak, integrasi nasional dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di sini memberi sedikit pandangan iaitu mengenai satu berita yang begitu hangat dan popular, walau bagaimanapun, saya rasa sebagai seorang ahli Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional dan juga layak sedikit daripada golongan parti BN di dalam parti pun, this is my second term as a Supreme Council PBB, dengan izin.

Saya merasa sedikit khuatir ataupun tidak berapa senang hati oleh kerana majalah-majalah terbitan asing dengan izin, 'foreign magazines', selalu mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang berkenaan pemimpin-pemimpin kita. Saya rasa rakan-rakan saya daripada backbencher pun pernah membawakan perkara ini dan saya ingin memberi sedikit pandangan iaitu 'straight forward', dengan izin, saya petikkan beberapa isu daripada *Asiaweek* dan daripada *Far Eastern Economic Review*, memang kita tahu semua ini, misal kata *Asiaweek*, September 29 dan juga *Asiaweek*, October 27 dan baru-baru ini *Far Eastern Economic Review*, November 2, 1995.

Saya tidak ingin menerangkan secara mendalam apa yang mereka katakan di dalam terbitan ini, yang saya ingin katakan di sini iaitu saya sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab merasa sedikit sedih oleh kerana penglibatan media asing di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di kawasan Bukit Mas betul-betul sayang dengan kedua-dua pemimpin negara kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, kerana semalam pukul 8.30 malam baru saya balik daripada kawasan saya. Mereka tidak senang hati dan mereka bersetuju supaya kita sebagai rakyat Malaysia bersatu hati, berdiri teguh di belakang kedua-dua pemimpin kita yang telah mengharumi negara Malaysia, bukan sahaja di rantau Asia Pasifik, juga di seluruh dunia.

Di sini, saya menyarankan supaya rakan-rakan kita di dalam kerajaan kalau boleh, kita haruslah sokong kerajaan supaya tindakan yang sesuai dapat diambil. Saya kira tiap-tiap

bulan mereka menerbitkan isu seperti ini. Misal kata, “in September - High noon for Mahathir” dan “in October pula - Another political trauma”.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik dari Burundy, negara yang berdekatan dengan Rwanda dan kita hanya dua orang dari Malaysia yang diundang oleh United Nations untuk melawat negara Burundy dan saya pernah berucap di dalam Parlimen Burundy - Burundian National Assembly dan mereka di sana, Tuan Yang di-Pertua, betul-betul menghormati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan waktu kita tiba di Nairobi, kita pergi kepada Imigresen check-point misal kata, kita dari Malaysia, terus mereka, “Oh, Malaysia. Your Prime Minister is very popular”. Dia orang teruskan kita, tidak payah apa, visa pun senang sahaja.

Oleh kerana itu, saya rasa kalau ada orang asing yang ingin melibatkan di dalam negara ini untuk menerbitkan apa-apa yang tidak diingini, saya berharap, saya mintalah ini pandangan saya sebagai Wakil Rakyat yang pernah pergi ke Jepun untuk mewakili kita dan baru-baru ini ke Burundy, baru balik sebelum Parlimen ini bersidang dan kita pun pernah pergi ke Jerman Barat dan juga ke Australia. Saya rasa mereka betul-betul menghormati Perdana Menteri kita.

Oleh kerana itu, sesuaiilah sebagai salah seorang backbencher, saya berharap bolehkah Kementerian Dalam Negeri ambil tindakan yang sesuai dengan keadaan ini supaya, ini bulan November, *Far Eastern Economic Review* pula menerbitkan satu. Mungkin Disember, ada lagi satu. Walaupun kedua-dua pemimpin ini, dengan izin, have denied these kind of things, saya rasa kita di Malaysia tidak perlu mendengar beberapa cerita yang foreign media ini terbitkan. Oleh kerana itu, untuk tidak mengelirukan kita di sini, saya berharap Kementerian Dalam Negeri dapat mengambil satu tindakan.

Saya rasa kita pernah mengambil tindakan kepada *Far Eastern Economic Review* pada masa yang lalu. Itulah sebab mereka, dengan izin, they have toned down. *Asia Week* saya

rasa bolehlah kita ambil tindakan, apa salah kerana negara ini negara kita, bukan negara Amerika.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Michael Lisa Kaya: Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap walaupun ini sangat sensitif sedikit tetapi oleh kerana saya rasa demi untuk memupuk semangat Barisan Nasional, saya berharap rakan saya daripada pihak UMNO jangan fikir saya campur tangan, tetapi sebagai seorang Wakil Rakyat dari Malaysia, saya harap jangan kita biar negara asing campur tangan untuk merosakkan semangat perpaduan yang ada di kalangan pemimpin-pemimpin kita.

Saya merasa sedih, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana apabila saya balik dari kawasan saya, inilah soalan yang mereka tanya. Betulkah ada masalah di antara kedua-duanya? Saya memang sebagai seorang ahli politik, saya pun tidak dengar. Mungkin baca sahaja. Mereka mengatakan, “Tolong, Yang Berhormat. Beri tahu sama mereka, jangan gaduh. Sekarang ini masa baik untuk kita semua”. Itulah sebabnya saya bangkitkan perkara ini, kalau boleh saya minta Backbenchers Club kalau boleh, apalah salahnya kita membuat satu tindakan, biarlah Kabinet memutuskan supaya mereka betul-betul menghormati kita. Jangan sahaja dia orang menghormati dari segi menghantarkan pemimpin-pemimpin negara mereka pergi ke Malaysia. Yang penting ialah mungkin mereka tidak menghormati kita dari segi ini. Haruslah kita ambil tindakan.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu perkara yang penting dan saya berharap semua pemimpin-pemimpin di peringkat negeri dan negara, saya boleh bercakap bagi pihak kita di Sarawak daripada PBB oleh kerana saya pun ada mengambil sedikit feedback dan kita berdiri teguh di belakang kedua-dua pemimpin ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan ini, saya berharap sekali lagi, mengulang sekali lagi kalau boleh, tolonglah Kementerian Dalam Negeri buat sesuatu perkara supaya mereka menghormati kita. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1996, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Libaran.

8.04 mlm.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang ini kepada saya untuk turut sama-sama membahaskan Belanjawan Negara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 27hb. Oktober yang lalu.

Saya mewakili rakyat Sabah, kawasan Libaran mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana merangka satu Belanjawan yang dianggap sebagai menyeluruh dan mampu mengurus ekonomi negara yang dikatakan sedang membahang atau pesat berkembang dan yang lebih penting lagi ialah Belanjawan kali ini adalah satu yang melegakan banyak pihak terutama rakyat kebanyakan kerana ia digubal mengambil kira langkah-langkah untuk mengurangkan beban rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan kali ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mahu memberikan yang terbaik kepada rakyat, walaupun keadaan sekarang bukan lagi musim menghadapi pilihanraya seperti pembentangan tahun lepas sehingga pembangkang menyifatkannya sebagai usaha memancing undi.

Satu perkara yang menarik bagi saya ialah sungguhpun kerajaan kali ini akan berbelanja banyak iaitu sejumlah RM55 bilion untuk tahun hadapan tetapi ia masih mampu memberi pelepasan kepada 2,000 jenis cukai berbanding dengan hanya 4 jenis sahaja cukai yang dinaikkan. Dalam pada itu, sekurang-kurangnya 525,000 rakyat merasa lega Jumaat

lepas apabila mereka kini dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan. Golongan yang akan merasa nikmat ini tidak lain daripada kumpulan yang berpendapatan rendah. Kumpulan berpendapatan sederhana juga turut menarik nafas riang. Mereka kini menikmati penurunan cukai individu paling besar dalam Belanjawan 1996 apabila kadar cukai mereka diturunkan di antara 1% dan 2%.

Belanjawan ini sekali gus memberi keselesaan kepada semua golongan rakyat meliputi kakitangan kerajaan yang akan menerima bonus sebulan gaji, kalangan penghibur, golongan daif, kalangan korporat, usahawan, peniaga, masyarakat desa, belia dan tidak terkecuali pekerja-pekerja asing yang bilangan mereka semakin hari, semakin bertambah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tahun demi tahun kita berbangga dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara yang berkembang 8%, namun, tidak seharusnya lupa bahawa masih ada golongan miskin di ceruk-ceruk tertentu negara terutamanya di Sabah. Apalah gunanya kita berbangga dengan kehebatan ekonomi negara dan bercita-cita menjadi negara maju, jika golongan ini masih tidak terbela? Sepertimana kita semua, golongan ini juga mempunyai cita-cita mereka tetapi apabila kemiskinan sudah berada di ambang pintu, cinta akan terbang melalui jendela. Maka itu, janganlah sekali-kali kita alpa atau halai-balai terhadap perkara ini. Teruskanlah jenguk-jenguk nasib mereka.

Sehubungan itu, saya mengalu-alukan Belanjawan ini yang memperuntukkan sebanyak RM206 juta untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Langkah bijak dan penuh komitmen ini amat selari dengan cita-cita kita untuk membina sebuah masyarakat madani seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat kebanyakan, tidaklah sempurna hidup mereka sekiranya tidak memiliki rumah sendiri yang walau sederhana mana sekali pun, asalkan ia selesa untuk seisi keluarga. Sungguhpun di bawah Rancangan Malaysia Keenam, lebih 200 rumah kos rendah telah dibina, namun bilangan ini masih terlalu kecil dan belum mencukupi.

Pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi tambahan RM1 bilion lagi untuk Tabung Perumahan Kos Rendah memang tepat pada masanya.

Dalam pada itu, saya ingin menggesa syarikat-syarikat gergasi agar mereka turut serta sama-sama menyumbangkan ke arah menjayakan usaha murni ini tanpa memikirkan sangat soal keuntungan yang berlipat ganda. Penglibatan mereka dalam program ini bukanlah untuk menutup peluang kontraktor-kontraktor kecil, tetapi sebagai pembimbing dalam usaha ini.

Saya juga berharap agar Kerajaan-kerajaan Negeri juga sama-sama menyumbang dan menyediakan kawasan-kawasan yang sesuai dan kalau boleh diberi percuma untuk dimajukan perumahan kos rendah. Hanya dengan cara inilah rakyat dapat merasa tuahnya sokongan berterusan mereka terhadap Barisan Nasional selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh keputusan kerajaan untuk menaikkan bayaran minimum kad kredit kepada 15% bagi baki bulanan. Mungkin keputusan ini mengejutkan mereka yang selama ini memiliki banyak kad kredit, tetapi sebenarnya ia merupakan langkah bijak bagi mengikis tabiat berhutang, terutama di kalangan golongan berpendapatan rendah.

Kita amat bimbang kerana kemudahan kad kredit selama ini telah banyak membebankan golongan berpendapatan rendah yang sepatutnya tidak digalakkan menggunakannya, hanya semata-mata untuk bergaya. Kad-kad kredit ini yang begitu mudah diperolehi dengan pelbagai tawaran menarik kini menjadi salah satu sumber untuk berhutang sehingga ramai juga yang gagal menyelesaikan hutang mereka. Akibatnya, ramai yang dibawa ke mahkamah kerana gagal membayar. Inilah antara kesan buruk kad kredit.

Saya mencadangkan di sini agar kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas lagi iaitu dengan menghapuskan pengeluaran kad-kad kredit ini dan sebaliknya, hanya membenarkan pengeluaran charge card, dengan izin, seperti American Express yang memerlukan pemiliknya menyelesaikan hutang dalam tempoh sebulan atau dua bulan sahaja.

Ini bertujuan agar golongan yang benar-benar berkemampuan sahaja yang menggunakan kad kredit ini manakala yang tidak berkemampuan dapatlah menghindari diri daripada sifat boros yang sekali gus menepati cita-cita dan harapan Kempen Inflasi Sifar.

Tuan Yang di-Pertua, sehari sebelum Belanjawan ini dibentangkan, politik negara telah mencipta sejarah apabila parti-parti politik negara termasuk pembangkang telah dapat bertemu dalam satu perhimpunan dan mencapai kata sepakat berhubung satu perkara yang penting terhadap generasi akan datang, iaitu mengutuk ujian nuklear oleh kerajaan France. Seluruh rakyat pasti berbangga melihat peristiwa bersejarah itu. Kita sebenarnya boleh bekerjasama demi kebaikan semua, termasuklah di dalam Dewan yang mulia ini.

Malangnya, apabila pihak pembangkang berada di dalam Dewan ini, mereka asyik menunjukkan taring mereka sebagai pembangkang dengan mencari kesalahan kerajaan sehingga perkara-perkara yang baik tidak lagi diberi perhatian. Misalnya, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sepanjang ucapan beliau tempoh hari tidak habis-habis mengancam kerajaan, wal hal semasa perhimpunan parti politik baru-baru ini beliau berlagak suci.

Saya ingin bertanya, apakah tindak-tanduk pembangkang semasa perhimpunan itu merupakan satu lakonan semata-mata untuk mendapatkan publisiti murah?

Tuan Yang di-Pertua, suara Malaysia yang lantang mengutuk penindasan dan penganiayaan di peringkat antarabangsa amatlah terpuji. Kita bukan mahu publisiti, tetapi tindakan itu adalah satu kesedaran memperjuangkan hak asasi manusia dan kebebasan sejagat. Namun begitu, kuasa-kuasa besar yang sering bercakap mengenai hak asasi dan kebebasan masih bersikap kolot. Contoh terbaru ialah perbuatan Datuk Bandar New York baru-baru ini yang menghalau pemimpin Pertubuhan Palestin, Yasser Arafat dari menghadiri orchestra concert di bandar raya itu. Perbuatan itu benar-benar menghina bangsa yang kini telah bebas dan tidak langsung mencerminkan teladan yang baik daripada satu bangsa yang kononnya lebih pintar mengurus hal ehwal dunia.

Tindakan Datuk Bandar itu seharusnya dikutuk seperti mana baru-baru ini kita mengutuk perbuatan Perancis melakukan ujian nuklear mereka. Kita harus sedar bahawa kuasa besar ini tidak pernah ikhlas dalam apa yang mereka katakan selama ini yang kononnya untuk memperjuangkan keamanan dunia. Hal yang sama juga berlaku di Bosnia. Mereka mengemukakan pelbagai alasan untuk tidak memberikan pejuang Bosnia dilengkapi senjata canggih untuk mempertahankan diri mereka daripada ditindas pengganas Serb, sedangkan seluruh dunia melihat sendiri betapa rakyat Bosnia ditindas, dibunuh, malah diperkosa di tanah air mereka.

Ketika rakyat Bosnia menderita hari demi hari, kuasa-kuasa besar ini sibuk kononnya berunding mencari penyelesaian. Hanya apabila Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) mula mencapai kata sepakat dan menampakkan tekad untuk berusaha sendiri mencari penyelesaian krisis itu tanpa menunggu kuasa-kuasa besar, barulah Amerika Syarikat sibuk menganjurkan formula penyelesaian mereka. Namun begitu, kita tidak seharusnya berasa riang dengan perkembangan di Bosnia. Walaupun keadaannya mungkin kelihatan reda, tetapi kuasa-kuasa besar sebenarnya tidak senang melihat kedamaian.

Saya berharap Kerajaan Malaysia hendaklah terus memainkan peranan melalui OIC agar rakyat Bosnia benar-benar bebas dan merdeka daripada ancaman puak Serbia. Kita hendaklah terus lantang membela nasib mereka, terutama dalam proses pembinaan semula negara Bosnia yang mengalami kehancuran semasa peperangan.

Pada masa itu juga, kita juga amat berharap agar proses perdamaian di Asia Barat, terutama yang melibatkan rakyat Palestin tidak terjejas ekoran peristiwa pembunuhan Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin semalam. Walaupun kita berbeza pandangan dan ideologi dengan Israel, namun pembunuhan bukanlah jalan penyelesaian yang baik. Kuasa-kuasa besar haruslah lebih berhati-hati untuk mengawasi situasi yang bakal wujud di wilayah berkenaan agar usaha perdamaian selama ini dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menumpukan kepada perkara yang menjadi harapan dan impian rakyat di Sabah khususnya di kawasan saya di Libaran daripada Belanjawan ini. Bagi negeri Sabah, pembangunan prasarana adalah satu aspek yang masih

memerlukan perhatian yang khusus dan keprihatinan yang lebih mendalam daripada kerajaan. Ini kerana kemudahan prasarana masih amat berkurangan sedangkan ia amat diperlukan untuk menjadi penggerak atau catalyst kepada berkembangnya kemajuan negeri Sabah dalam bidang-bidang lain, khususnya perindustrian.

Walaupun Kerajaan Pusat sudah banyak menyalurkan peruntukan kepada Sabah, lebih-lebih lagi sejak Barisan Nasional kembali mentadbir Kerajaan Negeri, namun masih banyak lagi aspek yang perlu diberikan perhatian, terutama bagi penduduk luar bandar Sabah seperti soal kemiskinan, bekalan elektrik serta jalan raya.

Saya amat mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM6 bilion dalam Belanjawan kali ini untuk pembangunan desa dengan RM408 juta diperuntukkan untuk memperbaiki jalan-jalan kampung yang sudah pecah dan berlubang. Peruntukan ini juga termasuk membina jalan-jalan baru yang lebih baik dan tahan lasak di mana jumlah keseluruhannya sepanjang 2,102 kilometer. Besarlah harapan rakyat Sabah sekiranya peruntukan ini digunakan untuk memperbaiki keadaan jalan-jalan raya di Sabah yang keadaannya masih daif.

Saya cadangkan agar kerajaan memikirkan agar satu laluan baru yang lebih selesa dibina untuk menghubungi ibu negeri Sabah ke Sandakan dan Tawau bagi membolehkan interaksi penduduk antara kawasan-kawasan berkenaan di samping faedah-faedah lain seperti memajukan potensi pelancongan di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memuji langkah kerajaan untuk menaikkan sekali ganda cukai perkhidmatan penerbangan antarabangsa daripada RM20 kepada RM40 mulai Januari tahun hadapan. Langkah ini difahamkan untuk mengurangkan bilangan rakyat Malaysia melancong ke luar negara tetapi sebaliknya menggalakkan mereka melancong di dalam negara. Fenomena ini adalah amat malang sekali.

Untuk makluman mereka yang masih belum menyaksikan keunikan alam semula jadi Sabah, “Negeri Di Bawah Bayu” ini sebenarnya memiliki segala yang diinginkan oleh pelancong. Selama ini, keindahan yang terdapat di Sabah lebih banyak dihayati oleh

pelancong asing dan bukannya rakyat Malaysia sendiri terutama daripada negeri-negeri di Semenanjung. Mungkin juga publisiti mengenai pelancongan di Sabah tidak begitu menarik berbandingkan publisiti dan pakej pelancongan ke luar negara. Tetapi hakikatnya ialah, Sabah mempunyai banyak keunikan dan keindahan yang tidak terdapat di luar negara seperti kedamaian Gunung Kinabalu, pulau-pulau dan pantai-pantai yang indah. Malah di kawasan saya di Libaran sendiri mempunyai keunikan seperti Pusat Pemuliharaan Orang Utan dan pulau-pulau tempat penyu bertelur seperti di Pulau Selingan.

Seperkara lagi yang mungkin menyebabkan kurangnya pelancongan dari negeri-negeri di Semenanjung melawat Sabah ialah kerana tambang kapal terbang yang masih dianggap tinggi untuk mereka yang ingin melawat Sabah. Mungkin perkara ini telah banyak kali disuarakan. Tetapi biarlah saya sekali lagi merayu di Dewan yang mulia ini agar dapat kiranya tambang kapal terbang iaitu satu-satunya kaedah pengangkutan yang ada untuk ke Sabah dapat diturunkan bagi membolehkan perjalanan dua hala lebih mudah antara dua destinasi iaitu Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan sebaliknya. Logiknya di sini ialah kadar tambang bagi perjalanan pergi-balik antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu ketika ini akan membuat mereka yang berhasrat untuk melancong akan memilih destinasi lain terutama di negara-negara jiran yang pakejnya lebih menarik termasuk penginapan untuk beberapa malam.

Saya ingin mengambil contoh peristiwa gerhana matahari yang berlaku di Kudat baru-baru ini. Walaupun laporan mengatakan tidak kurang 10,000 orang telah berkunjung ke daerah itu untuk menjadi saksi kepada peristiwa yang jarang berlaku tetapi tidak ramai di kalangan mereka merupakan pelancong tempatan. Kebanyakan yang membanjiri Kudat pada hari berkenaan merupakan pelancong asing. Manakala yang lain terdiri daripada mereka yang terpaksa berada di situ untuk menjalankan tugas mencatat peristiwa gerhana itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yan hendak minta jalan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ucap tahniah kerana ramai pelancong-pelancong luar. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju dengan kedatangan pelancong-pelancong luar seramai 10,000 orang itu, ini akan memperkenalkan Sabah dan Kudat kepada lebih ramai warganegara luar untuk melawat Kudat? Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau boleh peristiwa-peristiwa pelik ini berlaku di Sabah? [*Ketawa*]

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju. Cuma saya ingin nyatakan di sini supaya Yang Berhormat dapat bawa penduduk-penduduk Yan melawat ke Sabah untuk mengeratkan lagi integrasi nasional. [*Tepuk*]

Manakala yang terpaksa berada di situ untuk menjalankan tugas mencatat peristiwa gerhana. Saya khuatir usaha-usaha untuk menurunkan kadar tambang kapal terbang ini tidak dilakukan, maka sia-sia sahajalah penat lelah pihak Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia selama ini untuk mempromosikan Sabah. Apatah lagi jika kita bercakap soal integrasi nasional. Di kalangan rakyat kebanyakan yang masih belum benar-benar mengenali kehidupan antara satu sama lain. Keadaan ini jika tidak diberi perhatian, saya bimbang akan kembali menebal perasaan anti Persekutuan lebih-lebih lagi jika disemarakkan oleh pembangkang di Sabah. Tidak ahli pembangkang hari ini. Jambatan yang dulu roboh sudah pun diperbaiki.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Okay! Sila!

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya cuma hendak tanya, oleh sebab MAS itu sudah pun diswastakan. Kalau MAS ini masih hendak pentingkan keuntungan, adakah Ahli Yang Berhormat hendak cadangkan supaya Sabah Air pula minta kebenaran untuk adakan flight antara Sabah ke Semenanjung?

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Idea itu baik tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan Sabah dan Sarawak dan Ekran Bhd. sudah tubuhkan satu airline yang dipanggil Segar Air yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29hb. November ini. Tetapi masalahnya ia cuma ada tiga buah kapal terbang sahaja. Jadi, MAS ini mesti belajar untuk sosial sedikitlah. Jangan terlampau buat untung.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun Yang Berhormat dan masa sudah lebih. Masa sudah lebih.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada satu lagi syarikat “belon” iaitu Transmail yang beroperasi bagi penerbangan di antara Kota Kinabalu-Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Kuching. Sekarang kalau MAS sudah naikkan harga, kita support “belon” ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Inilah kalau tidak dimonopoli oleh satu pihak, banyak competition. Tentunya harga akan turun. Tetapi MAS ini monopolise the industry, jadi tidak ada competition. Jadi, pihak pengurusannya profiteering sahaja. Cari untung sahaja. Jadi, kita naik “belon” Transmail lain kali. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Last one, Tuan Yang di-Pertua. Hendak puji Sabah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai kestabilan politik di Sabah sejak setahun lampau. Keadaan yang stabil dan harmoni ini bukan sahaja memberi keyakinan kepada rakyat Sabah untuk sama-sama menempuh arus pembangunan nasional malah terus memberi keyakinan kepada pelabur untuk terus menanam modal di Sabah. Hakikat ini telah disuarakan oleh banyak pelabur dan tokoh-tokoh korporat yang berkunjung ke Sabah. Mereka semuanya mengatakan keyakinan terhadap potensi besar yang terdapat di Sabah dan juga kepimpinan di bawah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sekarang. Tidak dinafikan masih banyak perlu dilakukan di Sabah seperti infrastruktur ke arah menyediakan Sabah sebagai negeri perindustrian di samping latihan-latihan kemahiran terhadap sumber manusia. Namun begitu, satu perkara yang masih menimbulkan ketidakpastian di kalangan rakyat dan pelabur terhadap keadaan di negeri itu dan sering menjadi perbincangan ialah soal pucuk pimpinan negeri itu sendiri yang berkisar kepada konsep Ketua Menteri secara bergilir-gilir.

Saya di sini, ingin menyatakan keyakinan dan sokongan penuh terhadap apa jua keputusan pucuk pimpinan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung perkara ini dalam membimbing pentadbiran negeri Sabah menuju ke arah perkhidmatan yang cemerlang demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong agar Belanjawan negara 1996 ini diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena.

8.30 mlm.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sebenarnya bangun hendak balik. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua telah memberi kebenaran saya berucap, pertama sekali saya juga seperti ahli-ahli Parlimen yang lain bangun di sini menyokong di atas Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Saya rasa sejak saya menjadi Wakil Rakyat seperti Yang

Berhormat dari Yan, sudah beberapa tahun, tiap-tiap tahun Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita sentiasanya baik, always the best, tidak seperti di zaman anak Raja Gua Musang menjadi Menteri Kewangan. *[Tepuk]* Tetapi di sini, kalau kita tengok ucapan-ucapan dari parti pembangkang sungguhpun Budget yang begitu baik, sentiasa dibangkitkan perkara-perkara yang serba tidak kena. Pendek kata, apa yang dibuat oleh kerajaan ini semuanya tidak kena. Pendek kata, pembangkang ini macam orang tengok permainan bola sepak. Dia beli tiket, dia tengok, dia komen lebih daripada orang yang main. Tetapi kalau kita suruh dia masuk dalam stadium, jangan kata hendak score, pakai boots pun dia tidak erti. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini, bila kita ada perjumpaan semua ketua-ketua parti-parti dalam Malaysia ini berhubung dengan nuklear Perancis, saya berasa syukur sebab kita telah bersepakat untuk menghadapi perkara ini. Jadi, saya di sini, ingin mencadangkan oleh sebab kuasa dunia sendiri tidak dapat mengambil tindakan kepada kerajaan Perancis yang begitu degil, tambahlah pula negara kita kecil, tetapi sebagai negara yang kecil, saya mencadangkan supaya negara kita mengambil tindakan yang kecil-kecilan, sekurang-kurangnya kita berhenti membeli barang-barang Perancis. *[Tepuk]* Jangan beli kereta “Peugeot” itu. Kalau ada kereta “Peugeot” buruk hantar pergi ke Gurun, lebur, buang dengan PERWAJA. Saya hari ini....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ahli Yang Berhormat Pokok Sena, saya menyokong, tetapi ada banyak lagi barang-barang Perancis yang Yang Berhormat kena beri tahu. Apa dia lagi barang-barang Perancis yang perlu kita boikot ini?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tadi Yang Berhormat dari Yan menunjuk kepada saya 'model' dari Perancis. Saya kata, saya tidak mahu tengok, sebab Perancis. 'Model', perempuan, elok bukan main dia pakai tetapi orangnya berbangsa Perancis. Saya kata, ini pun tidak boleh tengok oleh sebab kita benci kepada Perancis yang begitu degil.

Ada banyak lagi perkara Perancis. Ini tidak termasuk 'topi Perancis'lah! *[Ketawa]* Saya tahu Yang Berhormat dari Yan hendak suruh saya sebutkan juga. Jadi, saya mencadangkan supaya perkara-perkara ini diambil tindakan supaya negara Perancis ini faham bahawa kita menentang sungguhpun perkara bom nuklear ini diletupkan di dalam laut tetapi saya rasa banyak ikan-ikan, penyu dan semua benda hidupan laut akan mati dan tidak ada siapa yang membelanya. Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya kita mengambil tindakan kepada negara Perancis - berhenti membeli barang-barang Perancis!

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Wakil Rakyat petani, bersyukur kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan beberapa perkara yang menguntungkan petani. Menggalakkan perluasan kawasan aktiviti-aktiviti pengeluaran makanan, melonggarkan lagi kriteria pinjaman dan menurunkan faedah, petani kecil dikecualikan daripada menyediakan cagaran, elaun pelaburan semula untuk aktiviti ini adalah perkara-perkara yang baik untuk petani. Saya harap, dengan tindakan-tindakan ini kawasan saya, terutama sekali di kawasan padi, bahawa petani-petani saya akan mendapat keuntungan.

Saya juga menyeru kepada kerajaan, ada beberapa perkara lagi yang perlu diambil perhatian sebab dalam kawasan petani terutama sekali di Kedah, Perlis dan di Tanjong Karang petani-petani menghadapi masalah. Pertama sekali, sungguhpun kita beri subsidi tetapi harus kita ingat bahawa subsidi itu bukan kita beri kepada petani. Sebenarnya, kita beri subsidi itu kepada petani oleh sebab petani-petani itu tidak dapat menjual beras dengan harga yang tinggi. Jadi, yang untung adalah orang-orang bandar. Oleh sebab itu, kita selalu

mengatakan bahawa petani-petani kita dimanjakan, diberi subsidi. Sebenarnya subsidi ini adalah menguntungkan orang bandar.

Saya melihat dengan keadaan ini di kawasan saya, sungguhpun mendapat subsidi padi tetapi kita menghadapi masalah untuk mengeluarkan padi dalam serelung - di Kedah kita panggil relung, kita tidak panggil ekar - 3 relung satu ekar. Satu relung padi kita memerlukan belanja racun lebih kurang RM50. Saya ingat Menteri Pertanian pun tidak tahu jenis-jenis rumput yang ada di dalam bendang itu. Di Kedah, dalam tanaman padi ini kita menghadapi masalah 'rumput tok', 'janggut keli', 'sambau kaki merah', 'sambau tinggi', 'cabai kera' dan 'tapak itik'. Tiap-tiap jenis pokok-pokok ini ia memerlukan racun yang berbeza. Kalau kita bubuh racun 'rumput tok', 'rumput tok' sahaja yang mati. 'Janggut keli' hidup. Padi memang tidak mati.

Jadi, ini memerlukan lebih kurang RM50 satu relung. Kebanyakan petani-petani ini - pegawai-pegawai dari Kementerian Pertanian minta dengar - tolong beritahu kepada menteri, sebab kita beri subsidi padi tetapi perolehan petani rugi tentang racun. Saya mencadangkan kepada kerajaan memberi subsidi racun, jangan racun kepada petani itu - racun rumput dalam padi - nanti beri racun kepada petani, "pi dengan Wakil-wakil Rakyat". Saya mencadangkan supaya subsidi ataupun peruntukan lebih kurang RM50 satu relung untuk racun ini ataupun kita mengawasi - Ah! Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri...oh! sudah tukar kementerian pula - supaya kita mengawasi harga racun, supaya racun ini dapat dibeli oleh orang-orang kampung dengan lebih murah.

Dahulu saya bangkitkan tentang baja. Baja yang didapati oleh petani-petani di kawasan-kawasan padi ini berbeza. Kalau kita beri tiga kampil, tiga kampil yang dapat itu tidak sama dengan sekampil yang dia beli. Jadi, saya minta supaya kerajaan mengkaji perkara ini. Check at random, sebab kadang-kadang syarikat yang mengeluarkan baja ini, dia tahu orang kampung dapat free, dia tidak peduli. Orang kampung bila dapat free mereka tidak komplen. Tetapi bila saya tengok dalam budget dekat RM89 juta kerajaan beli baja ini

untuk diberi free kepada petani. Jadi, saya minta supaya perkara-perkara ini kita lihat betul-betul....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ah! Ini kawan saya, padi juga.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi sahabat saya bercakap fasal subsidi padi tetapi dia terus pergi kepada racun. Jadi, saya hendak mencadangkan subsidi racun. Saya hendak minta penjelasan, pada hari ini subsidi padi adalah RM24.81 sen tiap-tiap 100 kilogram. Jadi, saya ingin bertanya, berapa ringgit patut kita naikkan subsidi padi pada kali ini?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Menteri kena jawab. Jadi, bila dia tolong tanya ini samalah macam saya katalah. Jadi, minta Menteri kaji betul-betul supaya subsidi itu mencukupi untuk petani-petani itu untuk membeli racun. Sama ada kita kontrol harga racun atau kita beri subsidi melalui subsidi padi. Sudah ada subsidi padi, kita tambah subsidi padi ini untuk orang kampung kita membeli racun. Macam mana, setuju?

Jadi, segala jawapan itu tunggu menteri jawablah.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang ada di kawasan padi, yang perlu pihak Kementerian Pertanian mengambil perhatian, sebab saya bukan membangkitkan perkara macam parti pembangkang kata 'kita Ahli Parlimen daripada backbenchers', kita sentiasa komen bukan macam parti pembangkang dia tengok bola. Kita komen kerajaan kita supaya kerajaan mengambil tindakan, kerajaan kita sentiasa prihatin kepada rakyat. Kita bangkit sebab kita rasa perkara ini perlu.

Dalam kawasan saya ada petani, ada pengilang dan ada pemborong. Saya hendak bangkitkan di sini kisah pengilang. Ada kilang sederhana, kilang kecil dan kilang besar. Jadi, masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kilang besar ini bila sampai musim padi, dia mempunyai mesin yang besar, dia bolot habis semua pembelian padi. Oleh itu kilang-kilang kecil ini, kita tidak ada had, sebab itu hari ini saya hendak mencadangkan supaya kementerian

menghadkan kilang kecil berapa ribu metrik tan boleh beli di tiap-tiap musim, begitu juga kilang sederhana dan kilang besar. Kalau kita tidak buat ini, kilang-kilang kecil dan kilang sederhana insya-Allah akan tutup, sebab kilang-kilang besar dengan modal yang besar, kilangnya yang banyak, selepas itu dia 'tip' pada drebar lori, dia beri RM300. Drebar lori dia bawa padi siapa pun dia tuju kilang besar ini. Ini berlaku di kawasan saya, jadi kilang kecil ini tidak dapat padi, sudahlah modal sedikit, selepas itu tidak ada padi.

Saya mencadangkan di sini supaya kementerian mengkaji perkara ini agar menghadkan kilang besar 10,000 metrik tan sahaja pada semusim, kilang sederhana 7,000 metrik tan semusim, kilang kecil lebih kurang 5,000 metrik tan, supaya semua kilang akan hidup. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang kecil dan sederhana akan mati dan tinggal hutang sahaja jadi bankrapsi - habis. Sebab pada masa dahulu kita menggalakkan petani-petani yang berjaya supaya membeli kilang, tetapi apabila membeli kilang, hutang banyak, padi tidak ada. Jadi, saya berharap perkara ini Kementerian Pertanian akan mengambil perhatian. Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara saya hendak bangkit di sini sebab kita menghadapi masalah buruh-buruh asing. Dahulu apabila kita menghadapi masalah buruh masing ramai masuk, kita berasa curiga disebabkan sudah jadi hampir 2 juta orang buruh asing. Jadi, kita hendak mengawal perkara-perkara ini supaya kita tubuhkan Task Force. Sekarang ini kita menghadapi masalah bila tubuhkan Task Force ini, yang mempunyai kuasa yang begitu banyak dan segala estet dan keperluan-keperluan daripada factories yang memerlukan pekerja-pekerja menghadapi masalah. Oleh kerana saya telah bercakap banyak kali, telah melaporkan perkara ini, jadi saya berharap supaya Task Force ini, Kementerian Dalam Negeri kaji betul-betul sama ada perlu atau tidak.

Saya hendak mencadangkan supaya hapuskan Task Force ini, berikan kuasa ini kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Imigresen. Kita wujudkan Task Force kerana kita hendak mengawal, tetapi apabila kita wujudkan Task Force sekarang semua tugas

kemasukan buruh asing ini, telah menjadi satu tempat untuk Task Force mengaut keuntungan.

Saya hendak sebut di sini sebab perkara ini kita boleh siasat, sebab baru-baru ini 40 majikan hendakkan seorang 'maid' sahaja, terpaksa majikan ini pergi, sebab ada yang membawa anak kecil, pergi sampai pegawai-pegawai itu lari - saya dengar cerita, ini cerita betul, sebab hampir 40 orang pergi menyerang, kerana mereka hendakkan 'maid' untuk menjaga anak mereka itu, apabila mereka pergi bekerja, 3-4 bulan mereka tidak dapat gaji. Itu 'maid'. Bagi buruh-buruh pekerja asing di kilang, nyaris-nyaris kilang ditutup. Kalau macam di ladang-ladang kelapa sawit, maka kita akan menghadapi kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, kita tubuh Task Force ini untuk melihat perkara ini supaya berjalan dengan saksama, dengan lancar supaya buruh-buruh asing ini benar-benar datang untuk bekerja dan buruh-buruh asing ini tidak terdiri daripada pendakwah-pendakwah agama yang sesat, misalnya seperti yang berlaku di Libaran, Sabah, dia datang mendakwah agama Kristian, mengaku dirinya Nabi, ini datang dari buruh asing. Jadi, kita hendak menjaga perkara-perkara ini supaya jangan berlaku dan kita tubuhkan Task Force.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Itu yang saya hendak sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ada lima minit untuk sambung pada esok hari.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Berapa, Tuan Yang di-Pertua? **Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Lima minit.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya bercakap baru lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nanti kita tengok.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Baru satu perkara.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini dia minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sambung esok, Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sebab masa untuk hari ini sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.

